

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Rabu 11 November 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Wong Koon Mun, JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

## **TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datuk Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tuan

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PEMBACA KHUTBAH TANPA TAULIAH JAIS**

20. Arahan adalah begitu jelas bahawa hanya individu yang mempunyai tauliah sahaja dibenarkan membaca Khutbah Jumaat di masjid-masjid seluruh Negeri Selangor. Namun masih terdapat lagi Ahli Jawatankuasa yang membenarkan individu yang tidak bertauliah membaca khutbah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah surat pekeliling atau arahan yang jelas dikeluarkan kepada Nazir dan Ahli Jawatankuasa Masjid tentang larangan terhadap individu yang tidak mempunyai tauliah untuk membaca khutbah.
- b) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya masih ada Nazir atau Ahli Jawatankuasa Masjid yang membenarkan individu yang tidak mempunyai tauliah membaca khutbah.
- c) Berapa orangkah yang mempunyai tauliah JAIS di Negeri Selangor dan sila kemukakan senarai mengikut daerah.

**YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima Kasih Tuan Speaker dan saudara Dusun Tua pertanyaannya ialah adakah surat pekeliling atau arahan yang jelas dikeluarkan kepada Nazir dan Ahli jawatankuasa Masjid tentang larangan terhadap individu yang mempunyai tauliah untuk membaca khutbah. b) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya masih ada Nazir atau Ahli Jawatankuasa Masjid yang membenarkan individu yang tidak mempunyai tauliah membaca khutbah.

c) Berapa orangkah yang mempunyai tauliah JAIS di Negeri Selangor dan sila kemukakan senarai mengikut daerah. Tuan Speaker pertama sekali ingin saya jelaskan permasalahan mereka yang membaca khutbah tanpa tauliah ini adalah perkara yang *isolated* dan tidak merupakan perkara yang besar bagi Negeri Selangor ini. Sebagaimana yang kita tahu jumlah masjid dan jumlah surau keseluruhannya surau yang dibenarkan untuk membuat sembahyang Jumaat bersama dengan masjid adalah hampir lima ratus(500) daripada lima ratus itu (500), komplain-komplain yang kita dapat ialah tak sampai pun tiga empat begitu saja. Dan biasanya masjid-masjid itu masjid yang serupa dan berulang begitu, jadi yang dalam hal yang sedemikian kita pun telah mengeluarkan arahan kepada Nazir-nazir masjid, setiausaha-setiausaha masjid dan sebagainya bukan saja arahan bertulis saya sendiri pun bersama Pengarah JAIS telah memanggil Nazir dan setiausaha dan Ahli Jawatankuasa Masjid sebanyak empat kali dah kita mengadakan pertemuan dan antara yang kita terangkan ialah tentang permasalahan tauliah ini, kita dah bagi tahu mereka tentang keperluan tauliah dan kita jugak telah beritahu dia apa yang akan berlaku sekiranya mereka mengingkari peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kepada mereka yang melalui sama ada yang bertulis sama ada yang melalui arahan-arahan verbal yang kita berikan di dalam pertemuan-pertemuan yang kita adakan dengan Jawatankuasa tersebut. Jadi dalam hubungan ini Tuan Speaker khutbah yang disampaikan pertama sekali ialah khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan yang kedua khutbah itu tidak lah menyentuh individu-individu dan menamakan individu-individu, parti-parti politik dan sebagainya dan khutbah itu juga tidak menyentuh perkara-perkara yang tidak ada relevan berkaitan dengan apa yang dikhutbahkan pada hari itu, dan yang ketiga khutbah itu mestilah terutamanya dalam khutbah yang kedua mendoakan kesejahteraan kepada DYMM Sultan Selangor dan Raja Muda dan sebagainya. Ini memang menjadi perkara-perkara yang ditekankan kepada Nazir-nazir supaya sesiapa juga yang memberi khutbah sama ada orang-orang yang memberi khutbah itu memang orang yang memberi khutbah memang tugasnya memberi khutbah iaitu imam di masjid-masjid yang berkenaan atau jemputan-jemputan para-para khutbah jemputan yang didatangkan ke masjid-masjid mereka. No.2 (b) Tindakan yang diambil setakat ini kita memanggil nazir-nazir tersebut, memanggil setiausaha-setiausaha tersebut dan memberikan nasihat kepada mereka, ingatkan lagi kepada mereka ingatan-ingatan dan nasihat-nasihat dan sebab itu kita lebih menjurus kepada nasihat dan ingatan seperti ini dan kalau itu berlaku juga kita akan berikan amaran kepada mereka dan kemungkinan besar kalau itu juga berlaku maka kedudukan mereka sebagai nazir atau setiausaha atau sebagainya akan dinilai semula oleh JAIS sama ada mereka itu berhak duduk di tempat itu atau tidak berhak duduk di tempat itu akibat oleh kerana mereka tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAIS. Kemudian (c) Tuan Speaker dan juga Dusun Tuan jumlah kesemua mereka yang terakhir sehingga Disember 2009 yang telah diberikan tauliah sama ada membaca khutbah sama ada memberi kuliah sama ada memberikan kuliah-kuliah khas kepada masjid dan sebagainya jumlahnya ada sembilan ratus tujuh puluh tujuh (977) orang jadi angka-angka ini berubah dari masa ke semasa sebab mereka diberikan tauliah ada yang tiga tahun ada yang lima tahun tetapi di akhir-akhir ini kebanyakannya lima tahun kalau mereka tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kemungkinan besar atas dasar komplain-komplain daripada jemaah komplain-komplain dari ahli kariah dan atas jemaah pemantauan atas dasar pemantauan yang JAIS sendiri melakukannya mungkin lah ada pengulas-pengulas itu digugurkan atau sebagainya. Jadi sekali lagi saya ingin menerangkan perkara ini *isolated* walaupun *isolated* perkara ini tidak berlaku secara besar begitu walaupun *isolated* tetapi bagi mengekalkan keharmonian bagi mengekalkan kesejahteraan di kalangan masyarakat itu yang pertama, yang kedua bagi menentukan mereka menurut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAIS sendiri maka kita berasaskan kita mengambil langkah-langkah yang pasti JAIS, JAIS mengambil langkah-langkah yang pasti untuk menentukan kejadian-kejadian ini tidak berulang lagi terima kasih.

**YB TUAN SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker , soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUAN SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker dengan jumlah yang disebut tadi sembilan ratus tujuh puluh tujuh (977)orang saja yang dikeluarkan tauliah sedangkan ada masjid tiga ratus sembilan puluh (390), surau yang boleh didirikan sembahyang Jumaat lima ratus (500) ertinya lapan ratus sembilan puluh (890) tempat yang ada khutbah tiap-tiap minggu jadi biasanya sesebuah masjid atau surau ada ramai khatib-khatib bukan sorang saja tak kan dia nak sorang tiap-tiap minggu ertinya sekurang-kurangnya ada tiga (3) orang ertinya kita memerlukan kalau tiga ratus (300) tiga ke lapan orang dua ribu empat ratus (2400) orang khatib jadi dengan hanya sembilan ratus tujuh puluh tujuh (977) adakah cukup ini tak termasuk yang mengajar di masjid surau lagi perlu kepada tauliah jadi adakah ini ertinya JAIS tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat dari segi untuk menyampaikan khutbah dan juga keperluan untuk mengajar di surau dan masjid, ertinya perlu ramai, saya ingat perlu sampai lima ribu (5000) untuk guru untuk mengajar pekeliling di surau dan masjid. Jadi apa cara untuk mengatasi? Yang kedua saya nak tanya. Tidak adakah satu jalan yang agak menyenangkan ertinya dikeluarkan tauliah melalui Jabatan Agama di daerah-daerah secara sementara kalau orang datang dari luar dia tak ada tauliah kita pergi mintak dan kita jamin dia boleh mengajar dan boleh didengar kalau tak betul boleh ditarik balik. Yang ketiga saya nak tanya mengapa ditangkap seorang bekas Mufti Mohamad Asri bin Zainal Abidin dia adalah seorang Mufti yang memang layak mengajar lebih daripada layak, adakah orang yang macam ini perlu ditauliah-tauliahkan, yang sudah diiktiraf sebagai seorang Mufti, ataukah ini tindakan politik semata-mata ataupun apa sebabnya terima kasih.

**YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Bangi, pertama sekali di perangkaan yang bagi Bangi bagi itu tak berapa tepat dia jumlah masjid dan jugak surau yang diberikan taraf masjid begitu untuk dibenarkan berkhutbah masjid nya memang ada tiga ratus tujuh puluh lapan (378) dan surau yang diberikan taraf masjid untuk dibenarkan menunaikan khutbah Jumaat adalah seratus dua puluh tiga (123) menjadikan empat ratus sembilan puluh lapan (498) itu yang dia punya apa bukan lapan ratus (800) sebagaimana yang Yang Berhormat menyebutkan tadi. Jadi maknanya setengah Yang Berhormat kena cek dengan saya sebenarnya untuk dapatkan betul tak betul statistik itu, No. (2) yang pertama sekali kita sembilan ratus tujuh puluh tujuh (977) ini ialah jumlah yang ada yang kita berikan tauliah kepada mereka termasuklah imam dan sebagainya, sebagaimana yang saya katakan tadi jumlah surau, surau yang diberikan kebenaran menunaikan Jumaat dan masjid empat ratus sembilan puluh lapan (498) dan persoalannya tentang kuliah-kuliah yang lain yang disebutkan oleh YB Bangi tadi memang lah jumlah surau dan jumlah masjid sebenarnya hampir-hampir semua dua ribu tiga ratus (2300) surau, surau dan masjid dua ribu tiga ratus (2300) jadi persoalannya macam mana kita nak lahirkan dua ribu tiga ratus (2300) sepanjang masa untuk memberikan kuliah dan jugak khutbah tadi ok kita sedang mengambil langkah-langkah bukan senang kita tidak ada peraturan nya agak ketat nak mengeluarkan tauliah ini bukan semua orang boleh mengeluarkan tauliah , bukan ada sapa-sapa sebab itu nak diwakilkan kepada PAID ataupun kepada Pejabat Agama Daerah untuk mengeluarkan tauliah ini kurang tepat oleh kerana kita agak ketat kalau kita mengeluarkan tauliah kepada sesiapa jugak yang mengeluarkan tauliah sebab itu ada Jawatankuasa Khas kita ada Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Pengarah JAIS dan juga merupakan Setiausaha Kepada MAIS, Timbalan nya adalah Dato' Mufti kita sendiri yang berada dalam Jawatankuasa tersebut jadi Jawatankuasa tersebut Insya-Allah mempunyai kemampuan untuk mereka menyaring nama-nama mereka yang memohon untuk mendapatkan tauliah tersebut hingga kini rasanya dengan

keadaan dengan adanya bantuan komputer dan sebagainya dan bantuan-bantuan peralatan yang lain kita dapat masa yang diambil untuk meluluskannya agak singkat dan tidak ada masalah tentang itu sebab itu rasa saya tak berapa sesuai untuk diperturunkan masalah yang agak besar ini kepada peringkat daerah kemudian tentang apa yang kita lakukan untuk kita mendapatkan bilangan yang sesuai memandangkan surau dan masjid ini yang saya katakan tadi ada dua ribu tiga ratus (2300) buah jadi apa yang kita lakukan antaranya misalnya kita JAIS telah pun bersepakat dengan pihak KUIS untuk melatih pengkhutbah-pengkhutbah dari kalangan pensyarah-pensyarah KUIS dan ini telah dilakukan alhamdulillah banyak hampir 600 orang telah dilatih dan mereka diberikan keizinan untuk pergi membaca khutbah secara undangan begitu dan dalam MAIS baru-baru ini kita cadangkan supaya bilangan bukan 60 yang cantiknya 200 orang yang kita latih untuk pengkhutbah-pengkhutbah, pengkuliahan-pengkuliahan yang mereka dapat pergi satu tempat ke satu tempat dan cara yang begini pun baiknya untuk penduduk tempatan untuk ahli-ahli kariah, sekali-sekali mereka mendengar suara yang lain daripada yang biasa, sekali-sekali orang yang naik mimbar itu orang yang lain dari yang biasa ini sebenarnya menimbulkan keseronokan dan menimbulkan satu rasa semangat baru dalam mereka menikmati idea-idea khutbah *content-content* khutbah yang disampaikan sudah tentu lah kita mendapatkan pensyarah-pensyarah KUIS oleh kerana mereka ini ada yang PHD, ada yang *Master* sudah tentulah dengan kemampuan dan keterampilan mereka dalam *public speaking, public presentation* rasanya ini lebih mengundang minat kepada para-para jemaah untuk mendengar khutbah yang dibacakan jadi kita mencari lagi pada masa yang sama kita war-warkan kepada teman-teman pusat-pusat pengajian tinggi kepada maahad-maahad tahfiz di mana juga Negeri Selangor ini bagi memungkinkan kita menambah bilangan hingga satu masa nanti dengan pertolongan daripada Bangi dan sebagainya kita mengharapkan bilangan yang itu terus meningkat dan kita menunaikan kehendak masjid-masjid dan surau yang diberikan taraf masjid yang dibenarkan memberi khutbah menunaikan sembahyang Jumaat itu dapat dilaksanakan. Ada pun yang berkaitan dengan Dr. Asri ni, Dr. Asri ni.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat saya rasa itu dah keluar daripada

**YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ok...ok...dah itu lagi cantik lah

**TUAN SPEAKER:** Dah terkeluar dah

**YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ok terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Ya terima kasih

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Ada soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih Tuan Speaker, saya seronok mendengar penjelasan daripada YB EXCO tadi. Dan kawalan yang dibuat dan sebagainya. Tapi pada hari ini saya nampak perkara ini masih lagi berlaku di masjid-masjid yang terpilih ini. Saya tak perlu sebut di sini tapi saya rasa banyak masjid-masjid berlaku perkara-perkara ini berulang-ulang kali. Yang pertamanya saya percaya penceramah-penceramah jemputan ini saya tak pasti jemaah pun kadang kala bertanya ada tauliah ke tak ada tauliah pertama, yang keduanya cenderung sangat untuk membaca khutbah dengan teks sendiri. Bila baca dengan teks sendiri ni YB sekalian, maklum sajalah kebanyakannya yang naik ni adalah orang politik juga terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya. Maka cenderung sangat untuk mencerca orang lain. Tak kisalah sama ada parti-parti lain ataupun kerajaan-kerajaan yang lain yang mereka

tidak sokong. Jadi saya haraplah selain daripada aduan orang ramai ni, persoalan saya sebelum Tuan Speaker bertanya saya apa soalan, ini soalan saya. Adakah Kerajaan Negeri ataupun JAIS ini akan melakukan proses di mana meminta Penguatkuasa mereka berada di masjid-masjid terpilih ini. Janganlah beritahu bila nak pergi, dengar dan pastikan bahawa pembaca khutbah ini adalah bertauliah dan tidak menyeleweng daripada apa yang sepautnya dikhutbahkan. Ini kerap berlaku dan perkara ini berlaku juga di Pekan Batu 14, ini saya sebutkan di kawasan saya, kerap sangat, sehingga ada jemaah-jemaah kita sudah mula memulaukan masjid ini, tak mahu hadir dah. Jadi ini pada saya suatu yang tidak baik untuk Agama Islam. Kerana pada saya masjid ini merupakan tempat paling tinggi perpaduan umat Islam di negeri ini. Jadi saya harap YB EXCO dan Kerajaan Negeri tolong tengok perkara ini. Terima kasih.

**YB. DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Dusun Tua, pertama sekali memang ada beberapa masjid yang perkara ini berulang-ulang begitu kan ye. Tapi saya nak tekankan sekali lagi bahawa bilangannya terlalu kecil. Bayangkan daripada 500 masjid dan surau yang diberikan taraf masjid itu 500 kalau ada insidennya 1,2 begitu, saya rasa dia punya peratusnya terlalu-terlalu kecil tetapi walau macam mana pun bila dah kecil macam ini jadi memudahkan lagi kita memantau. Bukan ini fenomena yang menyeluruh begitu. Oleh sebab itu saya tahu kemungkinan ada pihak-pihak masjid ataupun surau-surau yang diberikan taraf masjid itu menggunakan pengkhutbah-pengkhutbah daripada luar dan ada yang membuatkan teks sendiri yang ini memang kita tidak benarkan. Sebab itu dalam arahan kita, dalam taklimat-taklimat kita kepada nazir-nazir juga setiausaha, imam-imam dan sebagainya diberitahu, dia tidak boleh melakukan, menggunakan teks sendirinya dengan sesuka hati sahaja nak menyebut sana nak menyebut sini, menyebut politik dan sebagainya, itu tidak dibenarkan. Kita masih menjunjung Titah ke bawah Duli Tuanku bahawa masjid adalah kawasan bebas daripada politik, zon larangan berpolitik. Ini memang kita jadikan sebagai panduan utama kita untuk menjaga keutuhan masjid.

Jadi tentang nak menghantar pegawai-pegawai penguatkuasa ini. Penguatkuasa di peringkat daerah pun sikit bilangannya. Setengah daerah ada 5 orang sahaja. Jadi satu daerah ada berapa masjid. Satu daerah mungkin ada 50 masjid begitu kan ye, Jadi nak menghantar mereka tu agak-agak sukar. Boleh dibuat terutama masjid-masjid Yang Berhormat menyebutkan tadi kerana tetapi bagi saya yang pentingnya orang macam Yang Berhormat ini orang macam Yang Berhormat ni menjadi Chief Penguatkuasanya. Itu, itu lebih baiklah. Dengar saja buat aduan. Dengar saja e-mel kat kita. Dengar saja faks kat kita. Dengar saja SMS kat kita. Jadi ini lebih baiklah daripada kita nak mengharapkan pegawai-pegawai penguatkuasa yang bilangannya terlalu sedikit untuk memantau tugas-tugas yang sedemikian. Saya harap mulai daripada hari ini Dusun Tua pun akan menjadi salah seorang pemantau itu. Terima kasih.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Yang Berhormat, bukan saya tak mahu menjadi....

**TUAN SPEAKER:** Cukuplah, cukuplah, Rawang...

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, soalan No. 21

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: HASIL CUKAI TANAH**

21. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
  - a) Berapakah jumlah hasil cukai tanah yang dikutip mengikut daerah daripada tahun 2007-2008?
  - b) Senaraikan jumlah hasil tanah yang di hutang oleh Anak-anak Syarikat Negeri Selangor kepada Kerajaan Negeri daripada tahun 2007-2009 ?
  - c) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan pungutan cukai tanah?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat dari Rawang untuk bertanyakan soalan-soalan mengenai hasil cukai tanah. Secara terperinci jumlah cukai tanah yang dikutip di negeri Selangor pada 2007 ialah RM311.7 juta dan terdapat tunggakan sebanyak RM 75.7 juta. Pada 2008 kutipan seluruh tahun ialah RM 336 juta dan tunggakan sebanyak RM 99.2 juta. Sehingga 30hb September 2009 kutipan sudah sampai kepada RM 328 juta dan tunggakan ialah RM 77.5 juta. Dan soalan mengenai di manakah daerah-daerah dan pecahan dari segi pendapatan. Petaling mendahului dari semua daerah. Kutipan Petaling untuk tiga tahun melebihi RM 130 juta. Untuk Klang tahun 2007 RM 66 juta, 2008 RM 76 juta dan sehingga September 2009 RM 76 juta. Gombak RM 36.7 juta pada 2007, 2008 RM 39 juta, sehingga September, RM 37.5 juta. Diikuti oleh Hulu Langat RM 29 juta sehingga 20 September. Kuala Langat RM 10.3 juta. Kuala Selangor RM 5.7 juta. Sabak Bernam RM 2.6 juta. Hulu Selangor RM 17 ataupun RM 18 juta, Sepang RM 17.5 juta. Saya akan hantar maklumat terperinci ini kepada YB Rawang tapi itu senarai yang kita dapat dan kita sudah kumpulkan hingga terkini. Jadi Petaling, Klang dan Gombak dan Hulu Langat antara yang terbanyak. Kemudian berapakah senarai jumlah hasil tanah, hutang-hutang anak syarikat negeri Selangor kepada Kerajaan Negeri jumlahnya ialah masih lagi belum terkutip sebanyak RM 138.7 juta. MBI RM 1 juta, Kumpulan Darul Ehsan Berhad RM 765 juta. Kumpulan Darul Ehsan melalui Central Spectrum RM 69 juta. Kumpulan Darul Ehsan melalui SAP RM 1.1 juta. Permodalan Negeri Selangor Berhad RM 19 juta. MSNS Holdings Sdn. Bhd. RM 469 ribu. PKNS RM sebanyak RM 47 juta. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri. Beberapa langkah yang kita telah saya sebutkan di dalam Bajet 2010. Antaranya operasi kutip, operasi '*Knock Door*' dan hadiah kepada mereka dapat menjalankan kutipan cukai dan seterusnya. Dan bagaimana Kerajaan Negeri mengutip dari anak-anak syarikat, kita telah membuat beberapa rancangan penyusunan semula hutang-hutang dan pembayaran cukai-cukai ini jadi kita susun semula. Umpamanya dalam pembayaran cukai Darul Ehsan, hutang yang tidak dikutip oleh Darul Ehsan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri selepas mengutip hutang tersebut "off set" tentang hutang-hutang yang terhutang kepada negeri. Jadi dua-dua kena bekerja. Mengutip hutang dan juga menyelesaikan masalah-masalah hutang oleh syarikat-syarikat yang terhutang dengan negeri. Jadi itu yang kita lakukan dan kita berharap akan dapat menyelesaikan banyak masalah *recording* tentang tunggakan cukai-cukai ini. Terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk merampas tanah ataupun apa yang dimiliki oleh anak-anak syarikat sekiranya mereka gagal untuk membayar hutang dalam masa yang dinyatakan sebab daripada tinjauan saya, saya dapat ramai anak syarikat memiliki tanah-tanah dibiarkan begitu sahaja ataupun telah terlibat dalam projek JV yang tidak mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan Negeri. Jadi apakah ini salah satu langkah juga untuk menyelesaikan isu hutang anak-anak syarikat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya rasa masalah yang terbesar kepada negeri, tanah yang diberi kepada anak syarikat itu, tanah negeri maknanya kalau ambil balik pun tak ada apalah, negeri rugi dua kali. Jadi oleh sebab itulah saya nak uruskan supaya penggunaan tanah itu dibuat dan syarikat-syarikat yang mendapat tanah itu sentiasa bekerja kuat untuk menghasilkan dari tanah tersebut. Jadi pengambilan tanah tidak menyelesaikan masalah terbesar di sana. Sebab kita Kerajaan Negeri biasanya mengambil tanah sendiri maknanya tanah bagi orang, kita ambil sendiri. Jadi maknanya tak ada dalam akaun maknanya kosong. Jadi oleh sebab itulah kita uruskan tapi saya rasa oleh kerana MBI sudah kita tubuhkan. Pemantauan itu akan lebih kerap dan rapi dan cara menyelesaikan masalah juga adalah lebih *business line*. Bukan apa yang dikata runding *business* boleh jadi runding politik. Tapi kita buat *very bisnes like* maknanya hutang kena dibayar, hutang kena dikutip harta kena diurus jadi dengan cara itu semua CEO dan juga pemantauan dapat dijalankan dengan nyata dan terbuka.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya yang ke 22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK: HASIL TANAH**

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Apakah dasar-dasar terbaru kerajaan dalam mempertingkatkan hasil tanah Kerajaan Negeri, khususnya tanah pertanian yang telah digunakan sebagai tanah perindustrian dan perdagangan?
- Bagaimanakah Kerajaan Negeri membahagikan hasil-hasil tanah di antara sembilan buah Pejabat Tanah dan Daerah ini?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Mengenai hasil juga apakah dasar terbaru kerajaan dalam mempertingkatkan hasil tanah kerajaan negeri khususnya tanah pertanian yang digunakan sebagai tanah perindustrian dan perdagangan. Ini termasuk dalam masalah penggunaan tanah maknanya kilang yang dibuat tanpa izin di kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya dilakukan. Tetapi kita sudah mulakan program membersihkan perkara ini. Ini telah kita lakukan lekas dan selepas program itu kilang-kilang yang beroperasi di tanah itu kita selesaikan dan terus mereka akan jadi kita terus terima sebagai beroperasi secara sah dan untuk ini kita sudah berjaya dapat mengutip lebih 65 juta tentang program dan program ini akan diteruskan dan walaupun terdapat banyak masalah dari segi prosesnya kerana mereka-mereka ini kadang-kadang kala telah

membuat kenyataan yang sepatutnya kita tidak boleh terima dia telah beroperasi sebagai *kite* dalam bentuk menjalankan usaha kilang ini sudah 15 tahun tapi orang tak pernah tegur dia. Jadi ini banyak berlaku, maknanya Pejabat Daerah tak tengok ada juga Ahli Politik boleh buat apa semua. Tapi ini kita akan selesaikan sebab itu sekarang kita ada perancangan dan yang kita buat untuk setiap PBT yang kita tunjukkan di mana tempat boleh buat perindustrian, mana tempat buat pertanian dan seterusnya...dah. Draf itu pun telah kita aturkan dengan cara itu kita rasa kita mula dapat menyelesaikan perkara ini. Tapi penyelesaian itu bukannya cepat, umpamanya di kawasan Sg. Buloh di mana ada satu penempatan yang terbesar kilang-kilang yang dikatakan tidak ada kelulusan dulu dan sudah beroperasi berpuluh-puluh tahun dan mendatangkan hasil kepada mereka ada yang mengatakan kepada saya penjualan perabot yang melebihi 300 ke 400 juta setahun. Tapi saya telah mengadakan beberapa perjumpaan untuk menyelesaikan secara *bissnes live'*. Dia kena pindah ke tempat tersebut dan kita akan ubah tahap takrif penggunaan di sana dan kita akan bina semula. Jadi perkara-perkara ini dasar Kerajaan Negeri. Pertama kita menggalakkan orang membuat perniagaan dan perdagangan, tetapi di tempat yang sesuai. Kita juga mengambil masa untuk membenarkan ada dipanggil *transisefil*, tapi tidak biarkan saja. Kita tidak biarkan saja maknanya pejam mata tapi kita *time frame* dan saya rasa tanah-tanah pertanian juga kita akan tentukan mana tempatnya dan berapa lama tanah pertanian kawasan ini mesti dibersihkan. Kemudian soalan akhir. Bagaimana Kerajaan Negeri membahagikan hasil-hasil tanah di antara 9 buah Pejabat Tanah di daerah-daerah ini?. Perkara ini...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat soalan ini telah ditolak.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Telah ditolak, ok. Terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Mengenai hasil tanah pertanian ini. Tadi Yang Berhormat telah menyebut tentang satu angka iaitu RM65 juta selepas proses pembersihan yang telah dilakukan sehingga kita dapat mengutip wang sebeginu banyak. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu anggaran hasil tanah tambahan yang boleh kita kutip, selepas kebanyakan tanah-tanah pertanian ini dikutip. Berapakah agarnya hasil yang boleh kita kutip setiap tahun?. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya ingin angka tersebut saya tidak boleh berikan sekarang sebab, tapi kawasan-kawasan yang kita dalam kajian ada jadi kawasan-kawasan di Sg. Buloh, Telok Gong, di antara Balakong itu kawasan-kawasan yang kita telah buat kajian. Tapi saya rasa tidak lama lagi kita akan buat satu perancangan untuk menentukan dalam masa 5 tahun akan datang. Berapakah jumlah-jumlah hasil cukai tanah yang kita boleh dapat jangkakan dan bagaimana kita dapat menentukan penggunaan-penggunaannya.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, soalan no. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK: PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM**

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah pencapaian program ini setakat ini.
  - Berapa jumlah hasil yang dapat dikutip mengikut daerah berikutkan kejayaan program tersebut.
  - Apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah pembinaan kilang-kilang haram berterusan.

**YB. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, Pencapaian Program Pemutihan Kilang Haram, sehingga 30 September 2009 sejumlah 843 atau 35.6% daripada 2,370 kilang haram tanpa kebenaran yang disenaraikan telah memohon untuk tukar syarat tanah. Jumlah hasil yang dapat dikutip, iaitu dari segi bayaran premium dan permit sementara tanah ialah RM64.5 juta. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah Petaling	- RM28,450.810.80
Daerah Klang	- RM14,096,173.00
Daerah Gombak	- RM337,800.00
Daerah Hulu Langat	- RM14,948,514.60
Daerah Kuala Langat	- RM4,883,133.00
Daerah Sepang	- RM1,102,654.00
Daerah Hulu Selangor	- RM34,200.00
Daerah Kuala Selangor	- RM656,122.00
Daerah Sabak Bernam	- RM8,000.00

Langkah-langkah yang lebih berkesan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu-isu kilang-kilang ini adalah seperti berikut:

- 1) Pejabat Tanah dan Daerah dan PBT perlu mengadakan lebih banyak program berbentuk hebahan bagi memaklumkan tentang kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mengikut peruntukan akta dan kanun masing-masing. Di samping perlu mengadakan lebih banyak program-program berbentuk hebahan bagi menarik minat pemilik tanah atau pengusaha kilang yang terlibat.
- 2) Mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian mengikut Kanun Tanah Negara (KTN), 1965 dan akta masing-masing ke atas mana-mana pemilik tanah ataupun pengusaha kilang yang tidak mengindahkan program pemutihan ini.

Bagi kilang-kilang yang menempatkan rizab-rizab sungai PNB dan sebagainya kita akan memastikan mereka berpindah daripada tapak tersebut tapi kategori ini hanya terdiri daripada bilangan yang tidak besar. Sebenarnya kebanyakan kilang tidak kebenaran ini di Selangor

adalah dibina di atas persendirian yang telah menyalah guna tanah. Selain itu ia juga berada di kawasan berkelompok. Untuk menggalakkan pemilik-pemilik kilang tanpa kebenaran untuk menyertai program pemutihan Kerajaan Negeri telah mengemukakan beberapa insentif untuk kilang-kilang tersebut ini seperti pemberian potongan 50% bagi premium tanah yang dibuat dalam 3 bulan atau 30% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh 6 bulan atau 10% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh 9 bulan kepada pemohon-pemohon menjelaskan premium secara sekali gus. Selain itu Kerajaan Negeri baru-baru ini telah menambah baik insentif ini. Pemberian tawaran diskaun sebanyak 50% bagi premium akan diberikan kepada mana-mana pemohon yang dapat membuktikan bahawa pihaknya telah membuat insentif untuk mengemukakan permohonan pinjaman kepada bank atau mana-mana institusi kewangan dalam masa 3 bulan dari tarikh kelulusan tukar syarat diperoleh. Ini bermaksud pemohon masih boleh mendapatkan diskaun sebanyak 50% walaupun pinjaman bank diluluskan selepas 3 bulan pertama kemudian. Sebuah garis panduan syarat teknikal baru telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diguna pakai oleh semua PBT di Selangor bagi memudahkan pemohon untuk mendapatkan kelulusan bagi bangunan mereka. Dengan syarat-syarat tersebut kita berharap dapat membantu pemilik-pemilik kilang untuk menyelesaikan masalah mereka. Sekian.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Sijangkang.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Sebentar Program Pemutihan ini dijalankan saya dapati ada kalanya masih timbul-timbul lagi kilang-kilang haram yang baru dan ada kalanya melibatkan pelabur-pelabur daripada luar Negara. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu bentuk tindakan yang berbeza yang mungkin tindakan lebih drastik ataupun tegas kepada pelabur-pelabur terutamanya daripada pelabur-pelabur dari luar Negara?. Terima kasih.

**YB. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tak kira pelabur ini daripada Negeri Selangor atau pelabur daripada luar Negara kita tidak membenarkan siapa untuk mendirikan kilang tersebut tanpa kelulusan daripada Pejabat Daerah ataupun kelulusan daripada PBT. Saya berharap YB selanjutnya sila hantar kepada saya dan saya akan mengarahkan tindakan akan dikenakan ke atas projek tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker soalan no. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PENCEMARAN UDARA**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan dan teknik pemantauan yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengurangkan kadar pencemaran udara yang disebabkan pembakaran hutan dan sampah yang tidak terkawal di Negeri Selangor.

b) Sejauh manakah tahap kesihatan dan kualiti udara di Negeri Selangor pada masa kini.

**YB. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar pencemaran udara dengan menangani isu pembakaran terbuka yang disebabkan oleh pembakaran hutan dan sampah dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:

1. Mempertingkatkan penguasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah Dan Daerah dan Jabatan perhutanan dengan mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka;
2. Menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesanan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
3. Melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka terutama di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan '*water management system*' melalui pembinaan '*check dam*' dan pembinaan pintu air di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
4. Jabatan Bomba dan Penyelamat terlibat di dalam kerja-kerja pemadamkan bagi kes-kes kebakaran yang telah berlaku melibatkan kawasan hutan, tanah gambut dan tapak sampah. Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah juga akan digerakkan untuk mengambil tindakan bagi melaksanakan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu sepetimana mengikut Arahan Majlis Keselamatan Negara, MKN No. 20; apabila keadaan memerlukan; dan
5. Bagi tapak pelupusan sampah haram yang menjadi punca kepada masalah pembakaran terbuka di mana aktiviti tersebut adalah menyalahi syarat nyata kegunaan tanah, maka tindakan undang-undang akan diambil oleh Pejabat Tanah termasuk merampas tanah tersebut daripada pemilik tanah mengikut peruntukan di bawah Akta Kanun Tanah Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat pencegahan merupakan kaedah yang paling baik untuk menangani masalah pembakaran terbuka tersebut dan cara pencegahan yang paling cekap adalah mengelakkan tapak-tapak tanah dari digunakan sebagai tanah pelupusan sampah haram dan ini adalah di bawah bidang kuasa Pihak Kuasa Tempatan. Pembakaran mengambil kos amat tinggi misalnya baru-baru ini di Sg. Kertas di mana anggaran kos untuk memadamkan api tersebut menelan belanja sejumlah RM3.5 juta.

Bahagian kedua, soalan dari Bukit Antarabangsa. Penilaian ke atas status kualiti udara adalah di buat berdasarkan kepada indeks kualiti udara ataupun IKU yang terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu :-

- |      |                    |   |                    |
|------|--------------------|---|--------------------|
| i)   | Baik               | - | IKU 0 hingga 50    |
| ii)  | Sederhana          | - | IKU 51 hingga 100  |
| iii) | Tidak Sihat        | - | IKU 101 hingga 200 |
| iv)  | Sangat Tidak Sihat | - | IKU 201 hingga 300 |
| v)   | Merbahaya          | - | IKU melebihi 300   |

Pada masa kini, status kualiti udara di Negeri Selangor berada pada tahap yang baik iaitu 50 dan ke bawah dan pada kebanyakan masa berada pada tahap sederhana iaitu 100 dan ke bawah. Sebagai perbandingan, kualiti udara yang paling teruk sekali tahun ini dicatatkan di daerah Klang pada 16 Julai dengan IKU 135. Kejadian tersebut berlaku akibat pembakaran terbuka di seberang laut iaitu di Sumatera dan pada masa itu, selain daripada Klang, Petaling Jaya dan juga Shah Alam juga mengalami kualiti udara kurang sihat iaitu IKU melebihi 100 dan pada masa itu, kita juga meneliti bahawa ianya berpunca pelepasan daripada kenderaan.

**TUAN SPEAKER:** Kuang.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Soalan 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK: NEGERI BERKEBAJIKAN**

25. <http://dun.selangor.gov.my/v1/?q=ms/node/1016/edit> Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan berpendapatan rendah bagi meningkatkan taraf kehidupan?
- Apakah bentuk bantuan dari Kerajaan Negeri bagi memberi peluang kepada rakyat Selangor menjadi Usahawan?

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker. Menjawab soalan YB Kuang.

a) Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat golongan berpendapatan rendah di Negeri Selangor adalah dengan mewujudkan program-program yang boleh menjana ekonomi rakyat seperti bantuan peralatan dan mesin untuk meningkatkan pendapatan rakyat berpendapatan rendah, bantuan pendidikan dan kemahiran teknikal kepada pelajar lepasan SPM untuk memahirkan diri dalam bidang kemahiran teknikal, serta bantuan-bantuan lain daripada pertanian dan perikanan. Di bawah bantuan pertanian, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan berupa :-

- Ternakan
- Mesin-mesin pertanian
- Baja

Sementara bantuan-bantuan yang diberi untuk perikanan ialah :-

- Bot
- Alat menangkap ikan

c) Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membentuk usahawan baru adalah memberi latihan dan kursus berkaitan asas-asas keusahawanan. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri sedang membangunkan program Satu Kampung Satu Produk bagi melahirkan usahawan-usahawan baru dari golongan yang berpendapatan rendah dengan cara melantik mentor untuk melatih dan memasarkan produk-produk yang dihasilkan. Di samping itu, peruntukan RM1 juta diberikan kepada usahawan-usahawan Industri Kecil Sederhana.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Saya nak tanya.

- a) Berapa jumlah program yang telah diadakan sepanjang 2009?
- b) Berapa jumlah peserta yang menyertai?
- c) Berapa jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada mereka?

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Sepanjang 2009, hingga hari ini seramai 1,200 peserta telah mengikuti kursus asas keusahawanan dan sekitar 220 IKS telah dibantu.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker. Peraturan tetap 24 (2). Memohon soalan 26 menjadi soalan saya.

**TUAN SPEAKER:** YB, menurut Peraturan 24, Perenggan 2. Kalau ADUN yang bertanyakan itu tidak bangun. Maka ahli yang lain boleh meminta mengambil alih. Tapi sekarang ni, Kuala Kubu Bahru tak datang langsung. Jadi apakah sebab yang dapat YB berikan untuk mengambil alih soalan ini?

**YB TUAN YAP EE WAH:** Pagi ini dia ada *rehearsal* anugerah pingat. *That's why* YB Kuala Kubu Bahru tak datang.

**TUAN SPEAKER:** Itu tidak menjadi alasan yang baik untuk YB mengambil alih soalan melainkan YB juga berminat dalam soal ini. Jadi saya tolak dulu.

**TUAN SPEAKER:** Sri Serdang? Sri Serdang juga tidak hadir? Batu Caves?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
( BATU CAVES )**

**TAJUK: KEBAKARAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM SUNGAI KERTAS**

28. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh mana kebakaran tersebut telah dipadamkan dan berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh pihak berkuasa.
- b) Apakah proses undang-undang yang dikenal pasti untuk menghukum pihak yang terbabit.
- c) Apakah pelan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan masalah tersebut berulang.

**TUAN SPEAKER:** EXCO? Kebakaran Tapak Pelupusan Sampah Haram Sungai Kertas.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Maaf Tuan Speaker, Ahli-ahli YB Soalan ini mengenai tapak pelupusan sampah haram di Sungai Kertas.

- a) Pemadaman api di tapak pelupusan sampah haram Sungai Kertas ini telah selesai dilaksanakan dan kos memadam kebakaran ini menelan belanja sejumlah lebih kurang RM3.5 juta. Walau bagaimanapun, Mesyuarat EXCO-MTES telah memutuskan agar tuntutan yang dikemukakan oleh pihak syarikat diaudit sebelum pembayaran dibuat.
- b) Berikut adalah tindakan undang-undang yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Pejabat Tanah Daerah Gombak ke atas pemilik-pemilik tanah tapak pelupusan sampah haram Sungai Kertas.
  - i. Majlis Perbandaran Selayang – kompaun ke atas kerja-kerja tanah mengikut Seksyen 70A (1) kerja-kerja tanah tanpa kelulusan terhadap pemilik lot-lot berkaitan
  - ii. Pejabat Tanah Daerah Gombak – Notis 7A pada 25 Januari 2007 iaitu notis pelanggaran syarat kepada pemilik tanah kerana salah guna tanah terhadap lot-lot berkaitan. Notis 7B telah dikeluarkan pada 26 November 2008 iaitu notis siasatan dan rampasan tanah dan Notis 8A telah dikeluarkan pada 30 September 2009 iaitu notis rampasan.
- c) Kerajaan Negeri akan terus memantau tapak-tapak pelupusan sampah haram ini dan cadangan-cadangan untuk menutup tapak ini secara selamat diambil dan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijalankan supaya bebanan kewangan untuk melaksanakan program tutup selamat ini dapat dikurangkan.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Batu Caves?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Soalan tambahan, EXCO.

- a) Adakah YB EXCO dan Kerajaan Negeri maklum berkenaan dengan satu lagi tapak haram bersebelahan dengan tapak yang dimaksudkan dalam soalan ini juga sudah mula terbakar dan telah menimbulkan suasana kurang elok dalam suasana masyarakat dan berdekatan dengan sekolah yang menyebabkan anak-anak sukar untuk mendapat pelajaran.
- b) Dalam mengatasi isu pelupusan sampah haram ini, kita tidak boleh membiayai ataupun dalam maksudnya membiayai pelupusan sampah haram ini iaitu apabila berlaku kebakaran kita membelanjakan sejumlah wang. Apakah projek jangka panjang ataupun langkah jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengelakkan berlakunya masalah-masalah pelupusan sampah

haram ini dan akhirnya menyebabkan kebakaran dan masalah pencemaran yang lain. Terima kasih.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Batu Caves. Ia memang kita di maklum, tapak pelupusan sampah haram yang berdekatan iaitu Sungai Manggis dan untuk kawasan tersebut kita juga mengesyorkan bahawa kawasan tersebut ditutup supaya lori-lori ataupun orang-orang yang membawa sampah ke tapak tersebut tidak boleh masuk. Dan keduanya, kawasan tersebut juga perlu ditutup secara selamat atau dengan izinnya *safe closure* dan kita juga syorkan bahawa Worldwide Holding Sdn. Bhd. mengkaji tapak tersebut supaya penutupan selamat boleh dilaksanakan di tapak tersebut. Saya rasa isu tapak pelupusan sampah haram bukan sahaja di Batu Caves ataupun di Selayang ataupun daerah Gombak tetapi kalau kita meneliti senarai tapak-tapak pelupusan sampah haram, saya boleh katakan bahawa ianya meliputi seluruh Negeri di Negeri Selangor. Dan apa yang kita dapat adalah ini tidak dilakukan oleh persendirian ataupun dengan izin *individual* tetapi ini dilakukan oleh kontraktor-kontraktor Alam Flora ataupun orang-orang yang mendapat kontrak untuk membuang sampah tersebut. So, pertamanya yang paling penting adalah kita mesti ada infrastruktur di mana sampah boleh di lopus ataupun diletakkan secara baik dan juga selamat dan saya rasa di Selayang, apa yang diperlukan dengan segera adalah satu dengan izin *transit station* ataupun stesen di mana sampah-sampah di seluruh kawasan Selayang boleh ditempatkan di sana lepas itu ada satu sistem pengangkutan diadakan di mana ianya boleh dihantar terus kepada tapak pelupusan sampah yang sah dan *sanitary*.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK: HASIL KAJIAN CCTV DAN PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah hasil kajian CCTV untuk PBT dan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan oleh Kerajaan Negeri?
  - Mengapakah kajian tersebut mengambil masa yang begitu lama?
  - Berapakah kos setiap kajian dan pihak manakah yang telah dibayar untuk menjalankan kajian tersebut?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker. Soalan daripada YB Subang Jaya adalah berkaitan dengan hasil kajian CCTV.

a) Hasil kajian CCTV oleh Pasukan Perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah di bentang pada 30 Januari 2009. Berikut daripada kajian tersebut, Kerajaan Negeri telah melantik Pasukan Perundingan yang terdiri daripada :-

- |      |                               |   |                   |
|------|-------------------------------|---|-------------------|
| i.   | YBhg. Dato' Dr. Tan Kee Kwong | - | Ketua Perundingan |
| ii.  | Encik Azman bin Hussin        | - | Ahli              |
| iii. | Encik Mohd Zahari bin Zakaria | - | Ahli              |

iv.	Encik Deepak a/l Chandrasekaran	-	Ahli
v.	Encik Abdul Fattah bin Mohd Yatim	-	Penasihat

untuk mengadakan perundingan semula dengan Gapurna Technologies Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang telah diberikan surat lantikan oleh Kerajaan Negeri terdahulu. Pasukan Perundingan juga telah beberapa kali melaporkan perundingan kepada Kerajaan Negeri dan akhirnya Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pasukan Perundingan menyediakan Dokumen Tender projek tersebut dan Tender Terbuka telah dikeluarkan pada 12 Oktober 2009. Manakala, kajian mengenai Pilihan raya Kerajaan Tempatan telah pun selesai dilaksanakan oleh kumpulan penyelidik yang terdiri daripada Peguam.

b) Mengenai kajian tersebut mengambil masa yang panjang, mengapa sebab YB Subang Jaya ingin tahu mengapa ambil masa yang panjang. Ini adalah kerana Pasukan Perundingan perlu mengadakan beberapa siri perbincangan teknikal bersama dengan GTC Global Sdn. Bhd. dan meneliti perjanjian projek pemasangan CCTV antara MBPJ, MPSJ dan MPAJ dengan syarikat-syarikat yang dilantik oleh PBT berkenaan. Selain itu, Kerajaan Negeri mengarahkan *Negotiation Team* menyediakan spesifikasi tender mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk diguna pakai apabila Kerajaan Negeri membuat Tender Terbuka.

Manakala untuk kajian mengenai Pilihan raya yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan Penyelidik mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan telah mengkaji semula cadangan ini dan ia juga dikaji oleh parti-parti di dalam Pakatan Rakyat.

c) Mengenai kos pembayaran untuk perkhidmatan untuk kajian teknikal untuk projek kamera ataupun CCTV, jumlahnya ialah RM43,323.50. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima Kasih. Kajang ingin bertanya, kajian berkaitan CCTV telah dilakukan dan sekiranya laporan yang teliti didapati dan ia akan boleh dijadikan rujukan untuk peruntukan yang baru iaitu bajet 2010 iaitu sebanyak RM3 juta diperuntukkan. Jikalau kajian yang dibuat itu tidak dapat satu gambaran yang menyeluruh dan didapati berkesan maka yang RM 3 juta ini kita khuatir ianya tidak dapat dilaksanakan juga. Kita minta penjelasan daripada EXCO. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Kajang. Sebenarnya mengikut apa yang saya cakap tadi, satu tender terbuka telah diadakan. Jadi, kita kena menunggu, menunggu tender itu, menunggu keputusan tender itu dan selepas itu kita akan mengkaji apakah tender itu akan adalah munasabah dan sebagainya dan adakah Kerajaan Negeri ada wang yang cukup untuk melaksanakan itu. Memang benar, nampaknya RM3 juta itu nampaknya bukan, bukan cukuplah untuk melaksanakan projek ini, tetapi bagaimana pun kalau ada keperluan kalau CCTV ini akhirnya didapati berkesan untuk mencegah jenayah maka Kerajaan Negeri akan menyediakan wang yang mencukupi atau pun membuat permohonan dengan Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya! Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, apakah rasional kerajaan memilih individu-individu tersebut untuk membuat kajian, adakah kerana mereka merupakan pakar CCTV dan minta penjelasan kos RM43 ribu adalah bagi setiap kajian atau pun dua-dua kajian tersebut. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Yang Berhormat Subang Jaya individu-individu yang dilantik sebagai dalam pasukan perunding ini memanglah terdiri daripada pakar-pakar yang ada pengetahuan mengenai CCTV selain daripada Datuk Tan Kee Kong lah, yang lain semua ada pengetahuan yang berkenaan. Dan kos RM43 ribu itu ialah untuk kajian teknikal sahaja, kajian teknikal untuk projek Kamera Litar Tertutup atau pun CCTV di Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, siapakah *team* dengan izin, atau pun pasukan pemantau sekiranya CCTV ini dilaksanakan. Adakah ini akan menambahkan lagi beban kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Yang Berhormat daripada Rawang, setakat ini kita tidak dapat memberitahu siapa akan menjadi pemantau kerana ada cadangan termasuk pasukan Polis akan diminta tolong, dan ada juga cadangan di mana CCTV ini hanya dikawal di peringkat PBT. Kita kena menunggu, menunggu kajian dan juga tender terbuka itu barulah kita tahu siapa atau pun pihak mana yang patut diberi kuasa atau pun tanggung jawab untuk memantau projek ini. Terima Kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO adakah kerajaan mengenal pasti pemasangan CCTV ini, satu dia memakan kos menelan kos yang tinggi. Yang kedua kesannya pandangan saya tidak begitu berkesan. Yang ketiga *maintenance cost* adalah berpanjangan dan akan memudaratkan kewangan. Jadi, adakah pihak kerajaan memperinci dan memperhalus keberkesanan, kewajaran untuk memasang CCTV ini. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker. Teguran daripada Yang Berhormat Sekinchan memang adalah benar. Memanglah semua perkara-perkara yang dibangkitkan tadi adalah dalam, adalah dikaji oleh pasukan ini dengan secara mendalam. Sebab itu kita mengambil masa yang agak panjang dan sampai hari ini pun kita masih menunggu keputusan tender terbuka dan juga garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, kita tidak akan melaksanakan projek ini dengan tergesa-gesa dan mungkin ada alternatif yang lebih baik kita pun tidak boleh pasti pada tahap inilah.

**YB TUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Bangi mengemukakan soalan no. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK: SKIM PINJAMAN PELAJARAN PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN NEGERI**

30. Ramai yang tidak mengetahui tentang wujudnya Skim Pinjaman di atas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi pinjaman di atas?
- b) Apakah syarat-syarat yang melayakkan seseorang pelajar meminjam?
- c) Sehingga kini berapa ramaikah pelajar yang mengambil manfaat daripada skim pinjaman berkenaan?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bangi. Yang Berhormat Bangi menyatakan ramai yang tidak mengetahui tentang wujudnya Skim Pinjaman Pelajaran Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor telah ditubuhkan pada tahun 1987 berpandukan kepada *State of Selangor Enactment No. 4 of 1949* pindaan 2001. Berdasarkan enakmen tersebut, peruntukan tahunan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor adalah di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri. Ada dua jenis tabung yang memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Negeri Selangor dan mereka yang layak setelah dipertimbangkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Bentuk tabung pinjaman yang disediakan adalah seperti berikut:

**(i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor**

Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar yang menuntut di IPT dalam Negara sama ada IPTA mahu pun IPTS. Dan IPT luar Negara bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma mahu pun Ijazah. Tetapi untuk IPT di luar Negara kita telah berhentikan pada tahun 2008.

**(ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir atau *fast track* Negeri Selangor**

Di mana tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang teknikal dan kemahiran di peringkat Sijil.

Sejak tahun 1988, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah keseluruhan sebanyak RM 74.7 juta untuk membiayai tabung ini. Dan bagi tahun 2009 pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 8.1 juta bagi aktiviti biasiswa dan pinjaman pelajaran di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini.

Untuk soalan kedua, syarat-syarat yang melayakkan seseorang pelajar meminjam.

- (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor, atau
- (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor, atau
- (iii) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974; atau
- (iv) Pemohon telah bermastautin lebih daripada 5 (lima) tahun di Negeri Selangor.

Dan jumlah pelajar yang telah menerima kemudahan pinjaman daripada tabung ini setakat ini adalah seramai 12,385 orang, yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM 107.5 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 11.9 juta telah dibelanjakan dalam bentuk biasiswa kepada pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi di dalam dan luar Negara.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan, Ya, Tuan Speaker, terima kasih. Setakat ini adakah, benda ini Skim Pinjaman Pelajaran Pengajian Tinggi Negeri Selangor ini mengalami masalah dari segi pembayaran balik pinjaman itu. Kalau ada, berapakah yang tertunggak dan berapa yang tidak bayar balik dan apakah tindakan yang hendak diambil.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Terima kasih kepada Bangi. Memang ada di antara yang bermasalah untuk membayar balik pinjaman ini. Dan ada pun sudah pun diberikan saman untuk kepada mahkamah daripada sehingga ke mahkamah untuk mereka dituntut membayarkan balik semula. Tetapi mereka ini di dalam bilangan yang agak kecil dan saya tidak ada mempunyai fakta yang sebenarnya pada saat ini dan mungkin kita akan memberikan dalam bentuk tulisan kepada Bangi selepas ini. Tetapi majoriti membayar balik wang pinjaman ini.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk *stream line* peraturan-peraturan berkenaan dengan pembayaran balik pinjaman pelajaran ini seperti apa yang dilakukan oleh PTPTN termasuk kita menghalang mereka, menahan pasport mereka atau menyenarai hitamkan mereka. Dan untuk mengelakkan ketirisan yang berlaku, seperti apa yang berlaku pada Ketua Pemuda UMNO Petaling Jaya, dia di saman oleh *The Star*, *The Star* ada satu iklan, yang dikeluarkan oleh Petronas bertarikh 18 Ogos, dia meminjam wang daripada Petronas sehingga sekarang dia belum bayar lagi. Sehingga nama dia dipaparkan di dalam iklan di dalam *The Star*. Jadi, adakah kita perlu melakukan yang sama dan juga mengetatkannya peraturannya lagi untuk memastikan ketirisan seperti ini tidak berlaku kerana kita tahu ramai lagi yang memerlukan bantuan pinjaman. Ramai lagi adik-adik kita yang masih lagi pandai mereka tidak ada peluang. Kita perlu tahu, adakah Kerajaan Negeri bersedia melakukan ini supaya mereka yang memburos ini dapat dibawa ke muka pengadilan. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Terima kasih di atas syor daripada Kg. Tunku dan oleh kerana di antara Ahli Lembaga Pengarah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor adalah Bangi, dan Insya-Allah Bangi akan mengambil syor-syor tersebut dan kita akan apa, daripada Kerajaan Negeri Selangor saya pasti kita akan melihatkan secara terperinci apakah

masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimanakah cara untuk memungutkan pinjaman ini dan balik dan mungkin sebagai, sebagai kaitan dengan apa yang disoalkan dengan dua-dua Bangi dan Kg. Tunku tadi, daripada dari segi prestasi Yayasan Selangor di mana Yayasan Selangor juga memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar di Negeri Selangor mereka mempunyai prestasi 99% membayar balik segala pinjaman. Jadi, mungkin Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini boleh menggunakan kaedah yang sama. Terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan...

**YB TUAN SPEAKER:** Peliklah, Bangi yang duduk dalam Lembaga, Bangi yang bangkit soalan ini. Ya. Kajang, sila.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kita telah mendapati waktu pembentangan bajet di Parlimen . Pihak Kerajaan di Parlimen telah begitu seronok dengan pemberian biasiswa. Ya, kalau pinjaman itu dibuat dan juga dapat keputusan atau pun ini pelajar itu memang keputusan yang cemerlang akan diberi menjadi biasiswa iaitu sebanyak 30 sahaja mereka pun seronok sangat tu. Dan kita dapat memang di Selangor ada Yayasan Selangor yang ada berbuat demikian, begitu lama. Dan Kajang ingin tahu berapakah banyak pelajar yang telah mendapat ini biasiswa kerana keputusan mereka ini cemerlang. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Terima kasih kepada Kajang. Ah! Seperti yang saya katakan tadi, ini soalan yang mendadak dan *adhoc*, jadi saya tidak ada fakta yang sebenarnya. Saya tidak mahu memberikan anggaran fakta yang agak-agak, jadi kita akan berikan kemudian, tetapi saya mungkin hendak berkongsi berita yang agak gembira sedikit, kalau tadi Kajang menyebutkan Kerajaan Malaysia memberikan biasiswa untuk 30 orang sahaja daripada 27 juta rakyat di Negara Malaysia ini, maka hanya 30 sahaja yang diberi biasiswa. Di antara yang mungkin kita akan menampungkan satu lompatan masalah skim bantuan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang dapat mengikuti kursus asas *foundation* atau pun asasi di IPT-IPT sama ada swasta atau pun IPTA ialah di mana mereka ini tidak ada bantuan apa-apa sama ada PTPTN atau pun yang lain-lainnya. Jadi saya telah mengesyorkan kepada Yayasan Selangor untuk membantu mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah, yang kurang daripada RM 1,500 di mana ibu bapa sudah tidak ada sumber kewangan untuk menampung kursus asas itu, kursus asasi atau pun *foundation* atau matrikulasi itu. Jadi, ini akan dibantu oleh Yayasan Selangor, Insya-Allah. Jadi, mungkin itu akan lebih, lebihlah daripada 30 orang. Insya-Allah.

**YB TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Tuan Speaker, soalan no. 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: KELAMBATAN PROSES TUKAR SYARAT GUNA TANAH**

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-
  - a) Huraikan kenapa kelambatan ini berlaku dan apakah rancangan kerajaan dalam menyegerakannya kerana rungutan semakin meningkat saban hari

- b) Perincikan jumlah kes yang terlibat bagi daerah Kuala Selangor, Klang dan Petaling

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Sri Muda mempersoalkan tentang kelambatan proses tukar syarat guna tanah. Apa yang dilakukan oleh pihak PTG, Pejabat Tanah dan Galian ialah menentukan proses ini dapat dibuat mengikut masa yang ditetapkan iaitu 22 hari bekerja. *That's dia punya target.* Dan ada program saya telah meminta perangkaan yang boleh kita nyatakan di sini, iaitu untuk Klang terdapat 190 permohonan. Dalam masa 22 hari dia dapat menyelesaikan 179. Yang melebihi 22 hari ialah 11, iaitu 5.58%. Untuk Petaling, jumlah terimaan ialah 98. Dalam masa 22 hari dia selesai 82. Dan melebihi 22 hari ialah 16, Jadi 16%. Di Kuala Selangor, terimaan 28, dalam tempoh 22 hari, 24. Melebih tempoh 4. 14%. Ini gambaran yang telah diberikan kerana kita telah juga membuat beberapa polisi iaitu yang dipanggil '*first in first out*' maknanya siapa yang masuk kemudian kita keluarkan. Tetapi ada juga rungutan yang kita dapati yang orang yang biasa membuat dia dapat awal walaupun dia hantar lambat. Jadi ini yang kita mula dapat rungutan sebab cara dulu untuk tukar syarat tanah ini kita boleh menggunakan agen, jadi ini kita nak kurangkan sebab itu menambah kos sebab Pejabat-pejabat Daerah ini boleh menyelesaikan masalah ini dengan borang-borang yang sudah teratur. Jadi kedua ialah boleh jadi oleh kerana itu terdapat masalah pengisian borang, borang sendiri sebelum dimasukkan dalam terimaan itu borang itu ditolak awal. Ini saya akan mintak perangkaan mengapa setengah-setengah borang ditolak awal bukan dibuat jadi kita punya perangkaan ini akan kita selesaikan dalam masa borang masuk mengapa ditolak, lepas tu diterima kemudian berapa lama dilakukan. Jadi program-program ini akan kita cuba usahakan supaya mempercepatkan proses syarat tukar syarat guna tanah kerana ini merupakan juga pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker, soalan tambahan. Saya hairan ya kerana tempoh hari saya diberitahu dan dimaklumkan dah pun wujud *task force* khas untuk mengkaji pengurusan tanah dan dah pun bayar 80 ribu lebih kurang saya dengar untuk kelulusan awal kepada yang diketuai oleh Dato' Dr. Nik Zain mantan Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Wilayah dan saya juga dimaklumkan nak bayar 400 ribu setahun dan tak kan lah dah dilantik sebegini punya rupa pun masih bermasalah dari segi pengurusan tanah.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya ingat perangkaan dari segi ADUN tetap berapa betullah tapi saya terima. Kita sudah meminta pihak membuat kajian dan dia sudah akhir kajian dan tiada lagi bayaran tentang bayaran tersebut. Kedua ini yang perangkaan hasil yang terbaru yang angka-angka yang saya sebutkan ini ialah September 2009 bukan angka tahun-tahun lepas. Ini yang saya ambil angka-angka tersebut dan saya telah pantau bahawa angka-angka ini melihat bahawa ada KPI dan tanda-tanda yang telah ditetapkan dan pegawai-pegawai telah mengikut bentuk-bentuk ini tetapi ada juga kekurangan. Kekurangan itu ialah kita lihat sebab kekurangan itu dia datang daripada apa yang kita panggil diterima. Konsep diterima itu ialah apabila semua perkara-perkara dalam borang itu disiapkan, maknanya itu dimasukkan sebagai diterima bukan masa dihantar borang. Bila dia hantar borang, ada kesilapan dalam borang itu ditolak balik, itu tak masuk dalam perangkaan diterima. Jadi oleh sebab itu kita sekarang kena mintak tentang perkara ini, Jadi kajian yang dibuat oleh kumpulan ini juga mengambil kira tentang perkara ini. Ini telah diambil kira dan kita akan selesaikan secara tersebut. Seperti yang saya katakan tadi masalah yang besar ini, oleh kerana borang datang, borang itu juga dibawa oleh ada juga orang-orang yang ingin menjadi konsultan untuk tukar tanah, dia orang itu biasa dulu, Pejabat Daerah ini pun ada orang-orang yang bekerja di keliling Pejabat Daerah untuk tujuan ini dan borang itu dia boleh tahu di mana borang itu berada, dia lebih cekap daripada komputer kita, dia tahu, dia tahu dan dia akan tapi kita masih lagi tidak

akan memberikan peluang supaya fail dia tu naik ke atas. Makna naik ke atas sebab kita sekarang nak pantau *first in first out*. Jadi itu sebabnya keadaan itu berlaku. Sedara mestilah memberitahu kalau betul la ada masalah kata lah di kawasan sana, masalah dengan sini supaya kita dapat tengokkan kes, sekarang kita tidak *go for policy* tapi kes, maknanya kes, maknanya operasi. Kalau dapat itu dan kita dengan cepat boleh tahu di mana yang berlaku. Tapi surat-surat ke Pejabat Menteri Besar untuk mempercepatkan pertukaran guna tanah ini asal apa-apa dasar tidak diterima kerana *first in first out*.

**TUAN SPEAKER:** Sementa.

**YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL:** Tuan Speaker, Sementa mengemukakan soalan yang ke 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL  
(SEMENTA )**

**TAJUK: PELAJAR TAJAAN MAIS / Lzs**

32. Kerajaan Negeri melalui MAIS / Lembaga Zakat telah banyak menghantar pelajar-pelajar keluar negeri terutama di Timur Tengah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelajar yang di hantar belajar di Mesir , Iskandariah dan Jordan ?
- b) Nyatakan peratus pencapaian pelajar yang diperoleh perbandingan pencapaian tahun 2007/2008/2009.
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2008 bagi pelajar-pelajar yang belajar di Mesir, Iskandariah dan Jordan ?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih ya Sementa. Sementa baru sahaja meninggalkan jawatan ini baru setahun lapan bulan patutnya jawapan-jawapan ini pun Sementa tahu jawapannya. Jadi walau macam mana pun Sementa ya saya nak buat koreksi sikit. Kat sini hendakkan soalan pelajar-pelajar di Mesir, Iskandariah dan Jordan. Iskandariah tu dalam Mesir, dia utara Mesir, dia dalam negeri Mesir. Jadi Yang YB tanya ni Mesir dan Jordan, tak payah diasingkan Iskandariah itu. Kemudian Tuan Speaker, jumlah pelajar yang dihantar ke Mesir, Iskandariah saya tak sebut ni pasal dalam Mesir dan Jordan pada tahun 2008 dan 2009 aalah seperti berikut :- 2008 109 orang di Mesir dan 13 orang di Jordan menjadikan 122 orang. Kemudian 2009 129 orang di Mesir dan 23 orang di Jordan menjadikan 152. Peratus pencapaian pelajar adalah seperti berikut :- tahun 2007 di Mesir 81.18% lulus di Jordan 100%. 2008 menurun sikit 71% lulus dan 100% lulus di Jordan, 2009 kita tak terima lagi di Mesir pun kita belum terima dan di Jordan pun belum kita terima. Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2008 bagi pelajar Mesir adalah sebanyak 5.2 juta manakala bagi pelajar Jordan pula ialah sebanyak 1.1 juta. Elok jugak saya sebutkan di sini Tuan Speaker bahawa kita menggalakkan masa zaman Yang Berhormat dulu zaman UMNO Barisan Nasional dulu kita menggalakkan anak-anak ni, anak-anak yang mempunyai pencapaian yang baik dalam *degree* yang pertama kita menggalakkan mereka untuk mengambil Masters dan Phd, Insya-Allah dalam beberapa tahun yang mendatang ini beberapa institusi-institusi di Selangor ini akan diketuai oleh orang-orang yang ada Masters, orang-orang yang Phd dan ini akan memeriahkan

lagi Insya-Allah suasana Islam, perkembangan Islam di Negeri Selangor ini terutamanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**YB. TUAN YAP EE WAH**  
**(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: JAWATANKUASA PILIHAN KHAS SELCAT**

33. J/K Pilihan Khas SELCAT telah dipertikaikan kerana disifatkan menghina pegawai-pegawai Negeri Selangor semasa menjalankan pendengaran awam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah J/K SELCAT masih perlu dikekalkan ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menjalankan pendengaran awam secara tertutup?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya, terima kasih Sungai Pelek tapi saya berharap sedara tidak menyoal soalan macam-macam ini kerana saudara faham bahawa pertama sebabnya Pakatan Rakyat menang, menguasai Kerajaan Negeri Selangor berasaskan kepada 3 prinsip. Pertama prinsip ketelusan, kedua prinsip kebertanggungjawaban, ketiga prinsip kompetensi. Oleh sebab itulah SELCAT kita tubuhkan untuk memberikan rakyat kepercayaan bahawa konsep ketiga-tiga ini boleh dapat dilaksanakan. Pertama kalau kita nak tahu sama ada perjalanan yang dibuat oleh mana-mana badan ataupun institusi dalam Kerajaan Negeri ini dapat dibuat sudah tentulah kita adakan pendengaran supaya masyarakat tahu, itu yang dipanggil ketelusan, konsep ketelusan itu ada. Kemudian konsep kebertanggungjawaban ialah dia akan disoal adakah dia faham tentang usaha tersebut. Tapi tujuan SELCAT ini adalah untuk kompetensi dengan cara itu mereka-mereka yang kita faham tentang kelemahan-kelemahan itu dan kelemahan-kelemahan itu akan diperbaiki, dia akan diperbaiki dengan secara itu semua masyarakat semua warga kerja di Negeri Selangor akan merasakan mereka terpaksa membuat kerja-kerja itu sebab mereka faham tentang tanggungjawab dan mereka dengan secara perseorangan terpaksa menjawab mengapa rasional yang dilakukan. Jadi ada konsep ketiga-tiga itu, kebertanggungjawaban tentang kompetensi dia boleh tunjukkan. Kalau ditanya oleh SELCAT mengapa dibuat begini, mengapa kajian dia dan seterusnya. Jadi percambahan apa yang berlaku perbincangan itu akan membawa Negeri Selangor ini ke tahap yang lebih matang lagi, ke tahap yang lebih tinggi yang perkara ini bukan satu perkara yang aneh di Negara-negara yang maju bukan ini boleh jadi aneh di Negeri Selangor 20 tahun dahulu tapi tidak aneh lagi di Selangor perkara ini di bincang. Perkara ini pun banyak yang masih boleh diperbaiki tetapi konsep SELCAT ini adalah satu konsep yang sama yang kita utarakan yang kita majukan supaya rakyat Negeri Selangor ini akan lihat Kerajaan telus, kerajaan bertanggungjawab, kerajaan mengehendaki warga kerja itu *competed*. Boleh? Itu sebab saya adakah jawatankuasa itu perlu dikekalkan. Saudara punya soalan tak patut disoal, patut saudara belajar bagaimana saya boleh memahami pergerakan SELCAT ini supaya dapat memajukan Negeri Selangor. Jadi soalan macam itu saya rasa itu sangat senang saya menjawab jadi saya senang menjawab sebab saya tahu saudara akan bersama-sama dengan saya. Adakah pulak bercadang menjalankan pendengaran awam secara tertutup pulak, ada

pulak tertutup, telus, tak maknanya tertutup. Ada juga orang tersinggung, tersinggung memang ada, saya pun saudara soal pun ada kalanya tersinggung sebab soalan saya , tapi tidak mestinya saya tidak menjawab secara terbuka. Jadi oleh sebab itu saya berharap pilihan ini pilihan kita, pilihan kita supaya Negeri Selangor ini lebih matang dan lebih maju. Ah kita kalahkan negeri-negeri lain di Semenanjung ataupun di seluruh Malaysia tapi kita tahu saudara dan saya percaya bahawa ketelusan itu memberi kebaikan yang banyak daripada yang tak baik dan kebertanggungjawaban itu perlu sebab itulah sebabnya Dewan ini Dewan keramat kerana dia menyingkap semua rakyat dan warga kerja bertanggungjawab. Terima kasih.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sesi pertanyaan sudah tamat. Aturan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul tergempar di bawah peraturan tetap 17(1) oleh YB Tuan Haji Saari bin Sungib Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** YB Tuan Speaker. Saya mohon mencadangkan satu usul di bawah peraturan tetap 17(1) berbunyi seperti berikut "bahawa dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor mengarahkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk pertama melepaskan dengan segera Dr. Mohd Asri Zainal Abidin tanpa syarat dan menggugurkan sebarang pendakwaan yang dirancang terhadap beliau. Dan kerajaan negeri seterusnya (kedua), menyemak semula dengan seberapa segera peruntukan-peruntukan dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri Selangor yang tidak selaras dengan maqasid syariah dalam menegakkan kebenaran dan keadilan serta tidak memenuhi roh dakwah islamiah dan tuntutan Islam dalam menyebarkan ilmu. Ketiga, meminda dengan seberapa segera manapun peruntukan dalam enakmen tersebut yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan, kebebasan dan hak asasi manusia." Tuan Speaker, pada 1 November 2009 sekitar pukul 10 malam di rumah persendirian beralamat No.2, Lorong 2C, Taman Sri Ukay, Ampang sepasukan penguat kuasa JAIS telah membuat tangkapan ke atas Dr. Mohd Asri Zainal Abidin yang di undang untuk menyampaikan ceramah di rumah persendirian tersebut. Saya berada di tempat kejadian pada masa itu dan memerhatikan seolah-olah pihak penguatkuasa JAIS mahu menangkap seorang penjenayah. Setelah ditangkap, Dr. Mohd Asri Zainal Abidin telah diikat jamin dan kini beliau masih diikat jamin. Rakyat yang mengharapkan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor lebih mesra terhadap ulama' dan pendakwah kini menjadi keliru. Hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat dianggap oleh sesetengah pihak sama sahaja seperti kerajaan UMNO Barisan Nasional yang menghalang dan menangkap ulama' dan pendakwah semasa pentadbiran mereka. Tanggapan negatif rakyat seperti ini mesti dihapuskan segera. Perkara ini berkenaan kepentingan orang ramai memandangkan Dr. Mohd Asri Zainal Abidin (bekas mufti negeri Perlis) adalah seorang ilmuwan yang berkualiti, berkelayakan dan berpengaruh. Beliau mempunyai ijazah PhD dalam bidang hadis dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pihak JAIS dalam menguatkuasakan undang-undang hendaklah mengambil kira Dr. Mohd Asri Zainal Abidin adalah seorang bekas mufti dan seorang ilmuwan yang mendapat pengiktirafan di dalam dan di luar negara. Dalam perubahan dasar ke arah demokrasi, musyawarah dan mesra rakyat amalan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor sepatutnya para ilmuwan dan mereka yang berkelulusan serta berkelayakan yang berminat untuk menabur bakti, berkongsi ilmu hendaklah diberi tauliah tanpa perlu mereka membuat permohonan. Wujud suasana yang

menggalakkan dan memudahkan proses untuk mendapatkan tauliah. Dalam konteks ini, pihak JAIS hendaklah menggiatkan peraturan 22, pengecualian dalam peraturan-peraturan tauliah negeri Selangor 2008 melalui notis bertulis mengecualikan mana-mana orang yang disenaraikan dalam peraturan tersebut untuk mendapatkan tauliah. Perkara ini berkehendakkan disegerakan kerana ia telah dan akan mencemarkan imej kerajaan negeri jika tiada tindakan segera dilakukan daripada kerajaan negeri. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu usul di bawah peraturan tetap 17(1) daripada YB Hulu Kelang sebagaimana yang dibacakan sebentar tadi. Usul di bawah peraturan tetap 17(1) hendaklah menepati tiga syarat iaitu ia hendaklah merupakan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Setelah meneliti cadangan usul tersebut, menurut peraturan tetap 17(2) saya bersetuju bahawa cadangan usul tersebut menepati syarat sebagai satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun, setelah dipertimbangkan saya berpendapat bahawa cadangan usul tersebut tidak menepati syarat sebagai satu perkara yang perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak permohonan untuk mencadangkan usul tersebut. Aturan mesyuarat seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang undang-undang perbekalan 2010/2009 semua peringkat sambungan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** *Assalamualaikum w.b.t.* dan salam sejahtera. YB Tuan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar, rakan-rakan pimpinan, saya tampil pada pagi ini untuk mengambil tanggungjawab membahaskan rang undang-undang perbekalan 2010 negeri Selangor. Berhati keras berlembut lidah, jangankan pula bertingkah punah, kata disusun mendapat faedah, berbahas pula petua amanah. Perbahasan saya pada pagi ini tidak lengkap malahan tidak adil sekiranya saya tidak bermula dengan merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara yang baru dibentangkan di parlimen dalam sesi bajet 2010. Laporan Ketua Audit Negara memberikan taraf empat bintang dan tiga bintang kepada 14 agensi dan jabatan dalam negeri Selangor. Seperti yang saya nyatakan pada awal minggu ini, Ketua Audit Negara juga mengesahkan peningkatan dalam kedudukan kewangan kerajaan negeri, peningkatan kumpulan wang disatukan kerajaan negeri dan juga hasil kerajaan negeri meningkat berbanding tahun 2007. Tahniah saya ucapan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan tahniah juga kepada semua ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Nampaknya sesi ini saya tidak akan mencadangkan untuk Y.A.B. Dato' Menteri Besar merombak Barisan EXCO. Saya juga ingin dewan ini merakamkan penghargaan kepada seluruh warga penjawat awam khususnya YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan pegawai-pegawai Jabatan Perbendaharaan Negeri yang telah mencurahkan khidmat bakti mereka untuk menjayakan dasar-dasar kepedulian rakyat yang dipimpin oleh Dato' Menteri Besar. Perubahan landskap politik tidak menjelaskan prestasi dan komitmen penjawat awam untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat meneruskan agenda pembangunan negeri Selangor. Saya kira tidak keterlaluan jika saya mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menaikkan bayaran khas kewangan kepada penjawat awam dari RM500 kepada RM1,000 bagi tahun ini. Jangan kita mengambil sikap Perdana Menteri yang membidas CUEPECS yang menuntut bonus dua bulan gaji bagi kakitangan dan pesara perkhidmatan awam dan menyifatkan sebagai tidak bermoral. Rintihan rakyat dan kebajikan pekerja tidak menjadi keutamaan bagi kerajaan persekutuan. Di manakah gagasan satu Malaysia ‘rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan’? Namun pujian daripada Ketua Audit Negara tidak seharusnya menjadikan kita terlalu *complacent* bermula dari tapak inilah, hari ini kita akan

memulakan perbahasan mengenai usaha kerajaan Pakatan Rakyat untuk meneruskan agenda merakyatkan ekonomi Selangor dan menjana pertumbuhan ekonomi melalui enam projek utama dalam pakej rangsangan ekonomi. YB Speaker telah memperuntukkan 7 hari berturut-turut untuk membahaskan persoalan umat dan rakyat negeri Selangor. Begitulah demokratiknya Dewan Negeri Selangor berbeza dengan sesi bajet negeri Perak pada bulan Oktober 2009 yang lalu di mana perbahasan bajet berjalan selama 20 minit berturut-turut. Saya yakin ini bukan sahaja rekod Malaysia tetapi rekod dunia. Ini bukan bajet rakyat, ini adalah bajet lanun yang diperintah oleh UMNO dan Barisan Nasional. Bajet 2010 negeri Selangor secara relatifnya lebih baik jika dibandingkan dengan bajet kerajaan persekutuan. Kita hari ini masih boleh pertahankan bajet berimbang sedangkan kerajaan persekutuan terus bergelut dengan bajet defisit selama 13 tahun berturut-turut. Kerajaan persekutuan gagal untuk kembali kepada zaman kegemilangan pengurusan kewangan pra 1998 di mana negara kita mencapai bajet lebihan atau berimbang. Justeru itu, kita perlu mengurus secara berhemah dan amanah. Setiap ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri perlu mematuhi garis panduan kewangan secara ketat supaya tidak berlaku ketirisan melampau yang menjadi amalan tadbir urus kerajaan persekutuan. Laporan Ketua Audit Negara melaporkan sejumlah RM28 bilion tiris dan bocor. Sistem percuakan persekutuan juga mempunyai banyak kelemahan. Dewan Rakyat dimaklumkan bahawa pada tahun 2008 sahaja kerajaan persekutuan dan negara kehilangan hasil sejumlah RM3 bilion apabila cukai yang sudah ditaksir dan sepatutnya dikutip dari pembayar cukai telah dihapus kira oleh YB Menteri Kewangan khususnya sebelum dan selepas pilihan raya umum. Pengecualian jelas diberikan kepada tauke-tauke besar yang menjadi *sponsored* kepada UMNO menjelang pilihan raya umum. YB Tuan Speaker, falsafah pengurusan ekonomi Y.A.B. Dato' Menteri Besar memberi penekanan terhadap dimensi kemanusiaan dalam ekonomi. Saya merujuk kepada buku yang ditulis oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berjudul '*gelombang kebangkitan Asia*' yang merungkai permasalahan umat Asia yang khayal dengan pujian Bank dunia yang terkandung dalam laporan '*east Asia economic miracle*'. Anwar mengungkap perkara ini dalam konteks dan zaman ketika jatuhnya blok komunis. Kemewahan ketika itu menyebabkan umat berada di dalam *comfort zone*. Namun, Anwar muncul berani mengingatkan seluruh umat pesanan Nabi Yusuf tentang limpahan hasil yang mewah selama 7 tahun sebagai persediaan mendepani 7 tahun ekonomi yang gersang. Adam Smith seorang mahaguru kapitalis barat dan pemuka pencerahan *Scott Landier* menulis dalam *wolf of nation* tentang persoalan *in equality*. Saya lihat Dato' Menteri Besar senyum. Mungkin dia dah baca dan teliti buku ini. Kehebatan angka ekonomi yang dicatatkan tidak boleh menyangkal kesenjangan pendapatan dalam masyarakat. Beliau juga menulis sebuah lagi buku yang berjudul '*theory of moral sentiment*' oleh Adam Smith yang mengungkapkan persoalan sentimen moral.

Yang menarik Puan Speaker, *Adam Smith* yang akarnya ialah sistem kapitalis masih berupaya mencetuskan wacana mengenai persoalan moral dan nilai. Malangnya ramai pakar ekonomi dan pengurus ekonomi dan pentadbir dalam negara kita di Malaysia hanya berminat membicarakan persoalkan angka ekonomi, KDNK tetapi lesu dalam persoalan moral dan nilai. Apa maksud nilai kepada seseorang yang hendak menjadi kaya? Dengan dorongan nafsu dan rasuah. Apa makna kekayaan apabila keuntungan diperolehi dengan memeras dan menindas pekerja. Apa makna moral apabila si suami memunggah kekayaan melalui *komisyen scorpine dan sukhoi*. Manakala sang isteri diberikan ganjaran 2 juta dolar Amerika kerana menjumpai kotak barang kemas di dalam kapal layar. Kegersangan nilai dan moral dalam pentadbiran dan pengurusan ekonomi nyata dalam laporan Ketua Audit Negara, untuk kerajaan Persekutuan. Bajet 2010 Pakatan Rakyat menyaksikan penekanan yang berbeza di mana sementara Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar bersungguh-sungguh untuk mencari kaedah yang lebih proaktif dan inovatif meningkatkan hasil negeri termasuk penyusunan semula hutang-hutang oleh syarikat swasta kepada anak-anak syarikat Kerajaan

Negeri. Kerajaan Pakatan Rakyat terus memberikan tumpuan kepada kebijakan rakyat melalui pemerkasaan program merakyatkan ekonomi Selangor. YB Puan Speaker dalam menjana perubahan suara rakyat harus dihormati. Semangat perlombagaan mesti dijunjung dan negara hukum ditegakkan. Justeru itu saya menyambut baik cabaran Dato' Menteri Besar supaya semua pihak kembali kepada falsafah federalisme. Tanpa terikat pada sikap politik, kita harus mempertahankan falsafah ini, yang disepakati lebih 50 tahun yang lalu dan termaktub dalam pemasyhuran kemerdekaan. Federalisme ini membawa maksud mempertahankan kedaulatan dan maruah atau *dignity* sesebuah negeri melalui *constitutional guarantees*. Asas pengurusan kewangan negeri adalah perlombagaan, Fasal 109 dalam perlombagaan persekutuan , yang antara lainnya menyebut .perseketuan hendaklah memberi kepada tiap-tiap satu negeri bagi tiap-tiap satu tahun kewangan, sejumlah peruntukan selepas berunding dengan majlis kewangan negara bagi maksud pembangunan, atau amnya untuk menambah hasil negeri itu. Inilah semangat yang termaktub di dalam perlombagaan persekutuan Fasal 109. Kita juga merujuk kepada Fasal 108 dalam perlombagaan persekutuan yang secara terperinci siapakah anggota

Majlis kewangan negara. Fasal 108, perkara 1, menjelaskan majlis kewangan negara mengandungi Perdana Menteri, Menteri-menteri lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, dan seorang wakil dari tiap-tiap satu negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri yang membawa maksud Menteri Besar atau Ketua Menteri. Ini jelas termaktub dalam Fasal 108 perkara 1 dan fasal ini digubal dengan begitu cermat di bahagian 4 di mana kewajipan kerajaan persekutuan berunding dengan majlis kewangan negara berkenaan dengan rancangan-rancangan pembangunan. Ini membawa maksud bahawa kerajaan persekutuan diwajibkan oleh perlombagaan persekutuan untuk berunding dengan Y.A.B. Dato' Menteri Besar berhubung peruntukan-peruntukan kewangan, dan juga rancangan pembangunan mengikut perkara 92. Sekarang saya ingin merujuk perkara 92 dalam perlombagaan persekutuan yang bertajuk Rancangan Pembangunan Negara dengan jelas menyatakan di dalam perkara ini rancangan pembangunan ertiannya suatu rancangan untuk membangun, memaju atau memelihara hasil bumi sesuatu kawasan pembangunan dalam negeri itu. Inilah semangat perlombagaan yang jelas menyatakan kerajaan persekutuan diwajibkan untuk berbincang dengan Menteri Besar dalam soal pembangunan dan definisi pembangunan juga dijelaskan dengan terperinci membawa maksud rancangan untuk membangun, memaju dalam negeri itu. Bukannya kerajaan pusat ambil hasil pendapatan daripada kerajaan negeri Selangor sejumlah 16 bilion ringgit dibawa ke tempat lain dan menafikan hak rakyat negeri Selangor. *We are not at the be has the federal government* dengan izin Puan Speaker. Ini hak rakyat negeri Selangor, rakyat negeri Selangor bukan pengemis, rakyat negeri Selangor bukan nak meminta-minta tetapi kerajaan persekutuan bertanggungjawab mengikut perlombagaan persekutuan untuk menyerahkan wang tersebut kepada kerajaan negeri Selangor pakatan rakyat bagi kepentingan rakyat keseluruhannya. Inilah masalah royalti yang hangat dibahaskan sekarang di parlimen di mana Perdana Menteri mengambil sikap politik melampau dengan mengatakan ia adalah wang ihsan. Wang ihsan bukan istilah undang-undang, yang termaktub dalam perlombagaan ialah royalti sebanyak 5%. Hak dan untung nasib rakyat negeri Selangor bukanlah di tangan Perdana Menteri. Kalau kita mengkaji sumber pendapatan kerajaan negeri jugak yang termasuk terimaan yang diperolehi daripada kerajaan persekutuan. Pemberian persekutuan yang diterima sehingga Oktober 2009 berjumlah 408 juta ringgit atau 97% berbanding anggaran yang disasarkan . Ini termasuk pemberian mengikut ramai penduduk ataupun *capitation crowd* dan juga pemberian jalan raya. Saya menyambut baik cadangan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk menubuhkan *Independence Grant Commision* , untuk menetapkan kaedah pengagihan, selaras dengan peruntukan perlombagaan dan tidak terikat dengan sikap politik. Saya yakin pengagihan ini lebih adil dan demokratik untuk rakyat di setiap negeri di Malaysia. YB Puan Speaker , tidak ada Ketua Negeri maupun sultan , yang mahu

rakyatnya ditindas dan dizalimi. Negeri Selangor kaya dengan hasil mahsul, tetapi rakyatnya tidak mendapat manfaat daripada kekayaan ini akibat tindakan kerajaan persekutuan yang mengkhianati prinsip perlembagaan dan membelaangkan falsafah federalisma yang dimuafakati bersama. Inilah penderhaka sebenarnya. UMNO menderhaka kepada Tuanku, UMNO menderhaka kepada rakyat negeri Selangor. YB Puan Speaker, sejajar dengan dimensi kemanusiaan yang menjadi tunjang bajet 2010 negeri Selangor.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri memberi lebih tumpuan kepada kaum hawa. Baru-baru ini *Harvard Business Review* yang diterbitkan pada bulan September 2009, menekankan persoalan *female economy*, atau ekonomi kaum hawa. Laporan ini dengan berani mengatakan kuasa ekonomi hari ini bukan lagi Cina, ataupun India tetapi kuasa ekonomi hari ini adalah wanita. Keberadaan kaum hawa di dalam pasaran pastinya akan mempengaruhi ekonomi keseluruhannya. Kajian *Harvard Business School* mendapati tenaga kerja di kalangan wanita mempunyai kuasa membeli yang cukup besar dan mempunyai *multiple effect* dalam ekonomi hari ini. Cadangan saya ialah kerajaan negeri menjadi pelopor dalam menggubal dasar ekonomi dengan orientasi yang baru. Hakikatnya wanita hari ini bukan lagi golongan yang meminta-minta tetapi pemangkin yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Sebab itu Puan Speaker, saya melihat wanita dari sudut yang lain....(dewan ketawa).... Bila saya tenung wanita, bukan lagi kerana kecantikannya tetapi dari sudut wanita sebagai penjana ekonomi. Kita harus mengiktiraf keupayaan wanita untuk menyumbang dalam pemerkasaan dalam ekonomi negeri. Sekiranya ada halangan untuk wanita menyertai pasaran ekonomi, kerajaan negeri bertanggungjawab untuk *facilitate* dan bukan menyulit. Wanita ini mudah Tan Sri, jika wanita diberikan jaminan persekitaran yang selamat di tempat kerja, anak yang ke sekolah terjamin keselamatannya, keluarganya juga stabil, maka sudah pasti produktif wanita ini akan meningkat. Jadi *it make sense* untuk kerajaan negeri melabur dan meningkatkan peruntukan untuk program-program untuk wanita. Dan memastikan agar setiap EXCO dan portfolio masing-masing memperuntukkan komponen bajet untuk wanita. Peruntukan untuk wanita tidak seharusnya ditanggung oleh portfolio YB Batu 3 sahaja. Peruntukan 1juta ringgit bagi program memperkasa wanita dan keluarga pada tahun 2010 adalah terlalu kecil. Harapan saya ialah negeri Selangor menjadi negeri sensitif kepada kaum hawa dengan memperkenalkan dasar ekonomi kaum hawa. Untuk maksud ini atas nama kerajaan negeri, satu kajian menyeluruh harus dibuat segera untuk mengenal pasti jumlah pelajar perempuan di institut pengajian tinggi dan jumlah yang akan menyertai...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Speaker, minta penjelasan. (Dewan ketawa)

**YB TUAN MOHAMED AZMIN ALI:** Dia minat wanita...ok. ( Dewan ketawa )

**PUAN SPEAKER:** Ok Dia minat... sila kan Kampung Tunku .

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih Puan Speaker. Saya ini bertanya pada Bukit Antarabangsa sama ada Bukit Antarabangsa bersetuju bahawa dengan adanya 30% golongan wanita di dalam penjawat awam, yang berlaku di dalam kerajaan akan dapat dikurangkan seperti mana yang kita lihat dalam kes pembiayaan mikro kredit yang begitu berjaya di Bangladesh sehingga pengasasnya memenangi *Nobel Prize*. Saya ingin bertanya, terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya bersetuju dengan Kampung Tunku, wanita adalah golongan yang lebih cermat dan berhemat dalam berbelanja. Lelaki pun begitu tetapi lelaki Pakatan Rakyat (dewan ketawa dan menepuk meja). Saya ingin mencadangkan supaya satu kajian menyeluruh harus dibuat segera untuk mengenal pasti jumlah pelajar perempuan di

institusi pengajian tinggi dan jumlah yang akan menyertai pasaran di Negeri Selangor dan kerajaan negeri perlu membina pangkalan data ini untuk dijadikan rujukan ketika melakar dasar ekonomi kaum Hawa. Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan negeri juga harus menjana pembangunan keunggulan budaya. Budaya bukan difahami dari sudut tari menari sahaja. Makna kebudayaan tidak terlepas dari pengungkapan manifestasi tatacara hidup masyarakat. Saya berhasrat menyorot kembali polemik penting yang mencetuskan kesedaran baru dalam memberi makna kebudayaan dan peranannya dalam pembangunan negara. Jaringan budayawan Indonesia yang antara lainnya Sultan Takdir Ali Shahbana dan Sanusi Pane, bukan Sanusi Joned nyata mencetuskan wacana yang membentuk jati diri bangsa Indonesia. Perdebatan mereka bukan saja terikat kepada persoalan unjuran belanjawan atau langkah kewangan fiskal atau langkah kebijakan Perbendaharaan tetapi menginsafi peranan kebudayaan dalam mencorak cara berfikir dan bertindak. Berapakah rakyat Negeri Selangor dan Malaysia dirundung dengan sindrom kebergantungan akibat dari pelaksanaan dasar ekonomi baru yang melahirkan manusia yang terajah mindanya. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor bertanggungjawab untuk memerdekakan jiwa dan minda yang terajah ini melalui gagasan agenda ekonomi Malaysia yang mengungguli kefahaman kebudayaan dan tidak tercabut dari akar agama dan tradisi. Mitos peribumi malas yang menjadi judul buku karya Syed Hussin Al-Atas sewajarnya dicabar oleh anak bangsa yang merdeka untuk merobohkan persepsi yang dibina oleh penjajah. Kita mahu melahirkan masyarakat madani di Negeri Selangor yang berilmu, bertenaga dan berdaya maju.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya menyambut baik usaha kerajaan negeri untuk menggiatkan kutipan hasil melalui Ops Kutip. Usaha ini semakin mendesak kerana kutipan Premium Tanah bagi tempoh 31hb Oktober 2009 hanyalah RM226,000,000 berbanding dengan kutipan Premium Tanah 2008 berjumlah lebih RM400 juta. Apakah benar ada suara-suara yang menyinggung Pegawai-pegawai Daerah setiap kali mengemukakan permohonan-permohonan rakyat untuk mendapatkan hak milik atau tukar syarat tanah. Ramai pemilik hartanah tidak memperbaharui lanjutan pajakan mereka kerana ketidakmampuan untuk membayar kadar premium mengikut harga pasaran. Hasil negeri pasti akan terkesan akibat tindakan pemilik-pemilik hartanah yang tidak mahu memperbaharui lanjutan pajakan mereka. Saya sedia maklum bahawa ketetapan premium berdasarkan formula dan jadual namun terdapat juga premium yang lebih tinggi daripada jadual. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum kerajaan negeri boleh memberi diskaun mengikut keperluan semasa. Saya percaya Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah mempunyai data tentang hartanah yang akan luput tempoh pajakan mengikut kategori bilangan tahun untuk membolehkan kerajaan negeri meneliti implikasi kewangan secara menyeluruh. Saya ingin mencadangkan tanah-tanah yang sudah diteroka dan sekian lama dan pembangunan tanah adalah bersifat kediaman sendiri dan juga lot-lot pertanian yang kurang daripada 3 ekar diberikan kadar premium yang rendah atau token untuk menggalakkan pemilik membuat pembayaran premium tanah. Kerajaan negeri pula boleh mengenakan kadar premium yang lebih tinggi ke atas pemaju pembangunan hartanah.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pagi ini menyatakan premium tanah belum bayar dan belum tamat tempoh bagi tahun 2009 mencecah hampir RM1,000,000,000. Pejabat Tanah dan Daerah Sepang mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu lebih RM80,000,000,000 dan diikuti oleh Petaling sejumlah RM5,000,000,000. Kerajaan negeri telah memperkenalkan program insentif bagi prestasi Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil untuk mencapai matlamat ini, saya mencadangkan supaya Pegawai-pegawai Daerah perlu menyusun tenaga dan strategi dalam tempoh seminggu daripada sekarang untuk memastikan kutipan premium tanah 2009 sejumlah RM100,000,000,000 ini dapat dikutip sebelum hujung tahun ini.

Unit Pembangunan di setiap Pejabat Tanah dan Daerah yang tidak lagi dibebankan dengan projek-projek dan pelaksanaan pembangunan setelah tugas ini diambil alih oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan harus disusun semula untuk membantu dan memperkasa Unit Hasil di setiap Pejabat Tanah dan Daerah bagi menjalankan operasi Ops Kutip dan sekali gus meningkatkan kutipan hasil. Sasaran kutipan hasil juga perlu dirombak semula dalam program insentif ini. Sasaran kutipan cukai semasa dinaikkan daripada 90% kepada 95% dan sasaran kutipan tunggakan cukai dinaikkan kepada 80% dan saya juga menyarankan agar Pegawai-pegawai Daerah perlu terlibat secara langsung dalam Ops Kutip.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menggesa kerajaan negeri untuk lebih berani dan berinovatif dalam melihat semula sistem pungutan tunggakan cukai taksiran oleh PBT iaitu caj yang dikenakan ke atas pemilik-pemilik rumah kediaman, premis perniagaan, kilang mahu pun tanah kosong. Sebelum ini, amalan PBT mengenakan 5% denda di atas amaun cukai taksiran yang belum dijelaskan kepada PBT pada setiap penghujung bulan Februari dan Ogos dalam tahun yang berkenaan. Namun kekangan yang dihadapi oleh PBT hari ini ialah keputusan mahkamah yang tidak membenarkan denda dihitung berdasarkan peratusan tetapi berdasarkan kos sebenar pentadbiran untuk menuntut tunggakan cukai taksiran seperti duit setem, percetakan notis dan kos penghantaran notis.

Saya difahamkan ekoran keputusan mahkamah ini Majlis Perbandaran Klang telah mengemukakan kertas cadangan kepada MTES pada pertengahan tahun ini dan MTES telah mengiktiraf bahawa kos sebenar penghantaran notis ialah RM20.00 sahaja. Keputusan MTES telah memberikan kesan yang cukup parah kepada sumber pendapatan PBT justeru tetapan denda cukai taksiran hanya RM20.00. Rakyat di kampung yang mengalami tunggakan RM10.00 juga dikenakan RM20.00, tokeh-tokeh besar yang mempunyai tunggakan jutaan ringgit juga dikenakan RM20.00. Keputusan ini terdedah kepada manipulasi oleh pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi untuk melengah-lengahkan pembayaran tunggakan dan hanya perlu membayar RM20.00 sahaja sebagai denda. Maka trend tunggakan cukai taksiran semakin meningkat dan menggalakkan pembayar tidak membayar tunggakan cukai taksiran sedangkan penyangak cukai taksiran ini akan mendepositkan wang mereka ke dalam bank untuk mendapatkan pulangan yang besar sementara PBT kehilangan hasil yang besar.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri bersama Yang Berhormat Penasihat Undang-undang untuk melihat dan mengkaji semula keperluan untuk meminda enakmen tanah Negeri Selangor bagi memberi kuasa kepada kerajaan negeri membuat taksiran yang lebih adil dalam konteks kehilangan *monetary* dan juga *opportunities cost* yang juga sering diambil kira oleh mahkamah dalam kes-kes saman sivil. PBT juga harus mengkaji undang-undang kecil PBT bagi maksud yang sama. Pokoknya PBT harus diberikan kuasa untuk menetapkan denda tunggakan cukai taksiran. Sebagai permulaan yang baik saya mendesak kerajaan negeri untuk memastikan anak-anak syarikat negeri yang sarat dengan tunggakan cukai taksiran memulakan pembayaran dengan segera.

Yang Berhormat Puan Speaker, penubuhan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KKSB) adalah untuk menjamin kelangsungan program rakyat dan ekonomi Selangor. Sehingga Oktober tahun ini hasil daripada royalti pasir yang telah dijelaskan oleh KKSB hanyalah RM4.68 juta berbanding dengan tahun 2008 sejumlah RM7.13 juta, kemerosotan yang ketara ini amat membimbangkan saya tentang masa depan program MES, kalau saya mengambil kira pendapatan KKSB yang pernah diumumkan sejumlah RM150 juta dan dengan harga semasa RM20.00 untuk setiap satu metrik tan KKSB perlu mengeluarkan 75 juta merik tan pasir setahun atau 6 juta metrik tan

pasir sebulan. Untuk bulan Oktober tahun ini KKSBSB hanya mampu mengeluarkan lebih kurang 250,000 metrik tan iaitu hanya 5% daripada jumlah pengeluaran sebenar.

Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang mempunyai 3 batang sungai hanya berjaya mengutip royalti berjumlah RM27,000.00 sahaja sedangkan dalam tahun 2008 kutipan royalti di daerah Petaling mencecah lebih RM3 juta. Apakah sebenarnya berlaku, adakah anggaran pendapatan awal yang dinyatakan tadi tersasar akibat kesilapan membuat perhitungan ataupun pengurusan KKSBSB yang perlu dirombak, adakah benar dakwaan bahawa beberapa kecurian pasir dilakukan oleh dalang KKSBSB kerana lori-lori yang ditahan oleh pihak berkuasa dimiliki oleh KKSBSB. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri memecahkan monopoli industri pasir oleh KKSBSB untuk menjamin persaingan yang sihat dan tadbir urus korporat yang telus dan bertanggungjawab. Kerajaan juga harus memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha pasir persendirian untuk melibatkan diri dalam industri ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya amat sedih melihat peruntukan-peruntukan Perbandaran hanya RM12 juta sedangkan peranan PBT amat penting untuk memberikan khidmat dan sistem penyampaian kepada rakyat. Dalam falsafah federalisme yang saya nyatakan tadi terdapat 3 tier yang saling berhubung, bekerja rapat iaitu kerajaan pusat, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Di Negeri Selangor sebahagian besar hasil yang dikutip oleh PBT terpaksa menanggung kos penswastaan projek pembersihan dan sisa pepejal kepada alam flora.

Manakala, sebagai contoh khusus Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Yang Amat Berhormat Tan Sri. Terpaksa menanggung kos subsidi sewaan setinggan sebanyak 108,000.00 sebulan kepada 271 keluarga. Ekoran keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada Februari 2009 yang meminta MPAJ untuk menanggung kos sewaan setinggan seramai 271 keluarga tersebut. MPAJ terpaksa meminjam wang kerajaan negeri sebanyak 10 juta ringgit bagi membayai subsidi setinggan tersebut, daripada jumlah tersebut sebanyak 9 juta telah dibelanjakan dan baki hanya tinggal lebih kurang 422 ribu ringgit. Majlis terpaksa menanggung kos sewaan ini disebabkan kelewatan pihak pemaju Transcity Development Sdn Bhd dalam menyiapkan rumah kos rendah semenjak tahun 2005 lagi. Saya ingin mencadangkan, untuk tidak membebankan kerajaan negeri dan juga PBT. Satu tindakan tegas harus diambil terhadap pemaju untuk merampas semula tanah-tanah yang telah dianugerahkan supaya Kerajaan Negeri tidak dibebankan dengan kewangan yang begitu besar dan dapat diberikan kepada anak-anak syarikat milikan kerajaan negeri untuk meneruskan pembangunan rumah-rumah kos rendah bagi peneroka-peneroka bandar yang berkenaan. Saya ingin juga mencadangkan supaya kerajaan negeri mengkaji semula perjanjian penswastaan projek pembersihan dan sisa pepejal dengan Alam Flora supaya jumlah yang dibayar oleh Alam Flora sejumblah 400 juta ringgit adalah menepati konsep *Value For Money* dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat negeri Selangor. Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar juga ada menyentuh dalam ucapan bajet 2010 mengenai keputusan kerajaan negeri untuk memberi kebenaran kepada sebuah syarikat swasta secara PFI untuk membangunkan projek *Hybrid Wireless Infrastructure Network* ataupun HWID. Persoalan saya pada pagi ini ialah, penganugerahan secara PFI ini biasanya terikat dengan persoalan Exclusivity dan juga *Full Licensing* kerana tidak ada mana-mana syarikat swasta yang bersedia untuk melabur dalam projek-projek seumpama ini kalau tidak diberikan kuasa eksklusif kepada mereka. Persoalan saya ialah, dengan penganugerahan secara eksklusif kepada syarikat swasta ini apakah ianya akan menggalakkan monopoli dalam industri yang berkenaan dan apakah ianya akan membebankan rakyat kerana kos yang akan dikenakan terhadap penggunaan pengguna-pengguna ini perlu juga diteliti oleh kerajaan negeri. Seterusnya dasar kerajaan negeri pada hari ini berhubung kuota bumiputera dalam pembangunan harta tanah memerlukan pelaksanaan yang tegas dan jelas dari sudut garis panduan. Pihak pemaju sering mengeluh kerana kuota

bumiputera yang tidak terjual dalam tempoh yang agak panjang membebankan kedudukan kewangan bukan sahaja kepada pemaju tetapi juga kepada kontraktor dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini. Namun pada masa yang sama ada juga dakwaan yang mengatakan keengganan pemaju untuk menjual unit-unit tersebut sebelum luput tempoh yang membenarkan mereka pemaju menjual kepada bukan bumiputera. Maka saya ingin mencadangkan untuk mengelakkan perkara ini berterusan, cadangan saya ialah unit-unit bumiputera ini diserahkan hak penjualan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Ini akan membolehkan Lembaga berperanan sebagai *One Stop Centre* dalam pemasaran dan juga pengendalian jualan bagi unit-unit bumiputera yang berkenaan. Berhubung OSC ataupun *One Stop Centre* ini, objektif penubuhannya ialah untuk menjamin keseragaman proses kelulusan pembangunan. Malangnya pelaksanaan sistem OSC di PBT terutamanya berhubung prosedur dan syarat masih lagi longgar. Ketidakseragaman inilah menyebabkan pemaju berhadapan dengan *Submission Checklist* yang tidak jelas, celarу dan tidak konsisten. Proses kelulusan mengambil masa lebih daripada 6 bulan iaitu satu tempoh yang telah ditetapkan. Saya ingin mencadangkan agar kelulusan dari pihak PBT diberikan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh permohonan dan untuk memastikan kelincinan proses kelulusan prosedur dan syarat yang jelas perlu dikuatkuasakan dan diseragamkan di setiap PBT. Kerajaan negeri juga boleh memperkenalkan permohonan dan keputusan secara *Online* untuk mempercepatkan proses permohonan berkenaan. Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingat saya di Parlimen. Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan pada pagi ini saya juga ingin bersama-sama sahabat saya daripada Hulu Kelang dalam menyatakan dan meluahkan perasaan kecewa, saya mewakili rakyat Selangor berhubung insiden penahanan Dr. Mohd Asri Zainal Abidin mantan Mufti Negeri Perlis pada 1 November 2009 yang lalu yang merupakan satu tindakan yang amat dikesali. Saya tidak mahu terjebak dalam polemik soal pentadbiran, soal tauliah, yang saya persoalkan ini ialah cara beliau ditahan oleh pihak JAIS bersama sejumlah besar anggota keselamatan amatlah menjelikkan, yang kita *condemned* hari ini ialah cara penangkapan mantan mufti seolah-olah Dr. Asri ini seorang Terrorist. Seolah-olah Dr. Asri ini penjenayah, insan ini ada maruahnya, insan ini ada harga dirinya, insan ini ada nilai dan akal budi yang cukup murni, bekas mufti. Tindakan ini jelas menimbulkan persepsi buruk bahawa agensi penguatkuasaan agama kita kurang profesional dan tidak berhemah dan dilihat lebih cenderung untuk menghukum dan bukan untuk mendidik. Beliau ditahan atas alasan mengajar agama tanpa tauliah. Satu persoalan yang tidak pernah ditimbulkan ketika menjadi mufti. Ini juga berlaku di negeri Selangor. Allahyarham Dato' Ishak Baharum ketika menjadi mufti seluruh sistem rakyat khususnya umat Islam mendukung dan menghormati mufti tersebut. Sebaik sahaja mufti itu dipecat, dan menyertai parti politik Mufti ini dikecam dan dicemuh, saya tidak mahu perkara ini berulang. Kita harus menghormati seseorang itu kerana ilmunya bukan kerana sikap politiknya. Sehingga hari ini, tuduhan terhadap Dr. Asri tidak dibuktikan walaupun beliau sudah diaibkan secara terbuka oleh Agensi Penguatkuasaan Agama dalam Negeri Selangor. Begitu juga pendakwaan terhadap Ustaz Dr. Abdullah Yasin yang sudah memakan masa selama lebih 3 tahun. Kalau benar JAIS ada bukti yang kukuh mengapa ditangguh-tangguhkan perbicaraan terhadap tokoh-tokoh agama yang saya sebutkan tadi. Kita tidak bersetuju dengan kaedah tindakan menahan pemimpin-pemimpin dan tokoh agama ini. Pendekatan yang dilakukan adalah melampaui batas ke atas seorang ilmuwan meskipun mungkin sebahagian pegangan dan pendekatan dakwah beliau kita tidak persetujui. Keadaan keras begini boleh menyebarkan sikap permusuhan dan ketegangan sesama umat Islam itu sendiri. Ulama besar Dr. Syeikh Ar-Qardawi menyarankan supaya umat Islam lebih mengutamakan perkara usul berbanding dengan khilafiah juga perlu mengutamakan persaudaraan dan keharmonian berbanding perpecahan dan konflik berdasarkan prinsip Fiqh Al-Awiyah. Justeru itu, saya mengharapkan agar kerajaan negeri mendapatkan penjelasan dari JAIS untuk meredakan ketegangan di kalangan umat Islam di Negeri Selangor kerana tindakan yang melampaui batas ini. Yang Berhormat Puan Speaker, UMNO semakin menggila untuk

merampas Negeri Selangor. Sri Serdang bersetuju. Terima kasih Sri Serdang. Kekuatan jentera parti UMNO semakin nazak lantaran itu UMNO menggunakan agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan untuk membantu dalam usaha merampas kuasa rakyat yang dizahirkan pada 8 Mac 2008 yang lalu. Wahai Dato Menteri Besar, kakanda tidak berseorangan kami Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor mewakili Kelab Penyokong Kerajaan pada hari ini mengulangi ikrar dan taat setia kami kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato ' Menteri Besar dan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Kami akan sentiasa berada di bahagian depan medan perjuangan membawa obor perjuangan menegakkan keadilan dan memakmurkan Negeri Selangor demi kesejahteraan rakyat. Semangat kental anak muda Teoh Beng Hock yang terkorban menegakkan keadilan dan kebenaran masih segar di ingatan kami. Kami bersedia untuk mati di medan perjuangan daripada hidup sebagai pengemis jalanan. Kami bukan katak upahan. Kami setia dengan idealisme perjuangan yang murni dalam Pakatan Rakyat untuk menjunjung agenda rakyat. Roboh sudah Kota Melaka, Bermudik Ke Hulu Laksamana Setia, Kini Bina Jiwa Merdeka, Selangor Makmur Rakyat Sejahtera. Saya yakin, rakyat akan mempertahankan pentadbiran dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar yang menjamin masa depan yang lebih sejahtera. Kami berjanji kepada rakyat di Selangor untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik berorientasikan ekonomi manusawi yang berlandaskan wacana matang dan falsafah segar Kerajaan Selangor mampu memacu pertumbuhan ekonomi mampan di samping mendakap dimensi kemanusiaan dalam pembangunan di Negeri Selangor. Pentadbiran Pakatan Rakyat sentiasa menekankan betapa pentingnya kerajaan yang telus, bertanggungjawab dan cekap. Yang Berhormat Puan Speaker, saya menyokong usul yang dibawa oleh Dato Menteri Besar. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Kita beri kepada Sri Serdang, bahas ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih Puan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi.

Puan Speaker. Pertama saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan untuk saya sama-sama membahaskan ucapan belanjawan ataupun bajet yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Cuma Puan Speaker saya nak kata bersyukur pun bersyukur jugalah kerana hari yang pertama saya datang ke mari ini, saya menoleh ke kiri saya di sebelah atas sana ini, ada pula tambah seorang di sebelah sini. Rupanya bila saya teliti yang di sana itu melompat di sini. Jadi kalau di sana itu saya nak ingatkan kot terasa-rasa nak melompat ke mari, ah lompatlah cepat sebelum apa-apa terjadi di sana. Jadi maksudnya di situ, jadi maksudnya di situ itu kalau nak kata cermin diri kita sama-sama cermin dirilah, itu saja dan Puan Speaker tidak ada juga tercatit dalam sejarah dunia ataupun di mana-mana, yang ada juga diadakan persidangan bawah pokok...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Speaker, minta penjelasan.

**PUAN SPEAKER:** Sri Serdang, Kampung Tunku minta mencelah.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Jadi samalah juga persidangan di bawah pokok itu...

**PUAN SPEAKER:** Sri Serdang dengar tak apa saya tanya. Sri Serdang dengar tak apa yang saya cakap.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Jadi samalah kita cermin-cerminkan....(tuttt...)

**YB PUAN SPEAKER:** Kampung Tunku ...dia tak bagi laluan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Sekejap saja...sedikit saja.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Berhubung dengan bajet yang telah dibentangkan saya ada beberapa pemerhatian. Yang pertama, bajet 2010 RM1.3 bilion yang dikemukakan tidak mencerminkan prestasi kutipan hasil yang berjaya dipungut pada 2008. Pada 2008 Kerajaan Barisan Nasional mengemukakan bajet RM1.34 bilion dan kerajaan sekarang melalui Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai mendabik dada dapat mengutip hasil RM1.516 bilion. Sepatutnya bajet 2010 tentu boleh meningkat. Ini membuktikan kerajaan pimpinan Dato' Menteri Besar tidak yakin dengan prestasi kewangan negeri di mana anggaran hasil yang boleh dikutip ialah RM1.3 bilion sahaja sedangkan terbukti sebelum ini kerajaan boleh kutip lebih daripada itu. Maka itu saya dapat rasakan prestasi kutipan hasil tahun 2009 akan merudum. Ini membuktikan kerajaan pimpinan Dato' Menteri Besar takut untuk mengemukakan bajet defisit supaya nampak bajet yang dikemukakan berimbang dan nampak cantik kerana saya yakin keperluan kita adalah lebih daripada RM 1.3 bilion. Kerajaan Negeri bawah pimpinan Dato' Menteri Besar tidak berupaya untuk mengemukakan bajet merangkumi sekali gus keperluan negeri sehingga hujung tahun. Kita lihat untuk tahun 2009 ini sahaja dua kali bajet tambahan perlu dikemukakan iaitu pertama RM120 juta dan kedua 458 juta yang menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan negeri kepada RM1.9 bilion. Ini membuktikan Kerajaan Negeri kepimpinan Dato' Menteri Besar tidak efisien dan tepat dalam membuat bajet. Bajet yang dikemukakan membersihkan persepsi buruk Kerajaan Pakatan Rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan. Ini kerana dianggarkan kutipan hasil terimaan bukan hasil adalah 32% atau RM417 juta dan penyata akaun hasil disatukan sehingga 2008 menunjukkan terimaan bukan hasil ialah RM343 juta. Biasanya terimaan ini diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Ini membuktikan Kerajaan Persekutuan tidak ingkar dengan peruntukan yang wajib disalurkan pada negeri. Sebaliknya kerajaan pimpinan Dato' Menteri Besar, ADUN-ADUN Pakatan Rakyat berprangsangka buruk persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan dengan berpendapat mereka dianaktirikan. Mereka bercakap soal cukai-cukai yang dikutip di Negeri Selangor yang seolah-olahlah ia tidak dikembalikan kepada rakyat Selangor. Mereka bercakap konsep persekutuan ataupun federalisme seolah-olah mereka terpinggir tetapi sebenarnya Kerajaan Negeri tetap menerima bahagian mereka. Ini turut dibuktikan kerana mengikut data dari Kementerian Kewangan pemberian sebenar Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Tahun 2008 RM 550 juta dan Tahun 2009 RM 468 juta. Kerajaan Persekutuan tetap memberi pinjaman bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor membiayai pelaksanaan projek pembangunan bagi sektor bekalan air, perumahan awam kos rendah ataupun PAKR dan pelbagai sehingga 31 Disember 2009 jumlah pengeluaran adalah RM 1.2 bilion meliputi bekalan air RM 880 juta, 889 juta, PAKR RM 178 juta dan pelbagai RM 175 juta. Malah pada 13 Julai 2009, 4 pinjaman projek bekalan air luar bandar telah diluluskan untuk hapus kira berjumlah RM 17.15 juta. Adalah tidak logik jika dikatakan Selangor akan menerima kurang peruntukan dari Kerajaan Pusat malah Selangor mesti terima lebih kerana bilangan rakyatnya yang ramai. Ketika ini rakyat Selangor berjumlah kira-kira lebih 4 juta orang. Untuk makluman dewan jenis-jenis pemberian yang diterima oleh negeri-negeri ialah pemberian mengikut bilangan orang, pemberian penyelenggaraan negeri, pemberian khas tahunan, pemberian pertambahan hasil geran tahunan PBT, pemberian di bawah senarai bersama, bayaran perkhidmatan bagi negeri-negeri, pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi infrastruktur dan kesejahteraan hidup, pemberian bayaran bil lampu jalan dan lampu isyarat Pihak-pihak Berkua Tempatan, pemberian kekurangan akaun mengurus pendahuluan kepada negeri-negeri. Bajet yang dikemukakan adalah pro keperluan kerajaan berbanding keperluan rakyat. Ini dapat dilihat anggaran belanja mengurus RM 709 juta yang melebihi belanja pembangunan yang hanya RM

590 juta. Nampaknya bajet ini gagal menepati ekspresi rakyat didahulukan. Kita sedia maklum belanja pengurusan lebih daripada pembayaran gaji. Elaun dan lain-lain keperluan perkhidmatan kerajaan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Penjelasan..

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Sementara belanja pembangunan untuk sektor ekonomi, sosial infrastruktur dan perbandaran yang terus untuk rakyat.

**YB PUAN SPEAKER:** Sri Serdang, Batu Caves ingin mencelah.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Batu Caves..Batu Caves..

**YB PUAN SPEAKER:** Batu Caves atas sana.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Tak jauh.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Siapa?

**YB PUAN SPEAKER:** Batu Caves ingin mencelah.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Batu Caves..

**YB PUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Sebentarlah tadi kita pun tak pernah mencelah pun daripada Bukit Damansara, biar saya habiskan dahulu kemudian barulah boleh mencelah.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Dia orang boleh celah kita celahlah, boleh tak ?

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Sementara belanja pembangunan untuk sektor ekonomi, sosial infrastruktur perbandaran yang terus untuk rakyat yang terbaik adalah seimbang seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional Tahun 2008 di mana bajet yang dikemukakan ialah RM1.34 bilion. Dengan pecahan pengurusan RM 670 juta dan pembangunan juga RM670 juta. Bajet 2010 dikemukakan adalah dalam keadaan rakyat keseluruhannya sangsi dengan kebolehan Dato' Menteri Besar. Ini bertolak dengan kegagalan beliau membayar kemudahan pinjaman Islam berjumlah RM66 .6 juta atau USD 18.5 juta yang dibuat pada Tahun 1998 bagi tujuan pembelian saham Kumpulan Guthrie Berhad. Ini adalah pembelian opsyen RM200 juta saham atau 20% daripada Kumpulan Guthrie. Ini membuktikan Dato' Menteri Besar tidak hemat dan gagal menguruskan kewangan sendiri. Maka bagaimana hendak mengurus kewangan dan bajet negeri. Semalam kita semakin sangsi dengan kononnya inovasi pemberian hutang dari Talam Corporation melalui Perbadanan Menteri Besar atau pun MBI dan diberikan kepada Selangor Industrial Corporation atau SIC maka kini MBI bertanggungjawab mengutip hutang dari Talam Corporation ini menyebabkan MBI berhadapan dengan risiko dan kerugian.

Puan Speaker. Melalui bajet yang dibentangkan peruntukan ditetapkan berjumlah RM 1.3 bilion ternyata ini satu unjuran dapatan hasil dan perbelanjaan yang perlu dicapai dan dibuktikan oleh Kerajaan Negeri. Saya berharap ia tidak lagi wujud sekadar andaian, anggaran atau pun projeksi semata-mata yang hanya mengaburi mata rakyat. Tentu Kerajaan Negeri dapat menganggar terimaan hasil cukai, hasil bukan cukai dan hasil bukan terimaan bukan hasil.

Tetapi apakah langkah proaktif dan pasti Kerajaan Negeri memastikan sasaran-sasaran pemuliharaan itu dapat dicapai. Saya sebenarnya tidak optimis malah sangsi dengan kebolehan Kerajaan Negeri membuat projek tersebut dan mencapainya. Sebagai contohnya hasil pasir yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tadi yang dicanangkan boleh mengaut untung sebanyak RM 120 ke 150 juta setahun ternyata sehingga Julai 2009 jumlah jualan untuk industri pasir hanya sebanyak 22 juta ringgit sahaja. Begitu juga dengan penemuan pakej rangsangan ekonomi negeri yang meliputi 5 projek iaitu pembangunan semula kawasan bandar. Pemulihan Sungai Klang, pengambilan semula aset perkhidmatan air, kenaikan taraf pengangkutan awam, pemulihian projek-projek perumahan yang terbiar dan juga satu lagi projek melipat gandakan projek pengeluaran padi dengan projek sejangkang perbelanjaan melebihi RM 50 ribu bilion. Sehingga kini tidak jelas bagaimana wang sebegini banyak hendak di kumpul? Dari mana sumbernya ? dan apakah ia suatu yang pasti ataupun mimpi sahaja di siang hari. Berhubung dengan soal hendak menambah kantung Kerajaan Negeri ini saya ingin menarik perhatian tentang empat perkara. Yang pertama, apakah bentuk-bentuk yang pelaburan Kerajaan Negeri atau anak-anak syarikat kerajaan terlibat dan berapakah keuntungannya? Ya kita ada simpanan tetap dari bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan. Kita juga ada pelaburan di dalam syarikat-syarikat kerajaan melalui Tabung Warisan. Dimaklumkan bahawa pelaburan yang dipegang oleh kumpulan wang disatukan pada tahun 2008 berjumlah RM 691.03 namun berdasarkan laporan Audit Negeri Selangor mendapati pulangan atas pelaburan jangka panjang yang dilakukan adalah tidak memuaskan di mana secara purata Kerajaan Negeri Selangor hanya mendapat pulangan dividen sebanyak 0.02% tahun bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2004-2008. Walaupun ada tempoh tersebut di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional tetapi apakah langkah kerajaan sekarang. Saya harap Dewan Yang Mulia ini maklumkan bukan sahaja sertakan lembaran penyata laporan tetapi juga meliputi tentang risiko-risiko dan manfaat jangka pendek dan jangka panjang, port folio-port folio pelaburan tersebut. Ini termasuk juga pelaburan-pelaburan yang dilakukan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri. Mungkin hasil pelaburan termasuk dalam hasil bukan cukai dan sebagainya. Tetapi saya mahu kita dimaklumkan secara terperinci tentang port folio-port folio pelaburan yang melibatkan tentang kepentingan kerajaan negeri. Yang kedua saya difahamkan kerajaan negeri ada membuat seminar dan perbincangan untuk mengenal pasti sumber-sumber yang dapat menjana kewangan yang alternatif untuk menambah pendapatan negeri. Justeru apakah sumber-sumber dari alternatif terbaru yang boleh menjana hasil kewangan negeri? Adakah ia mampu memberikan pertambahan yang ketara terhadap Kumpulan Wang Kerajaan Negeri yang disatukan? Yang ketiga, kita semua sedia maklum bahawa antara peranan anak-anak syarikat kerajaan negeri ialah untuk menambah hasil kewangan negeri melalui pelaksanaan aktiviti penagihan dan perdagangan.

Secara prinsip kerajaan tidak boleh berniaga maka diwujudkan anak-anak syarikat untuk berniaga. Sehubungan itu saya memohon dimaklumkan bagaimanakah prestasi kewangan anak-anak syarikat kerajaan negeri, berapakah sumbangan yang disalurkan untuk membantu kerajaan negeri.

Yang keempat, Yang Amat Menteri Besar di Dewan yang mulia ini ada mengusulkan satu tabung semacam baitulmal di wujud dan digunakan bagi tujuan pentadbiran dan pembangunan negeri kerana kerajaan kekurangan dana. Saya inginkan penjelasan lanjut dan status cadangan tersebut. Cadangan ini nampaknya ada asas tetapi pada masa yang sama nampak seolah kebodohan kita tentang istilah dan pengetahuan Islam serta hak-hak harta orang Islam dalam konteks Malaysia. Suka saya mengingatkan bahawa dalam konteks zaman kegemilangan Islam dahulu dana Baitulmal memang digunakan untuk pelbagai tujuan pentadbiran dan pembangunan di mana Bukan Islam turut membayar dalam bentuk cukai kepala. Tetapi Baitulmal dalam konteks sekarang adalah dana untuk Umat Islam sahaja.

Kutipan hasil cukai tanah yang belum memuaskan ternyata tanah adalah aset negeri yang amat bernilai. Dari tanahlah hasil cukai dikutip untuk hasil negeri. Dilaporkan sehingga bulan 9 Ogos lalu Perbendaharaan Negeri mencatatkan hasil kutipan semasa sudah mencecah 80% kira-kira RM326 juta. Juga dicatatkan hanya RM58 juta tunggakan cukai tanah berjaya dikutip daripada jumlah keseluruhan iaitu RM323 juta. Baki yang belum dapat dikutip RM264 juta. Namun jumlah tersebut masih jauh dari tahap yang baik terutamanya tunggakan cukai tanah ini kerana masih banyak cukai yang tidak dapat dikutip kerana masalah utamanya maklumat pemilik tanah yang tidak tepat. Saya rasa kita ada sistem pangkalan data yang baik tetapi tidak mengandungi maklumat yang tepat dan kemas kini. Akibatnya dokumen tuntutan cukai balik semula ke pejabat-pejabat tanah kerana alamat pemilik atau orang yang patut membayar cukai tersebut tidak tepat dan sebagainya.

Kita boleh melaksanakan tindakan hebahan kesedaran membayar cukai seperti menegakkan papan-papan tanda atau menyediakan kaunter-kaunter bergerak di setiap daerah atau menyediakan pembayaran atas talian. Tetapi itu semua belum dapat membantu. Saya mahu jawatankuasa tanah betul-betul membuat kerja dengan membentuk pasukan petugas di setiap daerah. Mereka akan turun ke kampung-kampung, ladang-ladang dan sebagainya untuk mengesan pemilik sebenar tanah tersebut yang bertanggungjawab membayar cukai, setelah itu barulah tindakan merampas tanah boleh dilakukan.

Tentang pengurusan kewangan Puan Speaker. Hal-hal kewangan, kutipan cukai dan perbelanjaan negeri ini amat berkaitan dan menjurus soal kecekapan. Ketetapan dan ketelusan pengurusan kewangan, untuk itu saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap Laporan Ketua Audit Negara 2008 Negeri Selangor dengan fokus kepada Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard kerajaan negeri atau SPEKS yang diuruskan oleh Perbendaharaan Negeri.

Saya ingin merujuk kepada beberapa penemuan audit yang menuntut penjelasan dan tindakan lanjut daripada pihak kerajaan negeri.

Pertama audit mendapati pengurusan keselamatan SPEKS adalah tidak memuaskan. Ini kerana aspek penting seperti sistem kerahsiaan kata laluan yang tidak dikawal. Log sistem dan log audit transaksi yang tidak di selenggara serta berlaku pembaziran. Polisi dan *standard* keselamatan SPEKS perlu dipatuhi sepenuhnya bagi menjamin kelancaran, keselamatan, kerahsiaan, kebolehcapaian dan integriti data SPEKS.

Kedua, audit mendapati kawalan input data adalah tidak memuaskan kerana tidak dapat mengelakkan risiko perbelanjaan tidak dapat dibenarkan. Tindakan perlu diambil bagi mengujudkan kawalan automasi pengasingan tugas dalam sistem. Tanpa kawalan tersebut bayaran melalui SPEKS boleh dibuat oleh seorang pegawai sahaja tanpa semakan dan pengesahan oleh pegawai lain.

Puan Speaker, ada beberapa penemuan audit lain yang agak teknikal tetapi tetap menjurus kepada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki demi ketetapan dan integriti, kecekapan dan keberkesaan sistem SPEKS tersebut dalam mengurus kewangan negeri terutama soal perbelanjaan. Adalah suatu yang membimbangkan jika benar aspek penting SPEKS iaitu keselamatan sistem seperti kerahsiaan, kata laluan yang tidak dikawal, log akses sistem dan log audit transaksi yang tidak di selenggara. Ia juga tidak dapat mengelakkan risiko perbelanjaan yang tidak dibenarkan. Kelemahan ini mendedahkan risiko penyediaan penyata kewangan negeri yang tidak tepat. Justeru saya menuntut satu penjelasan yang konkrit berhubung dengan soal ini. Saya juga mengalu-alukan cadangan agar kerajaan negeri

mendedahkan pendapatan dan perbelanjaan sebenar sepanjang pentadbiran tahun lalu 2008. Kita mahu melihat jika ada berlaku penyelewengan dan perbelanjaan dan sama-sama kita mencari jalan penyelesaian.

Tentang EXCO Selangor tiada KPI. Puan Speaker, Kerajaan Barisan Nasional Selangor dahulu kerap berbincang dan mengadakan Retreat EXCO bagi menetap KPI setiap EXCO dan berbincang tentang masalah serta pelaksanaannya. Buktinya ada penerbitan Retreat EXCO 2006, 2007 dan Retreat Khas 2007. Namun EXCO Selangor kini masih gagal menetapkan sasaran dan KPI mereka secara jelas, berdokumen dan boleh dipantau secara bersama KPI-KPI ini seharusnya meliputi semua bidang di bawah tanggungjawab EXCO seperti tanah, kewangan, kerajaan tempatan, pelaburan, perindustrian, infrastruktur, alam sekitar, teknologi dan inovasi, pekerja ladang, perumahan pertanian, sumber asli, usahawan, hal ehwal Islam, belia, wanita, kebudayaan, pelancongan, pendidikan dan pembangunan insan. Sehingga kini saya masih menanti apakah KPI-KPI, sasaran-sasaran, fokus program dan mekanisma setiap EXCO. Saya rasa persoalan ini beberapa kali telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Tetapi sehingga kini tiada kepastian tentang KPI-KPI EXCO terbabit. Mungkin ini ada dibincangkan di dalam Mesyuarat EXCO, Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap dan sebagainya, namun selaku barisan pembangkang dan juga ADUN-ADUN lain yang bukan dalam pentadbiran negeri tentu tertanya-tanya dan tidak tahu.

Puan Speaker, kita ingin tahu apakah fokus dan program yang mahu dilaksanakan setiap EXCO mengikuti portfolionya masing-masing dan bagaimana prestasi mereka mengikut pengukuran tahap-tahap pencapaian yang munasabah adalah suatu lebih mudah dan realistik untuk bercakap tentang arah tuju dan prestasi pembangunan negeri dengan merujuk secara langsung kepada KPI-KPI tersebut. Apa yang saya perhatikan setiap EXCO hanya perlu menjawab tentang persoalan yang diajukan. Malah mereka mungkin terselamat jika soalan yang diajukan diletakkan di hujung-hujung akhir barisan atau Jawatankuasa Mengkaji Soalan-soalan Dewan menolak untuk menjawab soalan tersebut. Adakah EXCO hanya mahu bercakap perkara yang mereka tahu, terpilih dan yang mereka buat kerja saja tetapi lari dari tanggungjawab untuk menjawab soalan yang mereka buta atau tidak buat kerja. Ini jelas dalam persidangan lepas di mana EXCO Pendidikan tidak perlu menjawab dua soalan tentang sekolah-sekolah bantuan modal dan bantuan penuh dengan alasan ia telah ditolak oleh Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan. Tiada siapa yang mengambil tanggungjawab untuk menjelaskan mengapa dua soalan itu ditolak dan ini menunjukkan semacam ada ketidaktelusan dan sikap tidak bertanggungjawab.

Puan Speaker, jika pun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atau EXCO menjawab soalan-soalan tersebut, kita semua tidak hendak ukur bagaimana. Adakah ia bertepatan dengan masalah, memuaskan hati, menyelesaikan masalah dan menepati keperluan. Ini semua berlaku kerana kita tidak jelas atau tidak dimaklumkan apakah sasaran-sasaran dan fokus-fokus yang mahu dicapai oleh EXCO-EXCO tersebut. Untuk itu tidak hairanlah Yang Berhormat Bukit Antarabangsa sendiri pernah mencadangkan di dalam Dewan ini supaya Ahli EXCO Selangor tertentu yang tidak layak untuk memegang jawatan digantikan. Ini berlaku kerana ADUN Pakatan Rakyat sendiri tidak tahu fokus dan sasaran rakan-rakan mereka dalam kerajaan. Kadang-kadang mereka dilihat seolah-olah mencampuri urusan EXCO lain yang bukan portfolio mereka. Ini semua akibat mereka tidak jelas sasaran-sasaran mereka malah tidak bersedia untuk berkongsi dengan orang lain. Adakah EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Selangor sekarang cukup layak dan cukup kompeten. Ini soalan yang perlu dijawab dan perlu diyakinkan kepada semua lapisan rakyat. Justeru atas nama kehormatan dan maruah EXCO dan atas nama sebuah kerajaan yang memikul amanah pentadbiran serta melaung-laungkan slogan kebertanggungjawaban, ketelusan, berakauntabiliti dan integriti saya menggesa agar

satu pernyataan atau dokumen rasmi dikeluarkan tentang KPI-KPI setiap EXCO. Ia mesti diedarkan kepada semua Ahli Dewan, penjawat awam dan sudah semestinya *state holders* yang utama iaitu rakyat Selangor keseluruhannya. Maklumat KPI-KPI ini hendaklah mudah diakses oleh setiap lapisan masyarakat dan juga dikemas kini melalui dokumen-dokumen rasmi atau laman-laman web.

Mengekal kestabilan negeri. Puan Speaker, sehebat mana pun perancangan dan bajet yang dibentangkan ia dilihat tidak bermakna bila mana perpaduan antara rakyat diabaikan. Oleh sebab itu Yang Amat Perdana Menteri di peringkat Persekutuan memperkenalkan slogan "Satu Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian diutamakan" sehingga hari ini saya tidak nampak satu inisiatif yang bersungguh-sungguh dan tegas di pihak kerajaan negeri bagi menyatupadukan rakyat. Apa yang dapat dilihat ialah penyatuan di dalam kelompok kepartian masing-masing sambil usaha tidak henti-henti dilakukan untuk menghentam dan memusuhi kelompok yang lain atas nama kononnya atas kebebasan bersuara, keadilan, membongkar kezaliman dan agama Islam. Sehingga kini masih lagi terdapat ceramah-ceramah politik di Negeri Selangor walau pun pilihan raya umum sudah lama berlalu dan di negeri ini tiada berlaku satu pun pilihan raya kecil sejak Mac 2008. Isu-isu yang melanda di negeri Perak, Pulau Pinang dan sebagainya diimport ke Negeri Selangor malah turut diimport penceramah dari negeri-negeri tersebut. Akibatnya rakyat terus menerus dimomokkan dengan prasangka negatif dan sikap permusuhan semasa sendiri yang boleh memecahbelahkan masyarakat.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta, minta laluan.

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Silakan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Nak bertanya adakah pihak pembangkang pihak UMNO tidak mengadakan sebarang ceramah di Negeri Selangor sejak 2008.

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang saya maksudkan ialah ceramah-ceramah yang elok jadi BN dan UMNO selalu sahaja memberi ceramah yang elok.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** gelak .....

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIN BIN DIMAN:** Mimbar-mimbar khutbah masjid dan surau juga turut digunakan untuk melancarkan kata-kata buruk terhadap satu-satu kelompok lain secara tepat atau pun sinis. Hal ini amat menyedihkan malah sudah tentu mengguris banyak perasaan dalam kalangan jemaah. Hal ini telah ditegur oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mahu masjid dan mimbar tidak dijadikan gelanggang untuk menyatakan, pendirian dan pandangan politik. JAIS pun sudah berjanji akan mengambil tindakan terhadap perkara ini.

Puan Speaker, di sini saya sekali lagi menggesa agar masjid dan surau dijadikan zon aman untuk kita beribadah kepada Allah, kita haramkan sama sekali pemberi ceramah atau pemberi tazkirah yang cuba mencuit dan bernada sinis terhadap kelompok lain yang semestinya menerbitkan rasa tidak ketenteraman dalam perasaan jemaah yang berlainan pandangan politik. Kelemahan dan sikap acuh tidak acuh kerajaan negeri amat terang untuk menunjukkan ketidakmampuan dan tiada pengalaman dalam mengendalikan hubungan antara kaum. Ini jelas dalam isu pemindahan kuil ke Seksyen 23 Shah Alam. Rentetannya tercusus perarakan membawa kepala lembu, nampak kerajaan negeri tidak mengutamakan kehendak dan suara majoriti rakyat yang menolak keputusan tersebut. Adakah kerajaan melaksanakan agenda rakyat didahulukan. Tapi jangan lupa ada tiga puluh lori bawak lembu pun ada. Itu pula.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Masa habis..... sudahlah tu.....

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIN BIN DIMAN:** Ramai gelap yang datang pun UMNO juga.....

**PUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan pukul 1.00 dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga 2.30 petang.  
Dewan ditangguhkan.

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIN BIN DIMAN:** Boleh sambung petang.

**PUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIN BIN DIMAN:** Terima kasih.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula, Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan tadi dalam soal mengekalkan kestabilan negeri. Nampaknya kerajaan negeri gagal dan tidak berwibawa lagi bijaksana dalam menyelesaikan isu ini sejak dari mula lagi, sehingga Baginda Tuanku turut menegur tentang perkara ini. Sewajarnya dialog dan perbincangan diadakan sejak awal untuk mendapatkan maklum balas dan kefahaman penduduk. Bukannya memaksakan sebarang keputusan dan menunggu nasi sudah menjadi bubur baru hendak berunding. Ini menerbitkan babit-babit perpecahan dalam masyarakat terlajak perahu boleh di undur terlajak kata buruk padahnya. Sehubungan dengan itu saya menggesa agar agenda Satu Malaysia ini dicernakan dalam bentuk Satu Selangor atau yang seumpama engannya. Saya berharap satu bentuk perpaduan yang menjurus pada slogan Satu Selangor ini dapat dilaksanakan bagi memastikan sebarang perancangan sosioekonomi melalui bajet yang dibentangkan dapat dijayakan oleh segenap lapisan masyarakat tanpa kekangan, perbalahan dan ke tidak sepakatan. Untuk kita menyelesaikan masalah perpaduan antara kaum dan rakyat dengan tepat saya menggesa agar kerajaan negeri mengadakan satu kajian untuk mengukur tahap perpaduan di kalangan masyarakat. Hasil kajian ini hendaklah didedahkan di dewan yang mulia ini sambil dibentangkan cadangan atau garis panduan untuk mengatasinya. Mentaliti kepengbakangan,

Tuan Speaker. Secara keseluruhannya saya menegaskan bahawa kerajaan hari ini masih dengan mentaliti sebagai pembangkang dan bukannya kerajaan. Ini kerana kerajaan negeri seolah-olah hilang kawalan dan sering menimbulkan pelbagai isu yang mencalar kredibiliti dan kewibawaan pimpinannya. Apa yang dapat dilihat ialah masalah rakyat yang timbul berbanding penyelesaian dan mengutamakan pembangunan rakyat. Jika ada yang ingin dibanggakan hanyalah program-program kebaikan yang hanya membela setengah pihak pada sambil meninggalkan yang lain. Inilah sifat dan sikap orang yang gagal dan tidak tahu mentadbir dengan betul dan saksama. Apa yang pandai dilakukan oleh orang sebegini ialah mencari kesalahan orang lain daripada mengakui kesilapan dan mencari langkah pembetulan. Ingatlah bahawa orang berjaya memberikan hasil, orang gagal memberikan alasan, dan alasan itu amat mudah direka untuk melepaskan diri apabila dipalitkan pula pada orang lain. Kita dapat lihat dalam pelbagai siri masalah yang wujud seperti apabila berlaku insiden perarakan kepala lembu sebagai lambang kebodohan kerajaan negeri, maka parti politik pembangkang disalahkan. Sedangkan kerajaan yang tidak berhati-hati dan berhemah sejak dari mula. Apabila berlaku jualan arak di premis serbaneka 7 Eleven ataupun di kawasan-kawasan Shah Alam, majoriti orang Islam maka Barisan Nasional dahulu turut dipersalahkan kerana mendakwa masalah ini warisan dahulu. Sedangkan kuasa ada pada kerajaan sekarang melalui Parti PAS yang mendukung EXCO Hal Ehwal Islam kenapa hendak palitkan orang

yang tiada kuasa. Terbaru apabila timbul perbalahan sesama sendiri akibat soal siasat SELCAT terhadap kakitangan awam yang didakwa melampau. Kerajaan dahulu turut dituduh menjadi dikatakan turut membuli penjawat awam. Alasan-alasan sebegini adalah mainan mereka yang terperangkap dan prinsip mereka sendiri lalu cuba berpaut serta berpijak pada orang untuk melepaskan diri. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ah Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan yang saya muliakan, Sekinchan berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk turut serta dalam membahaskan bajet Negeri Selangor 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang bertemakan Bajet Negeri Maju Rakyat Sejahtera. Setelah saya perhalusi isi kandungan bajet yang bertemakan negeri maju rakyat sejahtera ini menerusi fakta-fakta angka-angka dan butiran terperinci memang tepat pada hasrat murni dan tanggungjawab serta keazaman Kerajaan Negeri untuk merakyatkan ekonomi Negeri Selangor demi kesejahteraan dan kepentingan rakyat jelata. Tuan Speaker, sebelum saya pergi dengan lebih jauh lagi mengupas isu-isu yang berbangkit, perkara-perkara yang ingin saya utarakan, ingin saya ulas sedikit perkara-perkara yang dituduh oleh Yang Berhormat daripada Sri Serdang yang kononnya mengatakan EXCO-EXCO , EXCO-EXCO kerajaan Negeri Selangor sengaja atau tidak menjawab soalan-soalan daripada pihak pembangkang dari pihak UMNO, pihak Barisan Nasional diletakkan ke belakang, ini adalah satu tuduhan yang palsu fitnah semata-mata kerana kita punya satu jawatankuasa, satu jawatankuasa di bawah Dewan untuk mengkaji soalan terdiri daripada penjawat awam. Mereka begitu profesional untuk memilih soalan-soalan menyusun soalan-soalan. Jadi saya dah tengok soalan pada kali ini susunannya, susunannya soalan nombor 5 daripada Yang Berhormat Sungai Burung, soalan nombor 6 daripada Sungai Pelek.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Nombor 11 Templer.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Nombor 12 KKB

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ah bagi satu

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang Berhormat Sekinchan bila nak jadi EXCO. Tak ada can.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih serahan daripada Yang Berhormat Sri Serdang. Sri Serdang hari ni saya nampak dia lebih baik, lebih berpotensi daripada Sungai Panjang. Sebab Sungai Panjang gagal menjalankan tugas sebagai Ketua Pembangkang sekarang dipangku oleh Sri Serdang. Tahniah diucapkan kepada Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih di atas pengiktirafan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Jadi soal permasalahan yang ditimbulkan oleh Sri Serdang itu tentang soalan kita kebelakangan ini tidak timbul. Hakikatnya pada penggal yang lepas sewaktu saya sebagai pembangkang saya duduk di tempat Sri Serdang. Kebetulan di tempat Sri Serdang Sekinchan, Sekinchan duduk di situ. Ah waktu itu dalam 4 tahun, dalam tempoh 4 tahun saya di anak tirikan. Kenapa saya kata begitu soalan saya tidak pernah masuk sekalipun dalam susunan untuk sepuluh atau

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ketika itu pembangkang seorang, ketika itu pembangkang sorang saja.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Yang seorang itu dihalang oleh tuan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tak pernah halang dulu seorang, Jadi 10 satu betullah tu seorang.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Yalah tapi dalam 4 tahun

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yalah jadi sekarang kalau dulu 20 sekarang dah jadi 21 pula dia pula dia menyokong walaupun tak masuk.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Itu sampah yang kita bagi.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Sekarang ni pula tinggal 15 apa nak buat.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ialah hakikatnya tuduhan daripada Sri Serdang ini

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bukan tuduhan itu namanya adil kena ikut *ratio*, ikut *ratio*.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Apa yang diutarakan kononnya kita membelakangkan soalan tidak benar

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Sekarang ini nak bahas, bahaslah terus berkenaan dengan belanjawan apa pula sibuk dengan soalan ini.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Cukup-cukup turun, duduk sekarang ni *font* saya. Minta izin daripada

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang mulia kalau duduk Tuan Speaker sana .bolehlah duduk Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Tapi saya pun belum, belum mengarahkan Sri Serdang dia dah bangun dulu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ah ialah terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Maknanya saya nak membuktikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa tuduhan Tuan Sri Serdang kena buat kajian dulu. Jangan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Memang dah buat kajian

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Membabi buta saja.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dah buat kajian.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Maknanya soalan daripada pihak pembangkang kita susun dengan cantik di depan di hadapan dan dijawab dengan benar oleh pihak EXCO. Ah itu dia cara yang masalahnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional sampai giliran soalan tak datang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bukan tak datang itu pun mewakilkan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tanggungjawab dengan baik

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kita mewakilkan, tapi tidak dibenarkan. Mewakilkan. Mengikut peraturan tetapi tidak diizinkan.

**TUAN SPEAKER:** Ah cukuplah cukup, cukup.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Teruskan dengan ah baru tadi saya puji

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Cukup, cukup, cukup.

**TUAN SPEAKER:** Ni siapa yang Speaker ni, sila duduk, sila duduk cukup, cukup ah saya dah bagi ruang bebas ini.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker maklumlah Yang Berhormat Sri Serdang ni dulu Timbalan Speaker jadi dia masih ada bayang-bayang sikit. Ah kita bagi canlah. Ada bayang-bayang sikit. Dan

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Walaupun duduk kat sini macam terbayang - bayang juga.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok terima kasih terima kasihlah dengan bayang - bayang tu dan satu lagi Yang Berhormat Sri Serdang mengatakan saya rasa dia tak fahamlah dan tidak teliti dengan menghayati bagaimana cara Dato' Menteri Besar kita ah menyusun, menyusun semula syarikat-syarikat, anak-anak syarikat di bawah MBI yang dulunya hutang-hutang tu entah pergi mana. Hutang-hutang dari PNSB.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Daripada KDEB

**TUAN SPEAKER:** Ya, ya nanti dulu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Sekinchan ini mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke yang menjawab soalan saya.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tidak saya nak bagi tahu apa tuduhan tadi. Saya nak balas

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya tidak tuduhan, biarlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Ijok untuk menjawab.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ini masa saya untuk berbahas.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kenapa pula hari ini. Kalau nak berbahas, berbahas dengan agenda yang sepatutnya

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kalau nak ikut peraturannya Tuan Sri Serdang.

**TUAN SPEAKER:** Bertenang-tenang dulu. Tenang tak apa. Duduk, duduk bertenang dulu. Ah kita bahas. Jadi tadi pun saya bagi ruang untuk Sri Serdang bahas, tak ada gangguan pun. Jadi biarlah Sekinchan dia bahas cakaplah dia apa yang dia hendak. Kalau mana-mana nak minta penjelasan saya masih benarkan. Tapi janganlah gini dua-dua ni kalau gaduh gini tak dengar, saya tak dengar, semua orang tak dengar. Kalau ada syarahan lagi tapi janganlah ganggu gitu. Ya biar dia cakap kemudian kalau, kalau ada kemosykilan boleh tanya lagi ya. Sri Serdang terima kasih. Silakan Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Maksud saya tadi dulu syarikat-syarikat GLC atau MBI ini hutang-hutang daripada akibat daripada usaha sama penswastaan dengan syarikat-syarikat kroni yang majoritinya memang tidak dapat dinafikan di dalam dewan yang mulia ini tuan speaker majoritinya syarikat-syarikat yang jadi usaha sama ini seperti dalam adalah kroni kepada Barisan Nasional. Itu majoriti. Ah nak bangun, bangun.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ini satu tuduhan, satu tuduhan. Ya ketika Itu memang itu yang difikirkan terbaik bukan soal kroni. Kalau soal kroni, lain, tetapi difikirkan ketika itu ialah mungkin yang terbaik. Begitu juga dengan tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang mungkin tindakan yang terbaik ketika itu. Kenapa mesti kata ada persepsi kata ini kroni.

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Ah itulah yang saya sebutkan dalam ucapan saya, saya masih ada lagi sifat-sifat pembangkangan, bukan kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Ok, ok cukup. Ah Sri Serdang. Sebab itulah saya kata tadi bila Sekinchan dia membela kerajaan Sri Serdang kata buat apa dia bela, sebab bela kerajaan bercakap tapi sekarang Sri Serdang pula membela kerajaan dulu. Dah runtuh pun nak membela. Ah dia kena adil, saya nak adil, saya nak adil saya bertindak semua pihak ya sama daripada penyokong kerajaan atau pembangkang juga bertindak adil semasa berbahas. Ya kalau kita nak tuduh orang, biar orang tuduh kita juga. Kita jelaskan. Ya kalau takut ombak kalau takut disimbah ombak jangan berumah di tepi pantai. Itu je yang saya nak ucapkan. Silakan Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya dengan Sri Serdang kawan lama tak apa dia dah terang - terang saya beri peluang yang seluas-luasnya tak ada masalah. Kita tak ada masalah ok. Berkennaan dengan apa yang dijawab oleh Sri Serdang mengatakan waktu itu cara yang terbaik. Ialah cara yang terbaik. Tetapi hakikatnya menunjuk angka-angka menunjukkan kepada kita hutang-hutang tidak dikutip, hutang-hutang disorok - sorok itu tak ada ke mana. Sorok- sorok entah di mana. Tidak dikejar sejak 8 tahun, 15 tahun tak dikejar. Itu hak rakyat. Kalau hutang itu boleh dikembalikan kepada wang tabung kumpulan wang disatukan untuk rakyat alangkah baiknya untuk kesejahteraan rakyat untuk pembangunan rakyat di negeri Selangor. Tetapi pada ketika itu keadaan ini tidak timbul. Baru-baru inilah baru Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar kita baru berjaya kita nampak ada

hutang sebanyak 392 juta dari satu *company* saja, satu *company* siapa dia Talam Corporation, Berhad, yang mana dulu saya pernah cerita. Talam Corporation Berhad ini dimiliki oleh seorang tauke yang namanya Tan Ah Chai, Dato' Tan Ah Chai yang mana Yang Berhormat Sungai Panjang dulu apabila pergi ke luar negeri mesti ada diiringi 10 kali mesti 4 kali, 5 kali diiringi oleh Dato' Tan Ah Chai. Akhirnya semua projek usaha sama yang memihakkan kepada swasta kepada syarikat swasta, tanah-tanah negeri Selangor dianugerahkan kepada Talam Corporation. Ini hakikat, ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi tak perlulah kita bertegas dalam perkara ini dan seterusnya saya nak beritahulah UMNO ini dan Barisan Nasional dia cakap tak serupa bikin. Cakap tak serupa bikin, kenapa saya cakap begitu saya bagi satu contoh di dalam negara di kampung hulu hilir, sini sana, beritahu rakyat kita lawan komunis, kita benci komunis kita tidak boleh bagi Chin Peng balik macam-macam. Wah.. dengar pun orang kampung yang tidak baca surat khabar menaik, ha naik sokong, nak sokong, tapi hakikatnya macam mana. Saya nak bagi tahu ini gambar ada. Gambar ini tengok, gambar, gambar ini apa daripada dahulu, ini siapa, ayah kepada Perdana Menteri sekarang, mantan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bersama dengan siapa Mao Ze Tung. Gambar bendera Malaysia dengan parti komunis sanggup bergabung, bergabung. Contohnya bergabung. Cuba tengok tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat bergabung, sekarang sampai anak begitu juga. Dato' Seri Tun Razak, Najib Tun Razak melawat Hu Jin Toa, serupa juga, maknanya satu komunis, satu keluarga yang sama. Bukan satu Malaysia faham tak.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Baik Sekinchan, Seri Serdang hendak tanya soalan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang Berhormat Sekinchan faham ke tidak itu. Gambar itu adalah hubungan antara kerajaan dengan kerajaan. Ya. Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Cina. Tetapi yang dikatakan Parti Komunis ialah Parti Komunis Malaysia, yang mana Parti Komunis Malaysia itu adalah pengganas yang nak menghancurkan Negara Malaysia. Ini adalah hubungan antara Kerajaan dengan kerajaan. Antara Negara Malaysia dengan Negara Cina. Yang Berhormat Sekinchan sendiri tahu. Di Malaysia ini bukan hanya orang Melayu, orang India, tapi ada juga orang Cina. Apa salah hubungan baik antara Negara Malaysia yang dipelopori oleh semua bangsa yang ada Cina berkawan rapat dengan Negara China. Tapi yang disebutkan parti komunis ialah Parti Komunis Malaysia. Ha, itu bezanya. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas penjelasan Sri Serdang, Yang Berhormat Sri Serdang. Saya juga ada meneliti sejarah-sejarah yang lampau. Parti Komunis Malaya ini dulu disokong oleh parti komunis cina satu ketika dulu, itu satu hakikat. Jadi lebih kuranglah tu. Kita faham walau pun kita tahu perkara ini antara negara-negara dengan Negara hubungan yang baik ok. Tetapi pergi ke kampung kita cerita macam kita ini jaguh, pendekar anak dan bangsa, pergilah ini semua sandiwara sahaja. Jangan tunjuk ini satu. Itu pasal

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Sandiwara juga.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ha. Sebab itu saya kata UMNO cakap tak serupa bikin.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Serupa juga DAP cakap tak serupa bikin. Sama. Lebih teruk daripada itu.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Cukup-cukup. Cukuplah cukup. Saya bagi tiga *point* inilah untuk menunjukkan bahawa apa yang diutarakan oleh Sri Serdang ini boleh dipertikaikan sesungguhnya. Tuan Speaker, sesungguhnya bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merupakan bajet yang kedua dalam era pemerintahan Pakatan Rakyat yang baru berusia dua puluh bulan. Berbagai janji dalam manifesto semasa kempeta pilihan raya yang lalu telah berjaya ditunaikan. Program-program dalam Agenda Merakyatkan Ekonomi seperti Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, TAWAS, program hadiah anak masuk universiti dan sebagainya telah mendapat sambutan luar biasa dan menggalakkan daripada berbagai lapisan masyarakat Negeri Selangor. Majoriti rakyat Negeri Selangor terima kasih dan terharu kerana selama ini program-program dalam agenda merakyatkan ekonomi yang saya sebutkan itu tidak pernah difikirkan dan begitu mustahil untuk menjadi kenyataan lebih-lebih lagi dalam program yang saya sifatkan sungguh menakjubkan iaitu pemberian air percuma dua puluh meter padu kepada setiap keluarga setiap bulan sebanyak RM11.40. Dalam konteks ini kerajaan negeri telah berbelanja sebanyak ringgit Malaysia sembilan perpuluhan lapan juta sebulan, sekarang dan 17 bulan kita bagi, kita kali dengan 17 bulan dari tempoh bermulanya program ini. Sehingga kita jumlah yang disalurkan oleh kerajaan negeri adalah RM166.7 juta. Jumlah peruntukan ini bukanya sikit ia hampir sama lebih kurang dengan bajet tahunan negeri Perlis Indera Kayangan satu negeri punya bajet lebih kurang air pemberian air percuma Negeri Selangor. Satu item saja kita dah hampir satu bajet Negeri Perlis. Itu lah cara kerajaan prihatin yang diketuai oleh YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Kita sanggup demi kebaikan rakyat kita sanggup belanja begitu banyak untuk rakyat, tapi bukan untuk memperkayakan kroni-kroni sepertinya lazim yang dilakukan oleh Barisan Nasional.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ia boleh tak.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kawan saya cuma lain-lain , bagilah, bagilah.

**TUAN SPEAKER:** Ya sila.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Yang Berhormat Sekinchan ini sedar tak berapa banyak orang yang air nya kena potong. Rumah kos-kos rendah yang kata dapat subsidi air. Tempat saya banyak dan siapa yang menyelamatkan. Ada wakil rakyat Pakatan Rakyat dia datang, tapi dia tak dapat menyelesaikan masalah. Ada tiga empat hari air tak ada di rumah-rumah berkenaan. Jadi apa maknanya subsidi itu. Apa maknanya subsidi. Kalau betul-betul subsidi mengapa orang tidak mampu untuk membayar air walau pun ada subsidi. Terpaksa kena potong juga. Jadi ini realitinya. Jadi buatlah kajian sedikit.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sri Serdang. Soal air kena potong di satu dunia mana tempat pun air kena potong kalau kita tak bayar melebihi had. Kita bagi dua puluh meter padu percuma, kalau dah bagi melebihi had tolonglah bayar, hai kawan-kawan kita, kalau itu pun tak faham tak layaklah matematik dan ekonomi kita. Tak faham. Benda ini mesti kena faham. Yang kita pakai yang lebih kita kena bayar. Kalau dia tak boleh bayar ada masalah Yang Berhormat Sri Serdang hendak tolong syukur alhamdulillah. Itu tanggungjawab Yang Berhormat Sri Serdang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, Kajang minta celah.

**TUAN SPEAKER:** Ya silakan.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ingin minta tanya, sekarang ini SYABAS yang menguruskan air dan membekalkan air, dan sekiranya kerajaan Selangor mengambil balik dan kadar *charges* untuk air akan dikurangkan tidak seperti SYABAS, maka masalah tak bayar ini mungkin tidak muncul lagi. Adakah Sekinchan sokong.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya sokonglah Yang Berhormat daripada Kajang sebab soal air ini kita sedang berbincang lagi, berbincang dengan Kerajaan Pusat mengenai perkara ini, kita doakanlah sekiranya kalau kita berjaya kerajaan Negeri Selangor dapat balik hak pengurusan air di Negeri Selangor ini, Insya-Allah banyak lagi kebaikan akan kita berikan kepada rakyat. Itu komitmen dan janji Pakatan Rakyat.

Tuan Speaker saya menerima banyak *responses* dan maklum balas daripada rakyat berbagai kaum mereka begitu kagum bagaimanakah kerajaan Pakatan Rakyat dapat melakukan dalam tempoh yang begitu singkat, sedangkan pengalaman mereka ini selama lima puluh tahun bukan tak singkat, lima puluh tahun, bukan sahaja tidak menikmati kemudahan dan kebajikan yang kita bagi, malah sering dibebani dengan berbagai kenaikan cukai yang tidak munasabah. Walau bagaimana pun tidak dinafikan pentadbiran kita masih ujud berbagai kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi secara berperingkat-peringkat, namun begitu Kerajaan Negeri yakin dan komited dalam usaha untuk membawa pembangunan, pengurusan, pentadbiran ya Selangor ke satu tahap yang lebih cekap, lebih mantap serta bersistem metrik selaras dengan matlamat Pakatan Rakyat untuk merealisasikan Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Parlimen kita termasuk Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat daripada Bukit Antarabangsa telah membajet, membahaskan bajet 2010 di Parlimen, di peringkat Parlimen, peringkat persekutuan. Di mana kita juga dimaklumkan Kerajaan Persekutuan telah membentangkan bajet, bajet apa, bajet defisit selama berapa lama, selama 13 tahun bajet defisit di peringkat pusat. Walau pun ketika itu harga komoditi melambung atau turun, harga petroleum naik atau turun, bajet yang dibentangkan tetap defisit. Memandangkan 13 tahun merupakan satu jangka masa yang panjang, yang panjang dan sekiranya kita biarkan keadaan ini berpanjangan dia akan memudaratkan ekonomi negara dan pada ketika ini saya nak bagi maklum kepada Dewan yang mulia ini, Negara kita hutang mempunyai hutang sebanyak RM362 bilion jika berbanding dengan tahun 2008, di mana tahun 2008 hutang negara hanya RM306.4 bilion iaitu peningkatan sebanyak 18.3% dalam masa setahun. Angka dan fakta ini menunjukkan kepada kita bahawa kedudukan kewangan Negara tidak stabil dan dalam keadaan yang agak kritikal. Sebaliknya Kerajaan Negeri Selangor wajar diberikan pujian kerana masih mampu membentangkan bajet, bajet yang berimbang bukan bajet defisit. Di mana anggaran sejumlah satu ringgit Malaysia perpuluhan tiga bilion diperlukan dalam bajet 2010. Walaupun kemelesetan ekonomi global masih berlanjutan. Pada tahun 2010 ini anggaran perbelanjaan mengurus ialah tujuh ratus sembilan juta enam ratus ribu, manakala baki sejumlah lima ratus sembilan puluh juta empat ratus ribu diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Pada keseluruhannya walau pun dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Serdang kita mengalami sedikit penurunan iaitu sebanyak tujuh perpuluhan satu empat peratus jika dibandingkan dengan tahun 2008 iaitu lebih kurang satu ratus juta. Kita sedia maklum kutipan hasil ini khususnya dari premium tanah pada tahun 2009 adalah tidak begitu memuaskan. Berbanding 2008 sepanjang pengamatan saya selain daripada faktor, faktor luaran di mana ekonomi global, krisis ekonomi global salah satu punca utama yang menyebabkan kutipan hasil cukai kita susut ialah kelemahan. Kelemahan kita sendiri. Kelemahan dalaman selain kelewatan yang ketara untuk mempertimbangkan sesuatu permohonan sikap kepimpinan kita yang sering prejudis terhadap sebarang cadangan dan

usaha pembangunan yang kononnya akan menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri. Sehubungan itu saya menyambut baik langkah kerajaan negeri mengambil pendekatan berhati-hati dalam proses kelulusan permohonan sebarang projek pembangunan dan sebagainya. Tetapi janganlah sampai keterlaluan sehingga semuanya serba tidak menjadi. Akhirnya kita kerugian banyak hasil cukai yang sepatutnya dapat dikutip dengan segera.

Tuan Speaker, saya menyambut baik juga langkah Kerajaan Negeri melancarkan Ops Kutip dan di samping mengadakan program insentif bagi prestasi Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil seperti yang ditetapkan iaitu 70%. Maka ganjaran berbentuk wang tunai sebanyak RM100 ribu akan diberikan kepada Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya mencapai matlamat tersebut. Saya harap selepas ini Pejabat Daerah dan Tanah dapat seluruh kakitangan dan anggotanya dapat memberi komitmen yang sepenuhnya untuk menjayakan matlamat tersebut. Satu perkara yang ingin saya sentuh dan berikan sedikit pandangan dan teguran ialah tentang pengurusan pasir. Pengurusan pasir seperti yang telah dibangkitkan tadi di bahaskan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa sebentar tadi, pada sebelah pagi di mana Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. KSSB telah membayar *royalty* pasir *royalty* pasir sebanyak empat perpuluhan tujuh juta pada tahun ini jika di banding pada tahun 2008 di mana sebanyak tujuh ratus tiga puluh lima ribu sahaja dikutip. Walau pun saya nampak ada peningkatan daripada sebelum ini dulu RM735,000 sekarang RM4.6 juta. Tetapi memandangkan potensi pasir di negeri Selangor ini, khazanah pasir ini memang lebih daripada *target* tersebut. Dulu pernah kita kira-kira anggaran kita dulu pernah sampai mencecah RM 100 juta tetapi sampai sekarang kita nampak *performance* daripada Kumpulan Semesta masih gagal mencapai sasaran tersebut. Jadi saya ingin mencadangkan kepada YAB Dato' Menteri Besar dan Barisan EXCO agar memberi satu jangka masa, satu *time frame* kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Kalau mereka bisa melakukan dengan baik, menambah hasil dalam setengah tahun ini dengan baik, berlipat ganda dengan baik kita teruskan. Kalau Semesta ini masih gagal, janji tetap dengan janji saya syorkan seluruh pimpinannya ditukar orang-orang lain, jangan biarkan orang yang tidak boleh *perform* terus mengetuai Kumpulan Semesta. Ini cadangan saya kepada YAB Tan Sri. Sebab saya nampak ada masalah, saya setuju dengan Bukit Antarabangsa di mana terdapat pegawai-pegawai dari Semesta yang bersekongkol dengan pencuri-pencuri pasir. Kalau nak saya sebut nama saya pun boleh. Tapi saya tak mahu dalam dewan yang mulia ini. Jadi bagi tahu Kumpulan Semesta tolong jaga reputasi KSSB jangan cuba nak berpaktat dengan pencuri-pencuri pasir untuk meranapkan hasil kekayaan Negeri Selangor. Ini, kami seluruh *bechbencer* tengah memantau prestasi Kumpulan Semesta.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sg. Burong ingin tanya.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oh. Sri Serdang sudah balik giliran Sg. Burong. O.k saya bagi.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh terangkan tak siapa dia. Kalau kita nak *transparency*, ketulusan, apa salahnya sila nyatakan kepada Ahli-ahli Dewan yang ada dalam dewan ini tahu mereka.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih kepada Sg. Burong, saya dah beritahu pimpinan dan ada pegawai cukuplah setakat itu, sebab kita, kadang-kadang kita bagi peluang kepada orang yang baru, Kumpulan Semesta ini baru, setahun lebih, jadi kita bagi masa kalau masa akan datang masih tidak boleh *perform*, ha waktu itu, Sungai Burung, ha saya akan beri jawapan kepada Sungai Burung, sabarlah sedikit, sebab sabar itu separuh daripada iman.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar kerana telah membentangkan satu bajet, dalam keadaan ekonomi gawat bajet berimbang, dan merangkumi semua aspek termasuk politiknya, ekonominya kebudayaannya dan pendidikan serta yang lebih penting kebajikan rakyat Negeri Selangor, kita tidak mahu, tidak mahu ada lagi golongan-golongan yang ketinggalan jauh dan terus terpinggir oleh arus pembangunan, tidak kira mereka ini sama ada daripada Melayu, Cina India dan lain-lain lagi. Semangat Pakatan Rakyat yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat, DAP dan PAS, kita tahu benda yang diberikan oleh rakyat tanggungjawab yang rakyat Negeri Selangor berikan kepada Pakatan Rakyat kita akan teruskan kita akan lakukan yang terbaik untuk rakyat selaras dengan prinsip dan semangat demokrasi iaitu dari rakyat untuk rakyat dan kepada rakyat.

Menyentuh laporan Ketua Audit Negara dalam Penyata Kewangan Jabatan Agensi Negeri Selangor tahun 2008, dalam tempoh 5 tahun yang lalu Kerajaan Negeri Selangor telah membuat pelaburan dalam pasaran saham sebanyak RM323.55 juta pada tahun 2004, tahun 2004 dan terus meningkat kepada 390.6 juta menjelang pada tahun 2008 iaitu pertambahan sebanyak 20.7% akan tetapi malangnya Kerajaan Negeri hanya memperolehi pulangan menerusi dividen saham secara purata setiap tahun hanya 0.02 % sahaja, butiran tersebut membuktikan kepada kita prestasi kerajaan negeri dalam tempoh 5 tahun yang lalu, 5 tahun yang lalu khususnya dalam membuat pelaburan saham adalah amat buruk sekali.

Justeru itu, apa yang di gembar gemburkan oleh kerajaan, bekas kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Berhormat Sungai Panjang dulu, kononnya cekap dan pintar pandai mengurus kewangan Negeri Selangor adalah retorik dan indah khabar dari bayangan sahaja.

Tuan Speaker , saya merasa bangga dan kagum dengan pencapaian kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor yang baru berusia belum genap 2 tahun kerana menurut laporan Ketua Audit tahun 2008 Ketua Audit Negara khususnya dalam aspek pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Selangor telah mendapat *rate* yang tinggi yang terbaik, walau pun kita terpaksa berdepan dengan berbagai tekanan yang dahsyat dari rejim Barisan Nasional di peringkat pusat.

Sementara itu, bukan sahaja Negeri Selangor mendapat rating terbaik, malah negeri-negeri Pakatan Rakyat yang lain seperti di Pulau Pinang dan Kedah juga mendapat kepujian yang sama, oleh yang demikian sekali lagi terbukti kepada rakyat pilihan rakyat untuk memberi kepercayaan dan mandat serta sokongan padu kepada Pakatan Rakyat pada 8 Mac 2008 yang lalu adalah tepat sekali. Persoalannya kenapa negeri-negeri Pakatan Rakyat sahaja mencapai prestasi cemerlang dalam aspek pengurusan kewangan, sedangkan negeri-negeri yang lain yang diperintah oleh Barisan Nasional lebih lama, ada yang lebih 52 tahun lebih berpengalaman lebih lama tetapi tidak berupaya melakukan.

Jawapannya mudah sahaja ahli-ahli Yang Berhormat kerana kesemua negeri Pakatan Rakyat iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Kedah mengamalkan prinsip keupayaan, ketelusan dan ke bertanggung jawapan dalam urusan pentadbiran Negeri Selangor, negeri masing-masing berbanding dengan negeri-negeri Barisan Nasional yang rakyat sudah sedia maklum, sedia maklum mereka ini sinonim dengan elemen-elemen penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah dan suka membazir wang rakyat dengan projek gajah putih demi kepentingan kroni-kroni mereka.

Sebagai contoh saya nak bagi tahu satu stadium di Kuala Terengganu, dibina baru siap setahun lebih bumbungnya tiba-tiba entah macam mana, pagi pun tak ada hujan, tiba-tiba ranap, runtuh, ha itulah projek di bahagikan kepada kroni satu, contoh yang kedua, baru-baru ini kalau dah lama mungkin kita terlupa, sebab Mahathir kata ini ramai kita boleh terlupa, sebab Mahathir pun dah tua dia pun terlupa. Ling Liong Sik juga terlupa 11 kali 15 kali dalam PAC, beliau terlupa, beliau terus terlupa dan satu lagi contoh yang nak bagi kepada ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini ialah baru-baru ini jambatan gantung di Kampar Perak, yang baru siap 2 minggu, 2 minggu tiba-tiba runtuh juga dan telah mengakibatkan anak-anak kita dua orang yang terkorban, tiga orang pelajar sekolah rendah yang terkorban, itulah cara-cara pentadbiran Barisan Nasional masih tetap dengan helah tersebut.

Tuan Speaker, izinkan saya bangkit sedikit bukti penindasan dan diskriminasi serta kezaliman yang dilakukan oleh kerajaan Persekutuan, Barisan Nasional terhadap negeri Pakatan Rakyat khususnya dalam konteks ini Negeri Selangor seperti apa yang dinyatakan Dato' Menteri Besar sebab semasa membentangkan bajet 2010 semalam saya dimaklumkan pada tahun 2009 Kerajaan Pusat tidak memberi peruntukan-peruntukan yang sepatutnya dinikmati rakyat Negeri Selangor melainkan peruntukan-peruntukan wajib seperti pemberian bilangan penduduk *capitation grant* pemberian penyelenggaraan jalan raya negeri iaitu MARRIS, perkara ini bagi saya tidak wajar berlaku memandangkan rakyat Negeri Selangor umum tahu rakyat Negeri Selangor merupakan yang paling banyak menyumbangkan hasil pendapatan.

Pada tahun 2008 yang lalu, Negeri Selangor menyumbangkan 16 bilion satu tahun kepada Kerajaan Persekutuan, 16 bilion hasil cukai pendapatan kepada Kerajaan Persekutuan akan tetapi sejumlah hanya 408 juta iaitu sekitar 2.55% sahaja dikembalikan dalam bentuk peruntukan kepada Kerajaan Negeri Selangor apakah? fakta yang saya bangkitkan ini Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, ini bukan bukti diskriminasi bukti penindasan, bukti kezaliman yang dilakukan oleh pembangkang-pembangkang daripada persekutuan ini yang kerajaan mereka persekutuan.

Kalau berani nafikan fakta yang saya huraikan di sini, inilah kerja-kerja kita Selangor seluruh rakyat Selangor bagi 16 bilion yang dipulangkan lebih kurang 400 juta sahaja yang lain ke mana? yang lain mana? saya nak tanya di dalam dewan yang mulia ini, yang lain pergi mana? peruntukan Morib. Ha itulah, itulah yang kita pertikaikan, inilah masalah besarlah, oleh yang demikian, saya menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor semasa merasmikan diskusi bajet Negeri Selangor di Dewan Sivik, MBPJ Petaling Jaya yang lalu, beliau menggesa agar ditubuhkan satu **Suruhanjaya Geran yang Bebas** (*Independent Grants Commissioner*) untuk mengendali pembahagian peruntukan Kerajaan Persekutuan agar dapat dilakukan dengan adil, telus dan saksama. Sementara itu ahli-ahli yang duduk di dalam Suruhanjaya bebas itu mestilah terdiri daripada pihak wakil Kerajaan Persekutuan wakil pihak Kerajaan negeri, dan pakar-pakar kewangan dalam erti kata lain dengan adanya Suruhanjaya bebas, Geran yang bebas ini perbincangan tentang bagaimanakah? peruntukan persekutuan dapat diurus dan diagih dengan telus dan saksama kepada setiap negeri berdasarkan kepada kriteria dan sumbangan serta kemampuan dan pencapaian kemajuan setiap negeri.

Maka dengan itu saya menyokong penuh cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahasa setiap negeri diberi ketetapan dan berhak menerima peruntukan paling kurang, paling kurang 20% daripada seluruh cukai yang kita sumbangkan, 20% kalau boleh 25% lagi baik, tapi kita minta 20% la.. daripada jumlah keseluruhan hasil.

Dengan pendekatan ini Negeri Selangor berjaya akan mendapat 3.2 bilion dalam konteks ini kita mintalah Ahli-ahli Parlimen kita daripada Bukit Antarabangsa, tolong perjuangkan perkara

ini di peringkat Parlimen, desak Kerajaan Persekutuan agar tubuh Suruhanjaya Geran Bebas ini.

Tuan Speaker, cadangan tersebut tepat pada masa kerana mengikut pendekatan yang diguna pakai mutakhir ini tidak sesuai dan sekali gus tidak mencerminkan kepentingan dan sumbangan hasil pendapatan negeri masing-masing, tambahan pula faktor yang diambil ialah faktor kepentingan politik menjadi paksi utama pengagihan peruntukan kerajaan Persekutuan, mungkin secara lazimnya kita masih ditakuk pemikiran yang lama kerana selama ini pengagihan peruntukan Kerajaan Persekutuan tidak pernah menghadapi masalah dan dipersoalkan sebab 52 tahun yang lalu, kiri kanan Barisan Nasional, atas bawah, utara selatan Barisan Nasional, jadi peruntukan geran ini tak ada masalah orang kita juga yang bagi, dia-dia orang kita Barisan Nasional - Barisan Nasional daripada Perlis sampailah ke Sabah Barisan Nasional.

Tetapi selepas perkara ini dari segi politik tanah air sudah banyak berubah anjakan dan perubahan dengan ketara di mana pada 8 Mac yang lalu 2008 yang lalu sebanyak 5 negeri, walaupun Perak sudah dirampas, ditawan oleh Pakatan Rakyat gelombang kebangkitan dan kesedaran rakyat terhadap agenda perubahan semakin membara. Justeru itu saya ingin menasihatkan Barisan Nasional Kerajaan Persekutuan tolong balik sampaikan jangan lagi sombong dan angkuh serta memandang sepi terhadap seruan dan cadangan penubuhan **Suruhanjaya Geran Bebas** kerana kemungkinan pada Pilihan raya yang ke 13 umum yang akan datang kalau salah silap tarikh kalau kita ditakdirkan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa Kerajaan Pusat akan bertukar tangan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat pada waktu dan ketika itu mungkin senjata akan makan tuan.

Jadi insaflah dan bertaubat, kawan-kawan daripada Barisan Nasional ini, insaflah segera insaf dan bertaubat, ha Sekinchan amat insaf, bersyukur dan sentiasa bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa, kita tidak mahu mengkhianati amanat yang diberikan oleh rakyat. Dalam erti kata bahasa Cina ( .......) terima kasih, ha Tuhan mendoakan kita semua. O.K.

Tuan Speaker, saya ingin menyatakan sokongan padu dan bulat terhadap peranan Jawatankuasa pilihan khas mengenai keupayaan kebertanggungjawaban dan ketelusan (SELCAT) khususnya dalam memantau selia dan menguruskan pentadbiran kerajaan negeri, agensi-agensi dan pihak berkuasa tempatan agar wang rakyat dapat dibelanjakan dengan cekap dengan telus pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa SELCAT yang telah dapat menjalankan tanggung jawab dan amanah dengan baik demi kepentingan rakyat Negeri Selangor.

Sehubungan itu, Negeri Selangor telah mencipta satu sejarah yang luar biasa di mana kita merupakan negeri yang pertama menujuhan Jawatankuasa Pilihan Khas (SELCAT) melalui kelulusan daripada Dewan yang mulia ini dan seterusnya kita telah Kerajaan Negeri Selangor dan Jawatankuasa SELCAT telah berjaya mengadakan sesi pendengaran awam yang paling diminati hendak diketahui oleh seluruh rakyat Malaysia dan rakyat Negeri Selangor khususnya iaitu tentang bagaimana wang dana sebanyak Ringgit Malaysia 9.9 juta boleh dilarikan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang dengan konco-konconya untuk diberikan kepada BAKTI.

Ramai orang nak tahu kenapa duit sumbangan daripada anak syarikat? Kebanyakan duit itu, dana itu daripada anak syarikat PKNS, PNSB, KDEB disumbangkan tetapi tiba-tiba kalah pilihan raya duit tersebut disalurkan, dilarikan *meneng-meneng gowo Melayu* dengan izin, diam-diam bawa, lari. Ngomong Jawa itulah. Kalau tak faham bagi Sungai Burong tolong terangkan. Jadi yang keduanya, kes yang kedua, isu yang SELCAT buat pendengaran awam tentang

peruntukan ADUN tahunan. Keberkesanan daripada sesi pendengaran awam ini telah menyebabkan SPRM pun duduk tak boleh diam sebab rakyat dah pantau, dah teropong dalam pendengaran awam SELCAT ini kita nampak bagaimana, bagaimana lima puluh empat ADUN daripada Barisan Nasional termasuk yang ada duduk di sini. Lima puluh empat, bagaimana mereka dapat menghabiskan kecekapan, keberkesanan mereka menghabiskan peruntukan RM500,000.00 dalam tempoh masa sekitar dua bulan. Ada yang selepas pilihan raya dah kalah, 8 Mac hingga 15 Mac, 20 Mac pun ada tuntutan dan duit dikeluarkan juga. Jadi rakyat sudah faham bagaimana duit itu digunakan. Penyelewengan yang berlaku dan sebagainya, semua dah faham. Jadi SELCAT ini walaupun ditentang oleh puak-puak daripada Barisan Nasional. Saya di sini nak bagi tahu, saya di sini hendak bagi tahu ada seorang Wakil Rakyat, seorang Ahli Dewan yang telah mengetuai, mengetuai pasukannya, kononnya pergi ke mahkamah untuk saman SELCAT, untuk saman SELCAT, Ahli Yang Berhormat ini daripada Kuala Kubu. Beliau selama lapan belas bulan, SELCAT ini sudah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Beliau waktu itu ada di dalam tapi baru sekarang beliau sedar, baru beliau terjaga daripada tidur. Maknanya selama lapan belas bulan ini Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu tidur. Patutlah hari ini pun tak datang. Selalu dia tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik sebagai Wakil Rakyat sebab selalu (Bahasa Cina), lambat datang cepat balik ataupun tak datang (Bahasa Cina), dengan izin.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Ia, siapa ni, Sungai Pelek ia

**YB TUAN YAP EE WAH:** Cuma penjelasan. Pagi tadi saya hendak wakil KKB untuk tanya, tak dapat. *And then* apabila ditanya oleh Tuan Speaker, dia pergi raptai anugerah bintang. Jadi sekarang dia kata tak datang. Tak datang ke Dewan kerana ada hal. Jadi janganlah ini sangkaan jahatlah.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas penjelasan daripada sahabat beliau, juga sahabat sayalah. Sahabat kita daripada Sungai Pelek, Yang Berhormat daripada Sungai Pelek. Saya hendak terangkan di sini, bukan setakat hari ini. Hari itu, pada hari Isnin yang lalu, ia beliau mencabar kesahihan SELCAT pergi ke memilih hari Persidangan Dewan, memilih Hari Bajet pergi ke mana? Pergi ke Mahkamah untuk saman SELCAT. Beliau tidak tahu membezakan mana satu penting. Hari-hari yang lainkan panjang. Lima hari satu minggu Persidangan Dewan lepas itu boleh saman. Sebelum ini pun boleh saman. Kenapa pilih hari Persidangan Dewan dan pergi buat saman? Itu satu. Kalau dia nak saman, itu hak dia saya hormati tetapi sudah pergi saman selepas dua jam, tak balik. Ahli-ahli Yang Berhormat betul ke tidak? Kalau betul sokonglah sikit. Ha, macam itulah.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker minta celah.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ha, ia cukup, cukup, cukup..

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, nak tanya pada Sekinchan sama ada YB ADUN KKB, adakah beliau juga salah seorang Ahli SELCAT dan beliau terima lantikan di dalam Dewan ini?

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ha, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Kajang. Setahu sayalah, beliau bukan Ahli Jawatankuasa SELCAT. Beliau adalah ahli dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Itu saya baca sebab itu saya tahu...

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Yang Berhormat.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kita jangan macam Yang Berhormat Sri Serdang. Sekarang penduduk Selangor mutakhir ini, dia pun salah. Penduduk di Negeri Selangor...

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Nak minta penjelasan sikit.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kejap saya nak cerita habis kejap, jap. Duduk di Negeri Selangor jadi Timbalan Speaker, empat penggal ke lima penggal jadi ADUN. Dulu Kerajaan, berapa penduduk Selangor sekarang ni dia tak reti, dekat empat juta. Masya-Allah. Sekarang 5 juta, tahun akan datang 5.2 juta, *estimate*. Itu fakta kena baca jangan datang hentam saja. Ha, Sungai Burong nak bela dia pula.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya dengar tadi. Bukankah dia cakap lebih empat juta?

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Dia mula-mula empat lepas itu dia tersasul. Jadi saya bagi tahu fakta itu tersasul. Dalam *handsard* kita boleh *chek*.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Siapa yang tersasul? Dia cakap empat juta lebih. Saya dengar lagi.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Jadi cukuplah, cukup. Saya hendak bagi peluang kepada Rawang untuk tanya.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan, kalau Yang Berhormat KKB dia dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, adakah ini bermakna dia juga setuju dengan apa yang telah dilakukan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tapi sekarang pula dia pergi hendak pergi saman SELCAT balik.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oh... baru saya, saya diberitahu. Terima kasih atas ingatan daripada Yang Berhormat Rawang ini. Oh, dia saya hairanlah, saya cukup pelik, Sungai Pelek, aduh saya minta maaflah kalau tersinggung, minta maaf. Saya cukup hairan, cukup hairan saya tukar ayat takut tersinggung Sungai Pelek. Kalau sahabat saya ini bagus. Dia rajin sikit kalau nak banding dengan Kuala Kubu jauh beza. Kuala Kubu ini patut dia letak jawatanlah sebab dia tak mampu menjalankan tugas dengan baik. Dia tak cerminkan muka sendiri. Baru penggal pertama jadi ADUN patut tiap-tiap hari datang belajar. Belajar bagaimana hendak berbahas di Dewan, hendak tanya soalan, hendak kemukakan usul semua kena belajar. Perkara asas, *basic* kena belajar, malas satu. Tengok, hari-hari ponteng tak datang. Macam itu kah? (Bahasa Cina) Ini maksudnya tidak menjalankan tanggungjawab.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Minta laluan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ia, Paya Jaras minta penjelasan bagaimana?

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oh Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya rasa kita mungkin dah terlanjur jauh, kita tak boleh banyak menekan seseorang tapi kita jelaskan apakah perbincangan ataupun pembentangan bajet yang kita dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Selain daripada itu saya dengar kalau diberi kebiasaan masa oleh Tuan

Speaker sepuluh, lima belas minit saya rasa dah satu jam dah ini berlarutan, saya minta, hampir-hampir satu jam

**TUAN SPEAKER:** Mungkin Yang Berhormat Paya Jaras tidak nampak. Saya belum mula nak hadkan masa. Biasa saya biar dulu, tengok keadaan baru saya mula had masa. Saya hendak beri kebebasan yang secukupnya untuk semua ADUN untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya tak nak, tak suka nak had-hadkan masa seperti yang dulu saya kenakan sebagai pembangkang. Itu yang saya cuba beri kebebasan yang sepenuh-penuhnya. Jadi kalau nanti masa tak cukup saya boleh lanjutkan lagi. Itulah perbezaannya dulu dengan sekarang. Ia silakan Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas petua Tuan Speaker. Saya harap semua orang ambil maklumlah termasuk saya. Sebentar tadi saya mengingatkan di mana Yang Berhormat Rawang, dia bagi tahu di mana Yang Berhormat KKB ini dia seorang ahli jawatankuasa, seorang ahli dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan perkara ini tentang SELCAT ini juga dirujuk kepada hak dan kebebasan. Beliau duduk di dalam, lapan belas bulan. Apa yang beliau lakukan beliau pun tak faham. Perkara asas pun beliau tak faham, jadi beliau, beliau bangkang dengan keputusan, bangkang dengan keputusan yang Dewan buat luluskan penubuhan jawatankuasa dan beliau pergi cabar di mahkamah. Inilah cara seorang, seorang apa? Ahli Dewan Negeri yang baru hendak belajar tapi cukup sompong dan angkuh. Saya minta dia ambil nasihat tolong belajar baik-baik, jangan, jangan nak jadi cuba hendak gunakan mahkamah untuk medan melawan politik atau mengganggu kacau pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau pandai sangat nak pergi mahkamah, dan peguam pun jadi Tuan Speaker, kalau beliau bukan peguam, hari-hari nak pergi mahkamah saya minta dia letak jawatan sebagai ADUN dan pergi ke mahkamah jadi peguam. Hari-hari pun boleh berhujah, betul tidak? Ini perkara penting.

Yang kedua, kita tahu, kita sedia maklum Tuan Speaker. Kalau orang-orang Islam setiap tahun ada musim Haji, ada musim Haji, setiap tahun ada orang dah ada niat dan mereka akan pergi ke Haji untuk menunaikan Fardu Haji. Itu salah satu Rukun Islam yang mesti dipatuhi sekiranya ada duit dan mampu mesti dipatuhi. Itu penting kena pergi Haji dan orang Islam dia pergi wajib pergi ke Masjid untuk sembahyang, itu penting. Dan dalam konteks ini kita sebagai ADUN, tempat kita mana? Forum kita yang tertinggi adalah di Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Sebagai ADUN *basic* kerja asas mesti datang menghadiri Dewan Undangan Negeri untuk menjalankan tugas membahaskan perkara permasalahan rakyat kerana Dewan merupakan forum yang tertinggi menggubal undang-undang dan memperdebatkan permasalahan rakyat. Kalau gagal hadir ke Dewan tidak mahu datang ke Dewan bermaknanya ADUN tersebut sudah gagal menjadi ADUN. Sudang ponteng dan tidak bertanggungjawab. Beliau tidak harus tidak wajar dipilih lagi pada pilihan raya akan datang. Ini perkara pokok yang harus kita capai bersama.

Tuan Speaker,

Dan saya juga hendak ingatkanlah dalam perkara soal SELCAT ini. Yang pentingnya kita sebagai Ahli Dewan, kita kena sokong kepada SELCAT. Sebab apa? SELCAT ini dia memainkan peranan mengawal selia, mengawal selia pentadbiran Kerajaan agar perkara-perkara yang kita tidak ingin, kelemahan-kelemahan yang selama lima puluh tahun ini perlahan-perlahan, *step by step*, peringkat-peringkat kita ambil maklum dan kita tambah baik. Itu hasrat murni dan niat Kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi wajib disokong oleh semua lapisan.

Tuan Speaker,

Dalam laporan Ketua Audit Negara 2008 juga menyentuh tentang berlakunya aktiviti-aktiviti pencerobohan hutan simpan kekal Negeri Selangor angkara pemantauan dan penguatkuasaan yang lemah. Menurut laporan tersebut aktiviti-aktiviti pembalakan haram dan kecurian kayu balak dikesan di Kompartmen 36, Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan dalam Daerah Pantai Klang yang melibatkan keluasan hampir iaitu lebih kurang lima belas hektar. Manakala di Hutan Simpan Kekal yang lain berlaku berbagai pencerobohan seperti pembinaan jalan, aktiviti pertanian, penternakan serta didirikan dengan kem-kem motivasi dan lain-lain lagi. Masalah ini wajar diberi perhatian serius dan diambil tindakan susulan bagi mengatasi kelemahan ini oleh pihak yang bertanggung khususnya Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk saya minta Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dapat meminimumkan aktiviti-aktiviti pencerobohan hutan simpan kekal. Lantaran itu kelemahan-kelemahan yang ditegur oleh pihak Audit seperti pemantauan yang lemah, kekurangan pegawai penguat kuasa serta menjalankan rondaan yang tidak mengikut jadual yang ditetapkan mesti diatasi dengan pendekatan yang lebih efektif bagi memelihara rizab hutan simpan kekal negeri untuk kepentingan generasi kita akan datang. Kita mungkin boleh berbangga dengan peratus rizab hutan simpan Negeri Selangor mutakhir ini iaitu sebanyak 30.5%. Walaupun kita merupakan negeri yang paling pesat membangun khususnya dalam pembangunan jika dibanding dengan negeri-negeri yang lain seperti Johor. Johor hutan simpan sekarang tinggi 23.2%, Melaka hutan simpan kekal 3.1%, mungkin hutan simpan Air Keroh sahajalah, yang lain habis. Akan tetapi sekiranya kita terlepas pandang dan membiarkan permasalahan tersebut terus berleluasa maka mungkin pada masa akan datang *reserve* kawasan hutan simpan Negeri Selangor akan susut daripada 30.5%. Kesan ini akan menyebabkan kualiti alam sekitar dan ekosistem kita terjejas. Oleh yang demikian saya menyokong penuh usaha Y.A.B Dato' Menteri Besar untuk meminda Akta Perhutanan pada Persidangan Dewan akan datang. Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengutuk sekeras-kerasnya perancangan jahat dan jijik pihak Barisan Nasional khususnya UMNO kerana terus-menerus melakukan serangan dengan menggunakan strategi dan taktik yang hampir sama dilakukan di Negeri Perak untuk membuat kacau ganggu dan seterusnya merampas Kerajaan Negeri Selangor. Saya kesal dan malu dengan perbuatan UMNO dan Barisan Nasional yang tidak bertamadun serta langsung tidak menghormati amalan prinsip demokrasi berparlimen di mana rakyat diberi hak untuk menentukan siapakah sebenar pilihan mereka, sama ada Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional untuk menerajui sebuah Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat. Secara sepintas lalu masih boleh kita bayangkan bagaimana bermulanya episod hitam dua orang ADUN Pakatan Rakyat pada mulanya secara tiba-tiba di dakwa oleh sekutu-sekutu Barisan Nasional iaitu SPRM, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia rentetan dari pendakwaan tersebut tidak lama kemudian berlaku pula satu peristiwa hitam misteri di mana kedua-dua ADUN berkenaan telah menghilangkan diri tanpa diketahui dan gagal dikesan oleh sesiapa termasuk sanak saudara dan isteri beliau.

**TUAN SPEAKER :** YB, itu dah... ...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Bukan saya .....ada...ada...kaitan dengan apa perancangan.....

**TUAN SPEAKER:** Aaa....jangan...jangan..panjang sangat.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Aaa.....jangan panjang sangat ya...

**TUAN SPEAKER:** Jangan sampai merantau.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Aaa.....merantau sikit sebab baru-baru ini .....baru-baru ini Selangor pun berlaku perkara seperti ini. Ada orang hilang . Sekarang tengok sana dah hilang

satu. Dulu di Gombak Setia sebelah ada YB Pelabuhan Klang. Sekarang, dah hilang. Hilang apabila gagal menjalankan tugas berkhidmat untuk rakyat .....

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia di sini....di depan...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Aaaa...??

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia di sini.....

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Oooo Gombak Setia ...minta maaf....Gombak Setia di sini....

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oooo....silap, silap.....tersilap.....Gombak Setia minta maaf lah...Seri Setia...!!!!

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta laluan sikit, itu YB yang duduk di belakang saya walaupun dulu ada tempat duduk tapi langsung tak hadir juga saya adalah satu seorang saksi. Sekarang lompat ke sebelah yang lain. Sama juga tak hadir .....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ya terima kasih atas ingatan daripada YB daripada Teratai. Jadi selepas hilang dan tidak memberi perkhidmatan yang sewajarnya yang patut sebab dia Wakil Rakyat kena khidmat untuk rakyat tapi hilang, berbulan-bulan sehingga Y.A.B Dato' Menteri Besar terpaksa mendesak beliau untuk letak jawatan. Hari tu dia desak hari kesokan, hari esok tiba-tiba dia muncul, muncul di mana.....Hotel 5 Bintang di Kuala Lumpur dan mengisyiharkan beliau keluar...aaa...beliau menyokong, beliau masih wakil rakyat dan tidak letak jawatan dan menyokong sebagai Ahli Dewan Negeri yang bebas telah menyokong Barisan Nasional. Aaa...inilah sindrom, sindrom dan fenomena yang dalam setahun ini banyak berlaku sindrom-sindrom begini. Hilang apabila muncul akan jadi wakil rakyat bebas dan sokong Barisan Nasional. Inilah sindrom dan jadi "katak si katak lompat", kian hari kian lompat, sekarang daripada sana daripada Pakatan dia lompat ke ....oo...tempat duduk yang baru, di belakang Sg. Pelek. Selepas lompat pergi Barisan Nasional tiba-tiba tiap-tiap hari datang pula tetapi setengah hari dah balik. Saya nak cabar la....YB Pelabuhan Klang tolong beritahu kalau dulu menang atas tiket Parti Keadilan Rakyat, rakyat beri mandat pada Pilihan raya yang lalu atas mandat Parti Keadilan Rakyat Pakatan Rakyat, sekarang tiba-tiba lari mengkhianati mandat rakyat beliau wajar letak jawatan sekiranya beliau merupakan seorang yang bermaruah, letak jawatan segera! Pulihkan, bagikan rakyat untuk pilih siapa wakil rakyat yang mereka hendak. Begitulah cara yang terbaik jangan jadi katak dan saya, saya boleh fahamlah saya sedia maklum, kalau Barisan Nasional ni suka katak kita tahu dia memang ada satu sarang untuk simpan katak dan saya juga nak bagi tahu ahli-ahli daripada Pakatan Rakyat termasuk DAP muka-muka mana yang berpotensi kalau siapa-siapa nak jadi katak ataupun siapa daripada Pakatan Keadilan Rakyat atau daripada PAS kalau tak selesa nak jadi katak boleh pergi jadi katak pergi terjun .....takkk...takkkk....tak bagi.....

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker....Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Tak bagi....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tak bagi sebab nanti dia kacau ganggu fikiran saya

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingat ini dah...Bukan ini sangka jahat Tuan Speaker....Pasal apa....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak kata Barisan Nasional barisan katak.....saya tak bagi laluan.....

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Asal aja dia melompat dia bukan melompat masuk Barisan Nasional...dia...

**TUAN SPEAKER:** Sangka jahat kena rujuk pada peraturan tetap...nanti dulu

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Anak PKR sendiri.....

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Saya tak bagi laluan...kalau saya bagi laluan....

\*\*\* PERTIKAMAN LIDAH ANTARA SEKINCHAN DAN SG. BURONG \*\*\*  
**(Mikrofon ditutup)**

**TUAN SPEAKER :** Duduklah....duduk....dua-dua duduk...tenang dulu...tenang dulu ....kalau ada peraturan tetap kena rujuk peraturan tetap ....jangan cakap aja...ya...saya bagi peluang...peraturan tetap ke....jangan jangan takut saya tak bagi peluang ....Cuma saya minta la ya...ikut peraturan ....baik silakan Sekinchan.....Sekinchan jangan merantau ya.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya cuma explore sikit

**TUAN SPEAKER:** Dah macam *international roaming* dah....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok..ok...*roaming* sekejap dia wimax...wimax baru dia liputan...

**TUAN SPEAKER:** Sila balik ke landasan ya.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok....ok saya balik ke landasan ...saya ambil sepuluh saat sebab katak ini barang siapa di sini antara Pakatan Rakyat nak jadi katak menjelmalah kamu sebelum saya terjemahkan kamu...aaa....saya bagi amaran ...jangan tak selesa kalau tak selesa boleh jadi katak. Saya suruh pergi jadi katak sana tempat isi katak. Tuan Speaker, seperkara lagi kita...saya nak bangkitkan di sini adalah tentang masalah yang dihadapi oleh para petani di kawasan Sabak Bernam, Sekinchan termasuk Sg. Burong lah. Perkara ni wajib saya bangkitkan di Dewan Yang Mulia ini. Di mana baru-baru ini sekarang musim menuai. Musim menuai ni dah 6 bulan. Petani tunggu enam bulan untuk musim menuai untuk mendapatkan hasil dan mendapat pendapatan bagi menyara sara hidup mereka dan meningkatkan aaa.....taraf kehidupan para petani dan Selangor semalam dalam bajet pembentangan Y.A.B Tan Sri kita akan berusaha untuk membantu petani supaya mereka dapat pendapatan yang lebih tinggi. Projek-projek perintis juga dijalankan oleh Yang Amat...eerr....YB Exco Pertanian tetapi ada sesuatu yang tak kena yang wajar saya bangkitkan di sini. Di mana baru-baru ini oleh kerana ada menteri, Menteri Pertanian yang baru dan sekarang ini satu loji Pusat Pemprosesan benih Padi di Tali Air Dua di Sg. Burong telah diberhentikan operasi pada Ogos yang lalu. Dulu ini milik Kementerian. Ya....Kerajaan yang beli benih padi daripada petani. Satu tahun beli 10,000 tan daripada petani dengan harga RM1,400.00.....RM1,400.00 potongan basah 14%..aa...itu Kerajaan bantu, itu memang saya sanjung waktu itu...memang untuk membantu petani di Sekinchan, di Sawah Sempadan dan sebagainya tetapi baru-baru ini

selepas Menteri Pertanian ini menjawat jawatan beliau telah menghentikan dan menswastakan loji ini untuk beri subsidi...kuota subsidi padi, benih padi ini kepada...kepada pihak syarikat swasta di seluruh Malaysia yang paling penting dia bagi dua syarikat kroni mereka, dua syarikat kroni, satu di Alor Setar satu di Parit Lapan, Tali Air Lapan di Sekinchan. Satu syarikat kita nama panggil dia, saya sebut nama dia sebagai Syarikat Hj. Mat Nor...ya...dan satu lagi syarikat...beliau merupakan Ahli Jawatankuasa UMNO bahagian Sg. Besar. Pemiliknya adalah Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Sg. Besar. Itu dia bagi 20,000, mula-mula dia bagi 20,000 kuota subsidi benih padi sekarang oleh kerana ada bantahan dia bagi 17,000. Dan satu lagi *company* dia bagi kepada di Alor Setar iaitu Kejora Riser Sdn. Bhd. Ini ada kaitan dengan Pemuda UMNO Malaysia, Khairy Jamaludin. Jadi syarikat-syarikat kroni ini mereka bagi subsidi kuota ini sebanyak 17,000 setiap satu..satu musim dan syarikat-syarikat yang lain bagi sedikit , 4,000...3,000.....kenapa Kerajaan bagi subsidi? Saya nak maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini. Satu tan benih padi yang dibeli daripada petani sekarang lebih kurang 1400 satu tan kerajaan akan membayar subsidi kepada pengilang tersebut. Dulu musim yang lepas bayar 500 subsidi tetapi musim ini Menteri Pertanian sudah naikkan satu tan kerajaan subsidi kepada kilang tersebut RM1035.00 naik 100% tetapi harga yang dibeli daripada petani tetap dengan RM1400, tidak berganjak. Maknanya, syarikat-syarikat kroni ini akan dapat untung berlipat ganda umpama durian runtuh. Kenapa Kerajaan tidak izinkan petani-petani dapat bersaing biarkan syarikat-syarikat swasta yang lain juga bagi kuota yang banyak supaya mereka datang ke sini boleh beli benih padi boleh beli padi dengan harga yang tinggi supaya petani dapat imbuhan ganjaran yang sewajarnya. Tetapi Kerajaan biarkan, biarkan dua syarikat ini untuk monopolii.....monopoli pasaran dagangan bebas untuk memperkayakan kroni-kroni mereka dan juga saya dapat berita bahawa tujuan Menteri Pertanian ini adalah untuk mengutip dana pilihan raya yang akan datang. Setiap saya dah *check* dengan syarikat-syarikat ini apabila 17,000 tu yang disubsidikan 1035.00 syarikat itu akan untuk lebih kurang 15 juta satu musim. 15 juta atas angin satu musim...aa...kalau nak cabar saya boleh kira 15 juta....2 syarikat 30 juta, kalau dua tahun empat musim sudah berapa? 60 juta lebih kurang yang akan dijadikan dana untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Jadi ini kerja jahat menggunakan dana wang rakyat untuk tujuan politik. Jadi saya mintalah kerajaan melalui EXCO..YB EXCO tulis surat panjangkan kepada Noh Omar tolong bertaubat jangan buat kerja untuk menindas para petani. Ini yang saya nak sampaikan di sini. Seterusnya satu perkara lagi yang penting Sekinchan ini, Sabak Bernam, kita kawasan antara daerah yang paling mundur. Semua orang tahu antara sembilan daerah kita paling mundur. Tapi sekarang ini, mutakhir ini, industri penternakan Burung Walid, Burung Walid sudah berkembang di sana-sini. Sekarang pergi ke bendang di Sekinchan you boleh nampak bangunan tiga tingkat empat tingkat. Kalau salah anggapan mungkin itu hotel, hotel bajet. Tetapi itu hotel untuk burung Walid. Untuk burung duduk hotel 3 bintang. Dan satu masalah yang berlaku sebab penternakan burung Walid dan sarang burungnya banyak berkhasiat. Dia diamalkan secara turun-temurun oleh raja-raja di Negeri China khasiatnya banyak, awet muda. Kalau YB Kewangan Negeri makan, makin muda, aaa Tuan Speaker makan pun makin muda. Aaaa....kalau EXCO daripada Selat Klang makan lagi muda....makin senyum manis....

**TUAN SPEAKER:** Tapi saya....YB Sekinchan....sebab dah lama cakap saya bagi lima minit lagi....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok...ok...ok...lima minit...cukup...cukup...cukup...jadi boleh awet muda dan berkhasiat supaya bertenaga. Jadi harga dia cukup tinggi. Boleh jual ke Hong Kong jual ke Negeri China. Tetapi masalahnya banyak pengusaha mendirikan rumah burung di premis-premis perniagaan di pekan-pekan, di seluruh negeri Selangor termasuk Kuala Selangor Sabak Bernam, jadi bunyi-bunyi bising kacau ganggu. Ini telah menyebabkan banyak kesan sampingan. Jadi sekarang bagaimana kita nak menyelesaikan? Saya ingin mencadangkan

kepada Kerajaan ...aa....YB tolong ambil ...ya ...ambil maklum kita patut di Sabak Bernam, wujudkan satu kawasan penternakan Burung Walid yang bersepadu. Satu kawasan lebih kurang kerajaan gazetkan 100 hektar ataupun 100 ekar untuk semua penternakan Burung Walid berkumpul di situ, bermiaga di situ dan buat penternakan sarang burung di situ supaya kita lebih senang untuk memantau dan pihak Majlis dapat mengutip cukai yang sepatutnya. Seperti apa yang berlaku di Kelantan. Kita kena belajar dengan kerajaan Negeri Kelantan dalam konteks untuk menyusun semula penternakan Burung Walid ini. Kalau tidak Kerajaan akan kerugian hasil kerana ramai penternakan Burung Walid tidak berlesen. Gangguan bunyi Wakil Rakyat setiap hari dapat *complaint* daripada penduduk sekitar. Kerajaan kerugian hasil. Bagaimana kita nak tolong mereka. Jadi saya minta saya lontarkan permasalahan ini kepada kepimpinan EXCO kita dan kerajaan untuk fikir. Saya cadangkan segera gazetkan 100 ekar untuk Pusat Bersepadu Penternakan Burung Walid di Kawasan Sabak Bernam. Jadilah....demikian itulah yang tadi yang saya sebutkan semuanya untuk kebaikan. Kalau ada salah silap dan terkasar bahasa saya mohon maaf dan sekian sajalah perbahasan saya. Saya mohon menyokong.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker.....

**TUAN SPEAKER:** Kuang....

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.....*salam sejahtera...terima kasih YB Speaker, Ahli-ahli YB, Ketua-ketua Jabatan yang saya hormati sekalian. Kuang mengambil kesempatan untuk bersama-sama membahaskan usul belanjawan yang dibentangkan kelmarin. Saya walau bagaimanapun saya mengucapkan tahniahlah kepada Pelabuhan Klang walaupun tak datang tapi dia menyelamatkan diri dia daripada dijolok oleh di belah sana walaupun digelar katak. Negeri Selangor sebenarnya telah memasuki era pasukan Negeri Maju. Bertolak dari detik pengisytiharan Negeri Maju tahun 2005 dari situ prestasi dan produktiviti negeri di paju dan dijangka terus berkembang dan meningkat melalui pengoptimuman sektor-sektor penting yang menjana ekonomi iaitu bidang perindustrian, perdagangan, perkhidmatan dan pertanian. Namun Kerajaan Negeri sekarang memilih pendekatan yang popular dan mengula-gulakan rakyat. Dalam persidangan yang lepas prinsip merakyatkan ekonomi Selangor ke arah negeri berkebajikan ditekankan dan menjadi tunjang Kerajaan pentadbiran negeri. Ia direalisasikan melalui berbagai skim dan program. Antaranya yang disebut pemberian air percuma, bantuan kepada golongan miskin, golongan orang kurang upaya, warga emas, bantuan membahik pulih rumah, rumah ibadat dan bantuan pendidikan anak ke menara gading. Malah Kerajaan Negeri berazam untuk bekerja keras dengan menggunakan istilah memewahkan rakyat Selangor. Saya lihat pendekatan ini meletakkan agenda kebajikan tidak strategik. Tidak membangunkan minda rakyat yang kreatif, berdaya saing dan tekun berusaha. Sekian kali saya ingin menegaskan bahawa kita tidak ada masalah untuk pihak kerajaan membuat kebajikan kepada rakyat. Sudah barang pasti kita mesti membela dan membantu mereka yang memerlukan pertolongan. Namun jika kita berbicara dari segi soal *priority* dalam pembangunan, saya rasa kerajaan negeri mengambil langkah yang keutamaan dan juga keutamaan yang silap dan terkebelakang. Menyebut perkara yang kurang penting, mendahului perkara yang lebih penting. Di sana sini saya lihat Pakatan Rakyat sibuk bercakap skim mesra usia emas, tuisyen percuma sehingga ada yang pula memperkenalkan konsep kampung berkebajikan, apa yang terlintas di pemikiran kita adalah seolah-olah mereka yang tinggal di Selangor ini daif, tidak proaktif dan meminta-minta. Berbanding dengan pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dulu, yang berani menetapkan matlamat yang tinggi dan bercakap mengenai wawasan yang besar, berdaya saing dan unggul. Ini jelas sejak di peringkat awal lagi apabila wawasan 2005 mula diperkenalkan dengan 10 sasaran seperti berikut. Transformasi Selangor menjadi negeri

industri yang maju, pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi sekitar 10% setahun. Penurunan kadar kemiskinan di paras 5%, pembentukan masyarakat penyayang, penambahan industri mesra alam dan peka sosial. Transformasi Selangor sebagai kuasa ekonomi antarabangsa, meningkatkan kualiti kemahiran dan dalaman rakyat Selangor, meningkatkan taraf kualiti hidup rakyat Selangor. Kepastian wujudnya strategi kesinambungan usaha pembangunan dan berpandangan secara futuristik dan penuh persediaan. Kita lihat dari 10 sasaran ini sahaja dimulai dengan hala tuju pembangunan dan tekad membangunkan ekonomi kerana inilah pokok pangkal kepada kemajuan dan kejayaan. Padanya sedia terkandung elemen hendak mengukuhkan ekonomi negeri. Membentuk masyarakat yang peka dan prihatin. Peningkatan kualiti hidup rakyat, pembangunan yang seimbang dan keberanian untuk meneroka masa hadapan. Di sekitar tahun 2001, usaha dilakukan untuk memperkemaskan pencapaian wawasan 2005 dengan pengkajian dan pengenalpastian 75 indikator pengukuran berdasarkan modal daya saing global yang menunjukkan Selangor adalah kompetitif. Kajian ini dibantu oleh MPC, UIAM dan UiTM. 4 teras indikator tersebut iaitu tentang prestasi, ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur. Tetapi adalah ini bermakna kebijakan rakyat, ini tidak bermakna kebijakan rakyat dipinggirkan, tidak sama sekali. Malah kita lebih membela rakyat. Saya kira peruntukan kebijakan rakyat pada tahun 2009 sepanjang tahun ini Kerajaan Pusat memperuntukkan RM57.3 juta untuk bela rakyat miskin di negeri Selangor. Saya nak bagi tahu kepada Dewan yang mulia ini, yang memberi warga emas RM300.00 sebulan itu Kerajaan Barisan Nasional Pusat, yang bagi OKU RM300.00 sebulan Kerajaan Pusat, yang bagi Ibu Tunggal Kerajaan Pusat, yang bagi peruntukan kanak-kanak RM100.00 sebulan kepada anak-anak Ibu Tunggal itu juga Kerajaan Pusat. Tetapi kita tidak lah nak menceritakan yang kita berkebijakan. Kalau dibandingkan peruntukan Kerajaan Pusat pada tahun ini khas untuk kebijakan rakyat, saya kira berlipat kali ganda daripada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Saya tidak mahu bermegah sebenarnya, Barisan Nasional tidak mahu bermegah tetapi kita nak jelaskan kerana kita takut nanti ada orang yang menjawab bahawa itu pemberian mereka, ini pemberian Kerajaan Barisan Nasional. Saya tak nak susu daripada lembu tapi sapi yang dapat nama. Maka itu yang saya nak jelaskan. Kita sebenarnya bukan nak bermegah-megah, kita orang Islam, saya orang Islam, kita tahu kalau kita bermegah-megah datang riak, sompong, bongkak dan mendakkan rezeki dan nikmat yang sebenarnya datang daripada Allah S.W.T. bukannya dari manusia. Allah berfirman dalam surah An-Nal, ayat ke 18 yang bermaksud, *bismillahi rahmani rahim* “dan jika kamu menghitung-hitung nikmat Allah nescaya kamu tidak dapat menentukan jumlahnya sesungguhnya Allah benar-benar maha pengampun lagi maha penyayang.” Kesimpulannya, Kerajaan Negeri sekarang mempunyai wawasan tetapi kerdil. Kita seolah-olah mengajar rakyat untuk bermewah dan menunggu hasil tanpa ada elemen usaha, daya saing, kemajuan dan futuristik. Slogan dan dasar kita perlu dikaji dan tidak perlu ditonjolkan. Dasar kebijakan air negeri baru tadi sahabat saya dari Sekinchan pun sebut pasal air, berhubung dengan soal kebijakan dan pengurusan air negeri ini, saya lihat dasar pemberian air percuma 20 meter padu pertama ini tidak strategik sebenarnya. Dalam konteks pembangunan negeri, kita lihat dengan keberanian yang terpaksa Kerajaan Negeri memberikan subsidi ini sudah berjalan lebih setahun dan ternyata janji terpaksa di kota walaupun ia telah memberikan bebanan kewangan tambahan kepada perkara yang tidak wujud sebelum ini. Walau apa pun dasar kebijakan yang hendak diperjuangkan, beberapa persoalan timbul tentang pelaksanaan dasar air percuma ini yang wajarkan kerajaan mengkajinya semula. Pertama apakah impak yang sebenarnya dinikmati oleh rakyat, hasil pemberian air percuma ini? Siapakah mereka yang benar-benar merasai nikmat pemberian air percuma ini? Nilai 20 meter padu pertama ini hanyalah kira-kira RM11.40, ternyata amat kecil, yang mana pada logiknya semua rakyat Selangor yang bekerja dan berpendapatan walaupun rendah mampu untuk membayarnya. Kita bukan memperlehkan pemberian ini yang mana mungkin ada rakyat yang di luar sana amat memerlukannya untuk air 20 meter padu pertama ini tapi siapakah mereka? Berapakah bilangan dan peraturan mereka yang kritikal memerlukan

bantuan sedemikian dan bagaimana tahap kehidupan mereka? Terlalu daif ke mereka? Paling utama setakat manakah dasar ini telah membantu tahap kehidupan mereka apakah impaknya yang sebenar. Ini bermakna dasar ini hanya mementingkan output, iaitu Kerajaan Negeri memberi bantuan agar kita nampak hebat kerana mampu beri rakyat sesuatu secara percuma, malangnya dasar ini tidak, tiada impak atau kesan positif yang diyakini dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat dan sangat membantu mereka untuk mengharungi kehidupan mereka. Yang kedua, adakah dasar pemberian air 20 meter padu yang pertama ini menepati matlamat asas dalam kita memberi bantuan iaitu memastikan ia dimanfaatkan oleh kumpulan sasar? Pada hemat saya, dasar ini tidak sampai untuk dinikmati oleh rakyat miskin di rumah pangsa kos rendah kerana mereka menggunakan meter bersepodu, itu yang dikatakan oleh Seri Serdang tadi dan juga di kawasan setinggan, begitu juga dalam kawasan yang diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan Pembayaran Secara Pukal perjalanan bekalan air ini dan kenapa tidak dibayar kepada Perbadanan itu sebagaimana yang kita beri RM11 kepada rumah-rumah. Saya, maksud saya rumah pangsa ini. Tadi Seri Serdang menyebut di Selayang pun berlaku, rumah pangsa yang dipotong airnya kerana Perbadanan tidak bayar, itu semua orang miskin, mereka tak rasa nikmat RM11.40 ni yang kita bagi ni yang duduk rumah kaya-kaya ni, dia orang juga merasa. Ini yang kita nak dikaji semula. Bagi rakyat yang benar-benar memerlukan supaya ianya dirasai nikmat oleh rakyat miskin. Itu yang saya nak cakapkan. Bagaimana dengan golongan setinggan sebagai contoh, adakah mereka dapat menikmatinya, dia miskin tapi tak dapat. Barangkali Sekinchan tak ada setinggan, tapi di Selayang ada setinggan, di Kuang ada setinggan sebagai contoh. Bagaimana pula dengan Orang Asli? Hah! Orang Asli lagi dia pakai air daripada hutan, tak merasa RM11.40 pun tentu mereka juga sukar mendapat subsidi ini kerana biasa bergantung pada air sungai, Orang Asli ni. Air yang dibekalkan lebih kepada kawasan yang tidak memerlukan bantuan pun seperti kawasan kediaman mewah, premis komersial, orang kaya ni, hah! Mereka ini lebih daripada mampu untuk membayar cas bekalan air. Ketiga, berapa banyakkah duit atau beban kewangan yang terpaksa dikeluarkan oleh kerajaan pada asalnya ia adalah perbelanjaan tidak perlu tetapi menjadi beban tambahan. Inilah yang dikatakan tiada beban mencari galas, tiada kerja mencari kerja. Jika dikira kerajaan melalui Kumpulan Darul Ehsan, terpaksa membayar kepada Syabas sebanyak hampir RM10 juta sebulan untuk melaksanakan pemberian 20 meter padu air percuma ini. Ini bermakna KDEB akan belanja sekitar RM140 juta, 20 juta setahun, adalah lebih baik jika wang sebegini banyak dibelanjakan dalam sektor yang lebih memerlukan seperti menambah baik sistem pengangkutan, lalu lintas atau perumahan negeri. Ini terbukti kerana ada cadangan untuk perbelanjaan bekalan.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tidak mengizinkan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Aiyo, tadi kena potong lah.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini terbukti ada cadangan untuk perbelanjaan bekalan tambahan kedua yang dibentangkan yang mana RM50 juta hendak diberikan pinjam kepada Darul Ehsan Berhad bagi melaksanakan agenda pemberian air percuma ini. Ini akan meningkatkan perbelanjaan negeri sehingga 1.9 bilion untuk tahun 2009. Keempat, apakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh KDEB ini menyebabkan KDEB terjerumus ke dalam kancang kemelesetan dan menuju kebankrapan. Kita tidak mahu KDEB yang dibina begitu baik sekali terkubur akhirnya. Saya menuntut Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhubung dengan soal ini. Kesimpulannya saya melihat dasar pemberian air 20 meter padu pertama ini bersifat populis, gula-gula untuk rakyat dan satu bentuk perbelanjaan yang tidak berhemah. Membebankan kewangan negeri, terpaksa serta tidak strategik. Tuan Speaker, Yang

Berhormat Speaker, saya dan rakan-rakan dalam Barisan Nasional sentiasa memantau tentang janji-janji dalam manifesto PKR, PAS dalam Pilihan raya umum yang lalu. Jelas ada di antara manifesto Pakatan Rakyat Selangor yang gagal ditunaikan, kerana mereka membuat janji tanpa mengetahui pengiraan sebenarnya. Mereka rasa seronok bila melihat air yang tenang tetapi rupanya terkapai-kapai kelemasan kerana air itu rupanya dalam dan kita tidak tahu berenang. Antaranya tergalang-galang kerajaan negeri menurunkan cukai tafsiran 20% seperti yang terkandung dalam manifesto atas alasan keadaan ekonomi tidak mengizinkan. Ini mendorong seorang bekas pelajar Universiti Teknologi Mara dari simpang 3, Ijok membuat laporan polis mendakwa tertipu berikutan kegagalan kerajaan campuran Parti Keadilan Rakyat dan PAS negeri Selangor menunaikan janji dalam manifesto pilihan raya. Saya ingin menyebut, antara janji-janji dalam manifesto tersebut agar direkodkan dan kita sama-sama ingat dan pantau perkara ini dari masa ke semasa. Kita sama-sama semak jika ada yang tidak tepat, baik perkara tentang sosial, kebajikan, kesihatan, ekonomi dan keselamatan untuk rakyat yang belum lagi dilakukan ialah memberi bantuan RM75.00 sebulan bagi anak yang dihantar nurseri. Memberi bantuan RM50.00 sebulan seorang lagi bagi anak-anak prasekolah. Memberi bantuan yang biasiswa pelajaran untuk anak Selangor. Memberi bantuan kepada anak muda untuk mendirikan rumah tangga. Membuka pusat-pusat sukan mini, rekreasi bagi belia. Rancang ada tapi tak buat. Mencarum Takaful, memberi elauan ibu tunggal. Ibu tunggal ni kerajaan pusat bagi err.. tapi kerajaan negeri tak bagi lagi, memberi elauan suri rumah, wah suri rumah yang memilih untuk menjaga anaknya sepenuh masa di rumah. Kemudian membantu setiap rakyat untuk mendapatkan kediaman sendiri. Menyediakan perubatan percuma warga emas. Menyediakan premis perniagaan yang cukup. Memberi bimbangan perniagaan kepada golongan belia wanita muda, banyak sangat ni. Memberi galakan kepada belia dan wanita muda berniaga dengan sewa minimum atau hanya perlu membayar air dan elektrik untuk dua tahun pertama. Ha... macam-macam ni. Mengurangkan cukai pintu kediaman. Saya dah sebutkan tadi. Menjalankan program bagi membolehkan rakyat miskin terutama petani, nelayan mendapat pendapatan yang lebih tinggi di atas garis kemiskinan, menguatkan syarat-syarat perlindungan alam sekitar, mengelak bencana seperti tanah runtuh dan banjir menggantikan sistem rukun tetangga kepada sistem baru yang lebih berkesan.

Namun begitu, saya mengatakan bahawa adalah yang telah dilakukan sebagai contoh tabung permulaan RM 100 kepada anak Selangor tetapi saya tak tahu jumlahnya apakah semua orang dapat, memberikan RM 1000 kepada anak Selangor apakah semuanya dapat. Saya pun tidak tahu, tidak dinilaikan tak kan tujuh (7) ribu orang aja anak Selangor masuk Universiti, rekod mengatakan 7 ribu.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Minta laluan Tuan Speaker

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tidak mengizinkan,

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kemudian oklah yang lainnya bagi wanita cuti 90 hari dan sebagainya. Namun begitu, saya suka mengingatkan kepada mereka yang membuat janji

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuang, Sri Muda nak minta penjelasan

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tak izinkan, kalau nak sampuk lepas saya habis kang saya bagi.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sekarang, sekarang

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Ini hak saya

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda, baik

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Takut pula....

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini hak saya, ini hak saya, saya bukan masalah takut, saya nak menghabiskan kerja saya

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda, sila duduk

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Kalau tak nak air percuma tu tak apa, boleh adu, ha... kena *provoke* macam tu baru nak bagi. Terima kasih banyak

**TUAN SPEAKER:** Ok, ok nak yang bagi tak nak bagi ha.. yang dah bagi sila cakap terus

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih, sebab saya cakap macam tu, Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Nanti dulu Tuan Speaker cakap ni, dah bagi cakap jangan panjang-panjang lagi, yang nak bagi pun bagi awal-awal lah, jangan pujuk-pujuk baru nak bagi, jangan buang masa. Ok, silakan Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya *provoke* tu baru dia bagi kalau tidak dia tak bagi. Baik terima kasih. Saya ingin berbalik kepada Yang Berhormat Kuang tadi berkenaan dengan pemberian air percuma, walaupun kita dikatakan sedikit tapi adakah Yang Berhormat Kuang tahu sepanjang 50 tahun pun BN memerintah usahkan 20 meter padu 2 meter padu pun dia tak bagi dan satu lagi kalau Yang Berhormat rasa pemberian 20 meter padu tu sangat sedikit tak apalah rumah BN, ADUN-ADUN BN, ADUN-ADUN UMNO ni semua kita potong bagi kepada rakyat-rakyat yang memerlukan. Terima kasih banyak.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya tidak mengatakan pemberian air ini tidak elok. Perkara ini baik tapi yang diberikan apa rumah di Seksyen 9 dapat, di Damansara dapat untuk apa, untuk apa rumah wakil rakyat, rumah kita semua, ambil balik RM11.40. Kita mampu untuk bayar

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Elok kita rekod dalam ini

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Bukan sahaja saya, tuan-tuan semua Yang Berhormat semua

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, EXCO tolong catitkan Yang Berhormat Kuang tidak mahu air percuma.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya setuju

**TUAN SPEAKER:** Kita potongkan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tiada masalah, yang kita nak tumpukan kepada rakyat yang duduk rumah pangsa ni, dia mempunyai meter yang berpukal, mereka tidak rasa nikmat RM 11.40 ni.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Minta laluan lagi Yang Berhormat

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Macam mana gayanya nak kita laksanakan perkara ini berlaku. Saya ingat cukup lah kepada Sri Muda. Saya nak habis sikit lagi,

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya minta laluan sikit lagi, sikit lagi, sikit lagi

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Lepas ni saya bagi Sri Muda cakap semualah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya, saya. terima kasih Yang Berhormat Kuang, saya nak tegaskan bahawa mungkin Yang Berhormat Kuang ni tak perasan proses penukaran meter pukal ini meter bersepodu ini kepada individu sedang dibuat, tak mungkin semuanya kita boleh laksanakan dalam tempoh satu malam. Ia memerlukan masa, macam saya sebutkan tadi 50 tahun BN memerintah 2 meter padu pun tak ada. Sekurang-kurangnya kita dah memulakan sesuatu. Jadi tolong faham perkara tersebut, jangan hentam aja.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Cukup tu, sebenarnya 52 kita buat negara ni maju dan negara ni begitu mewah sekali, 52 tahun rakyat begitu mewah sekali, saya ingat kalau tak kerana Barisan Nasional barangkali Sri Muda pun tak sampai dalam dewan ni begitu segak sekali hasil perjuangan Barisan Nasional maka pandai pakai kot dan sebagainya.

Saya teruskan Yang Berhormat Speaker, ha.. sikit lagi, sikit la.. err. Saya suka mengingatkan kepada mereka yang berjanji akan meneliti setiap perkara yang telah dijanjikan supaya anda tidak termasuk dalam kategori orang yang munafik dan lidah bercabang. Allah S.W.T. mengingatkan dalam surah Al-Saf ayat ke 61, ayat 2 dan 3 yang bermaksud, *Bismillahi rahmani rahim "Wahai orang-orang yang beriman mengapa engkau mengatakan apa yang tidak engkau lakukan, amat besar kemungkaran di sisi Allah, kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan".* Saya juga menghormatilah kerajaan negeri yang berorientasikan kebajikan di manapun sebut kerajaan negeri yang berorientasikan kebajikan tapi baru-baru ini saya nak mempersoalkan Tuan Speaker, mengadakan Sua Rasa baru-baru ini, tang mana Sua Rasa ini bermotifkan kebajikan. Kerajaan menanggung perbelanjaan 900, saya dengar 790 ribu lebih tang mana ni Sua Rasa datang kebajikan ni. He... menyanyi-nyanyi dapat kebajikan pula macam mana. Carilah 'sponsor' ni kilang 'Carlsberg' pun ada. Apa pakai duit kerajaan nak buat Sua Rasa, RM790 ribu ini boleh bagi kepada Batu Tiga nak bela rakyat dia EXCO Kebajikan. Boleh tolong orang Batu Tiga. Saya nak bagi tahu perbelanjaan berhemah lah sikit. Dulu kata BN tak berhemah buat Sua Rasa menyanyi melalak sana sini kerajaan Selangor tanggung 790 ribu ni, apa ni. Erk.. Jangan cakap kita tak betul semua, tuan-tuan pun tak semua juga.

Lagi satu saya nak mempersoalkan Perbadanan Menteri Besar ini (MBI) Menteri Besar Incorporated, banyak betul peruntukan bagi kepada MBI ini, sapa yang jaga ini. MBI ni MB Menteri Besar jaga sorang-sorang ke, dia mana boleh jaga nak jaga hutang dia lagi 66 juta nak fikir. Siapa yang jaga MBI ni, saya nak Yang Amat Berhormat Ijok mesti jelaskan, siapa yang jaga MBI ini yang diperuntukkan wang yang begitu banyak, duit rakyat di situ. Ini saya nak pertikaikan. Saya tak payah banyak-banyaklah, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak bagi can lah Sri Muda lepas ni barangkali nak bercakap pula. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Sekian, Assalamualaikum dan salam sejahtera.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Bangi berdiri untuk membahaskan Bajet Perbekalan 2010. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, para EXCO, ADUN-ADUN, Pegawai-pegawai Kerajaan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Kita akan membahaskan tentang jumlah peruntukan Bajet Perbekalan 2010 yang berjumlah RM 1,300 juta yang mana dipecahkan kepada perbekalan RM 674,890,731.00 tanggungan RM 34,749,269.00 dan pembangunan RM 590, 400,000.00 yang mana peratusannya adalah 51.91 peratus yang kedua tanggungan 2.67 peratus dan pembangunan 45.42 peratus.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli ADUN sekalian,

Sebenarnya kejayaan dari segi pembangunan yang kita hasrat ingin menjadikan Selangor negeri maju dan rakyat sejahtera bergantung kepada semua pihak bermula daripada atasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, para EXCO, ADUN, Setiausaha Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan hinggalah membawa kepada yang terendah Ketua Kampung dan sebagainya. Dan ini sebenarnya bergantung kepada *effectiveness* dari segi hubungan antara semua rangkaian dalam menjalankan tugas masing-masing. Walau macam mana Bangi berpendapat ada masalah komunikasi dan perhubungan yang agak kurang berkesan terutama umpamanya hubungan dari segi EXCO dengan wakil-wakil rakyat dalam mana maklumat-maklumat yang sepatutnya segera sampai kepada ADUN-ADUN untuk dilaksanakan terutama dari segi projek dan sebagainya. Mungkin agak terputus walaupun sudah ada usaha untuk diberi maklumat kepada ADUN-ADUN pada tiap-tiap petang hari Jumaat tetapi hari yang sedemikian dalam masa yang agak terhad sukar bagi ADUN-ADUN nak datang pada petang hari itu. Saya ingat ini boleh digunakan secara disebarluaskan sama ada penerbitan secara bercetak ataupun terus menggunakan laman web kepada ADUN-ADUN supaya mereka dapat maklumat berterusan pada setiap minggu apa yang penting bagi mereka, tidak barangkali tidak semua diedarkan maklumat itu tetapi yang penting disampaikan secara laman web, jadi kita terus dapat ikut dan dapat melaksanakan apa-apa benda ini, perkara-perkara yang penting yang kita laksanakan tidak kita menungguan Selangor kini sahaja umpamanya satu bulan sekali baru dapat maklumat. Itu agak terlambat. Saya fikir umpamanya antara mekanisme yang penting ialah Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Pejabat-pejabat Daerah dan juga PBT-PBT. Dulu pada masa sidang Dewan Undangan kita yang kedua yang telah membangkitkan pada bulan Mei dulu tentang betapa tidak ada pertemuan atau mesyuarat-mesyuarat yang dilakukan di Pejabat Daerah dengan ADUN-ADUN sehingga kita merasa kita tidak dapat bekerja dengan selesa berhubung dengan apa ini Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung. Selepas kita membuat kritikan ini nampaknya benda ni Pejabat-pejabat Daerah telah mulai memanggil ADUN-ADUN dalam mesyuarat-mesyuarat dua bulan sekali mulai daripada bulan November 2008 yang lepas dan kita mendapati cara yang ini cara ini dalam mana pertemuan ini di panggil pegawai-pegawai daripada berbagai-bagi Pejabat, Jabatan seperti JPS, Polis, Jabatan Agama, JKR, Kesihatan dan berbagai-bagi lagi, kita bertemu dan berbincang tentang masalah-masalah yang ditimbulkan oleh rakyat yang kita salurkan terus kepada Jabatan-jabatan berkenaan dan juga maklumat daripada Jabatan-jabatan berkenaan kepada ADUN dan ke bawah lagi, kita dapat maklumat terus dan ini kita dapat jalankan dengan baik hinggalah kepada peringkat yang paling bawah iaitu Ketua Kampung.

Dalam hubungan kita dengan Penghulu dan Ketua Kampung ini kita dilahirkan rasa rintihan mereka lah, kalau PBT dia punya Ahli-ahli Majlisnya ada peruntukan. Ini bergantung kepada kewangan tiap-tiap PBT umpamanya ada yang RM 10 ribu diperuntukkan bagi setiap ahli PBT untuk kegiatan tempat masing-masing, setengahnya kalau kita tahu dengar macam PJ sampai RM 100 ribu pun ada. Jadi Ketua-ketua Kampung, Penghulu mereka mengadu mereka ini tidak ada apa-apa peruntukan satu sen pun tak ada, bekerja elau dia adalah tapi untuk melawat dan sebagainya kegiatan ertinya dijemput kosong saja, sedang JKKP mereka diberi peruntukan mereka boleh taburkan peruntukan ini kepada masyarakat setempat, sedangkan Penghulu kita, Ketua Kampung kita tidak ada sebarang peruntukan bagi mereka, sebab itu mereka merayu dan saya rasa simpati sepatutnya kita memberi peruntukan kepada mereka kalau pun tidak banyak Penghulu beri RM 20 ribu ke untuk setahun bagi kegiatan anak buah mereka dan juga Ketua-ketua Kampung ini kalau tak dapat tinggi RM 10 ribu ke atau paling minimum RM 5 ribu ertinya ada sedikit sebanyak. Kalau panggil kenduri peruntukan dan sebagainya ada boleh disebabkan kematian ke apa boleh dibantu jadi ada kesan sikit Penghulu dan Ketua Kampung ini dalam hubungan dengan masyarakat setempat tidak sebagaimana sekarang kosong sahaja, ertinya mereka ialah bergantung kepada ADUN lah kita turun tapi kalau ada peruntukan sedikit sebanyak kepada mereka saya ingat itu ertinya lebih baik dan memberi kesan kepada Penghulu dan Ketua-ketua Kampung kita ini.

Mekanisme yang penting juga dari segi hubungan ini dalam apa ini menjalankan pentadbiran bagi kepentingan kerajaan kita ialah melalui PBT. Saya juga telah bangkitkan pada mesyuarat kita bulan Mei juga dulu, betapa ADUN-ADUN ini di asingkan, tidak dimasukkan sebagai Ahli dalam Majlis Perbandaran, tiap-tiap macam kami MPKj lah jadi bila kita diasingkan sebenarnya kita tidak dianggap sebagai ahli di dalam PBT itu, kita sebagai pemerhati luar tidak berhak memberi fikiran, walaupun diberi fikiran kalau ada kadang-kadang diberi ruang tetapi tidaklah kita sebagai ahli di dalam. Tujuan asalnya takut kita terlibat dalam rasuah, tetapi sekarang pun ada orang kita dipanggil, dituduh rasuah, dia diselongkar dan sebagainya, bukti tiada lagilah setakat ini, tetapi apa yang kita nak elakkan sebenarnya berlaku juga dari segi mereka datang selongkar dan sebagainya. Tapi saya ingat tujuan kita, kalau kita berada itu adalah lebih effective daripada kita berada di luar, jadi kita tidak dapat menentukan polisi yang dalam kawasan PBT pada hal dia di bawah kawasan kita, bahkan bandaran ini sebahagian besar daripada kawasan kita yang sepatutnya kita kawal yang polisinya kita kawal kita tahu perkembangannya, tetapi kita berada di luar, dalam mana tempat paling banyak menggunakan peruntukan, dengan projek-projeknya, kita di luar tidak tahu, kita tak tahu ke mana ataupun kepada mana diberi kita dah banyak dengarnya orang-orang di kalangan kroni UMNO yang masih dapat, so kita dari luar sahaja, sebab kita tidak ada berada di dalam. Kita dengar juga projek-projek yang RM20,000.00 ke bawah tak perlu di lulus melalui mesyuarat, boleh melalui ketua sahaja lulus. Kelulusan ini barangkali di seleweng diberi kepada kroni-kroni tertentu tanpa kita berada dan mengenali masalah dalaman itu. Begitu juga ahli-ahli yang dilantik di dalam kawasan Adun ini, dalam Majlis Perbandaran ini, walaupun rekomen daripada kita, oleh kerana kita berada di luar, mereka ini tidak, kadang-kadang tidak memberi kerjasama kepada kita, lebih-lebih lagi yang luar daripada parti kita. Maknanya kalau saya parti Islam (PAS) lantik orang PAS dia patuhlah kita panggil, tetapi kalau dia dari parti lain, dia tidak terikat dengan kita. So, kita panggil untuk penyelarasang bukan kita nak panggil apa, ertinya kita nak menyelaraskan daripada segi projek, dari segi peruntukan Adun, kita nak edar tempat masing-masing, mana yang sesuai atau tidak peruntukan yang dipohon, jadi kita hendak dapatkan input daripada mereka, daripada kawasan mereka yang dilantik bukan daripada parti kita. Mereka tidak datang kerana dianggap mungkin kalau datang mereka ni patuh, duduk tertakluk di dalam pengaruh parti kita, jadi dia tidak datang. Sebenarnya kita adakan itu untuk penyelarasang bukan ertinya mesyuarat parti, jadi itu menunjukkan bahawa kurang kesan dari segi pengawalan kita terhadap ahli-ahli PBT kerana mereka merasa, mereka bukan di bawah parti

mereka walaupun kita yang merekomendkan mereka lantik di dalam PBT itu. Selain daripada itu, maklumat-maklumat di PBT itu, yang amat penting bagi Adun. Masalah-masalah di kawasan aduan-aduan yang besar-besar, tak sampai kepada kita, kita nak bawa kepada dewan, kalau kita akan pilih mana-mana yang paling penting kita bawa ke atas, tetapi oleh kerana kita di luar kita tidak dapat maklumat yang penting yang seharusnya kita dapat bawa ke atas, selain daripada projek-projek tertentu yang nak dijalankan, ertinya mereka luluskan di kalangan mereka dan kita tidak terlibat. Begitu juga benda ini tidak ada penyelarasan tugas antara pihak PBT dan Adun. Kadang-kadang benda ini kita nak buat sesuatu, dia buat sesuatu, kadang-kadang bertindih, kadang-kadang peruntukan yang dia keluarkan kepada yang fikir, kita fikirkan yang kurang perlu yang patut digunakan tempat perlu dan sebagainya, kadang-kadang juga oleh kerana kita di luar aduan-aduan daripada Adun ini tidak ertinya memakan masa yang lambat untuk diambil tindakan, jadi kita merasakan dari pengalaman saya sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pihak Berkuasa Tempatan kita dapat maklumat banyak perkara-perkara yang ertinya kurang memuaskan dalam PBT ini, terutamanya secara kasar antara pentadbir dengan Ahli-ahli Jawatankuasa di PBT itu, kebanyakannya yang telah kami melawat sebanyak 12 tempat kita telah buat lawatan, saya tidak pergi sepenuhnya tetapi sebahagian besar ..... Bila kita dengar daripada Yang Dipertua semuanya cantik-cantik, dengan jawatankuasa dialah, bila mereka keluar, mereka minta dia keluar, bila keluar datang sesi ahli-ahli PBT ini, Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantiknya, semua amat bercanggah sama sekali, ada perjalanan secara diktator, mereka ni sebagai *rubber stamp* saja datang, mereka tidak dapat mengeluarkan pendapat, terima arahan sahaja dan Ahli-ahli Majlis yang dilantik ini, mereka tidak berpeluang untuk mengadakan sesi *pre-council* untuk mereka, sebelum mereka masuk dalam mesyuarat PBT itu sendiri. Jadi ini menunjukkan bahawa banyak benda-benda ini perkara-perkara yang perlu diperbaiki dalam PBT dan kalau Adun berada di dalam itu, sebenarnya lebih *effective*. Kami merasa oleh kerana kami berada di luar 2/3 daripada pengawalan, pengaruh yang sepatutnya kami ada di bawah PBT itu, kita kehilangan pengaruh kita, kita berpengaruh di bawah kawasan di mana pejabat daerah yang panggil kita bermesyuarat dua bulan sekali, jadi kita dapat maklumat dan kita perjalanan dengan Ketua Kampung dengan Penghulu lebih berkesan kerana kita ada komunikasi, maklumat yang kita terima daripada Ketua Kampung dan membawalah kepada Penghulu dan sebagainya. So sekali lagi saya, tahun lepas saya sudah memohon dan dijanjikan untuk *renew* untuk setahun, sekali lagi menyeru supaya difikirkan balik tentang ADUN-ADUN yang sengaja diasingkan daripada PBT ini, kerana pengasingan ini seolah mengasingkan mereka daripada maklumat-maklumat yang penting yang seharusnya mereka tahu daripada PBT di bawah tempat-tempat masing-masing. Yang jelasnya kalau kita tengok satu segi pula, ada perbezaan antara kawasan di bawah pentadbiran daerah berbanding dengan PBT. Bawah kawasan pentadbiran pejabat daerah ini amat lemah, amat mundur, ertinya kampung, di bawah Ketua Kampung, di bawah Penghulu, saya sudah sebutkan tadi, mereka tidak ada peruntukan, tidak ada Majlis-majlis Perbandaran untuk membersih kawasan, nak baiki parit, longkang dan sebagainya peruntukan daripada Pejabat Daerah apa lagi kita pejabat luar bandar sekarang bukan di bawah kita banyak peruntukan yang sepatutnya dapat digunakan dulu, sekarang tak boleh diguna. Jadi mereka ini ertinya miskin dari segi wang, daripada kegiatan dan menyebabkan kawasan-kawasan di bawah Ketua Kampung, Penghulu ini ketinggalan jauh berbeza dengan bawah PBT. PBT mempunyai peruntukan ratusan juta, berbanding dengan kawasan kampung tadi, mereka mempunyai peruntukan yang besar, Ahli-ahli PBT ada peruntukan masing-masing, boleh turun dengan peruntukan yang diberi kepada mereka dan untuk projek-projek kecil mereka dapat jalankan bersama ADUN. Jadi kalaularah macam ini, kalau ada cadangan kita nak mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan dan kerajaan tempatan kita akan lakukan pilihan raya di kalangan PBT sahaja kawasan bandar dan mereka dilantik jadi wakil PBT maka akan bertambah mundurlah kawasan kampung yang tidak termasuk di bawah pilihan raya yang kita adakan. Kalaupun nak diadakan saya fakir, kita mesti campurkan, sekalikan antara kawasan di

bawah PBT dan di bawah pejabat daerah di sekalian dari segi, saya fikir bukan sahaja nak pilihan raya mengapa tidak seumpamanya, projek-projek yang sama dijalankan oleh PBT termasuk kawasan kampung yang ketinggalan sekarang. So kalau kita nak ada pilihan raya kecil ertinya kawasan-kawasan ini pun juga akan terlibat dengan pilihan raya supaya bila ada pilihan ketua-ketua ada dinamik bagi mereka untuk menjalankan projek-projek kemajuan di kawasan kampung-kampung di bawah Penghulu dan Ketua-ketua Kampung, tetapi saya fikirkan kalau macam ini ertinya kita ada tiga lapis wakillah, wakil parlimen lagi, ada Adun lagi, ada wakil tempatan lagi, terlampau banyak pula, jadi kena fikir juga adakah wajar atau tidak dari segi rasionalnya yang kita nak adakan, jadi Tuan Speaker, perhubungan yang baik adalah penting bagi mengeratkan hubungan antara ahli politik dan pentadbir, kakitangan sebagai pelaksana polisi dan pentadbiran kerajaan.

Satu yang kita lihat, usaha kita yang kita lakukan melalui SELCAT, itu sebenarnya saya puji saya menyanjung tinggi ini adalah satu cara ketelusan yang kita nak lakukan bagi melihat perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri kita. Walau macam mana timbul kontroversi yang kita tahu yang saya pun tak perlu panjangkan sudah disebutkan oleh beberapa kawan tetapi saya fikir ini perlu diperbaiki dari segi pendekatan dan kaedah perjalanan SELCAT ini, tetapi tujuan kita adalah baik dan ini harus diteruskan dan ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan merasa cemburu sebab itu ertinya ADUN-ADUN kita menjadi objek-objek kepada mereka, serbu dan sebagainya yang membawa kepada kematian Teoh Beng Hock itu, yang sebenarnya saya lihat lebih banyak motif politik daripada tujuan untuk memastikan sama ada kita rasuah atau tidak. Setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan orang-orang kita terlibat dalam rasuah jadi ini adalah dengan tujuan politik semata-mata. Kematian Teoh Beng Hock nampaknya menjelaskan rancangan mereka untuk memerangkap ADUN-ADUN kita dalam apa yang dikatakan rasuah, tetapi saya fakir kita perlu teruskan tujuan baik kita ini, supaya kita dapat menegakkan tentang ketelusan pemerintahan kerajaan kita.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian,

Dalam hal ini saya melihat baru-baru ini, pihak SPRM untuk menubuhkan pasukan khas bagi menangani wang peruntukan Ahli Parlimen dan Adun, saya ingat membawa implikasi, lebih banyak implikasi yang negatif dari positif. Selama ini kita sebagai rakyat biasa memang terbuka untuk SPRM membuat, penyelidikan dan sebagainya kalau didapati terlibat dalam rasuah. So mengapa nak ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk meneliti tentang peruntukan Ahli Parlimen dan Adun ini, peruntukannya tak banyak mana ye, yang lebih besar patut ditumpukan, kerana dengan penubuhan ini memberi erti seolah-olah sebelum ini gejala rasuah tidak begitu serius atau tidak berlaku di kalangan ahli politik terutama BN sebelum kerajaan PKR kita, itu seolah-olah memberi makna, bila kita ada, ada jawatankuasa ini, ini menunjukkan bahawa rasuah ini ada, kerana adanya kita daripada Pakatan Rakyatlah agaknya itu memberi implikasi seolah-olahnya begitu. Begitu juga meletakan Ahli Parlimen dan Adun kelompok yang agak perasuah yang utama. Kita ini seolah-olah perasuah yang utama. Ini menimbulkan tanggapan/fokus yang utama menjadi objek mangsa yang disyaki rasuah ialah kalangan ahli politik maknanya kita terutamanya daripada PKR yang menjadi tumpuan dan ini merendahkan maruah dan imej Ahli Parlimen dan Adun di mata rakyat. Jadi kita ini ertinya tumpuan yang bagi pihak badan ini sentiasa memantau kita sebagai golongan yang paling dekat melakukan rasuah. Ini membantu dan menghalang mereka yang berpotensi untuk berpolitik dan menjadi pemimpin pada masa hadapan untuk mencebur diri dalam politik. Kalauolah macam ini, jadi semua orang takutlah nak jadi politik ini, dia akan diburu, di intip sentiasa walaupun dengan RM500,000.00 peruntukan dah kita ada dengan cara-cara penggunaan pun, kita sebenarnya merasa tak tenteram, risau, mungkin tersilap dan sebagainya terlibat kita dalam rasuah, sebab itu jangan, tak payah jadi ahli politiklah lebih selamat,

kemungkinan itu tanggapan mereka yang akan datang, terutama mereka yang berpotensi untuk menjadi pemimpin negara dan rakyat. So begitu juga apa ini... memudarkan. Ini juga memudarkan sistem demokrasi di negeri kita kerana tiada orang hendak masuk politik lah kerana kalau orang masuk politik adalah orang yang buat dengan rasuah. Boleh terlibat dalam rasuah. Ia senantiasa disyaki, sentiasa diikuti oleh pasukan SPRM dan sebagainya. Jadi mereka ini sebagai, mereka senantiasa di intip. Jadi kita mengharapkan supaya cadangan menubuhkan pasukan memantau ahli parlimen dan ADUN ini tidak diwujudkan. Letakkan mereka sebagai rakyat biasa ertinya kita dalam keadaan biasa. Kalau ada unsur rasuah ada pada kita, silakan siasat. Jangan salah ertikan ada pasukan senantiasa ikut kita. Ini meletakkan kita dalam keadaan tidak tenteram dalam kehidupan kita. Tuan Speaker antara jabatan yang tertinggi dengan peruntukan

**TUAN SPEAKER:** Yang berhormat, boleh kita sambung esok.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER:** Boleh.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Insya-Allah. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang menunjukkan 4.30 petang maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok 12 November 2009 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang )